

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 20</b>	<b>Isnin</b>	<b>6 Julai 2015</b>
----------------	--------------	---------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI</b>	(Halaman 1)
<b>MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEORANG AHLI</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan ) 2015	(Halaman 28)
Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015	(Halaman 85)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 6 Julai 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEORANG AHLI**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun yang baru sahaja angkat sumpah sebentar tadi sebagai Ahli Dewan Negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menarik perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen Malaysia. Apabila saya sebut Parlimen Malaysia, termasuk dua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara kepada lafaz ikrar taat setia yang sama seperti dilafazkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Azizah sebentar tadi. Semua sedia maklum termasuk saya sendiri juga mengangkat sumpah atas lafaz yang sama juga tidak kira apa jawatan sama ada Menteri ataupun Ahli Parlimen biasa, Ahli Dewan Negara biasa. Ini bermakna bahawa kita sebagai Ahli Parlimen hendaklah sentiasa taat setia pada Malaysia. Apabila disebut pada Malaysia itu, Kerajaan Malaysialah dan mempertahankan dan melindungi Perlembagaan negara.

Dua perkara ini penting untuk dihayati oleh semua Ahli Parlimen. Sebagai Ahli Parlimen, hendaklah sesungguhnya memahami dan menghayati sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan yang telah diamalkan di negara ini sejak kita merdeka 1957 lagi. Keputusan pemerintahan negara secara demokrasi dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya umum lima tahun sekali mestilah dihormati oleh semua rakyat khususnya Ahli-ahli Parlimen sendiri. Janganlah sesekali wujudnya

pula perilaku cuba hendak sabotaj atau jatuhkan kerajaan tanpa melalui proses demokrasi demi menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat sejangat,

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa-masa kebelakangan ini saya amat risau sekali memandangkan keadaan dan kalau hendak mengubah sesuatu pemerintahan lakukanlah perubahan melalui proses demokrasi. Jangan sesekali buat sesuatu perkara yang di luar Perlembagaan dan proses demokrasi. Sekian sahajalah ucapan saya kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya yang baru sahaja dilantik. Kepada Yang Berhormat yang baru dilantik, saya ingin menasihatkan jangan buang masa. Sebaik sahaja mengangkat sumpah di Dewan Negara, tunjukkan kebolehan masing-masing. Ini bukan tempat bermain-main, bersandiwara. Ini satu Dewan yang mulia ini, yang membuat undang-undang negara dan perlulah mencari jalan yang bijak, mencari ilmu sesungguhnya untuk menyumbangkan sesuatu kepada rakyat dan negara tercinta. Sekian, terima kasih.

■1010

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan-pertanyaan Lisan. Yang Berhormat semua, kita hari ini, esok hari terakhir dan saya akan cuba memberi peluang kepada semua untuk berbahas. Kita ada beberapa rang undang-undang lagi dan juga pada soalan lisan ini sebagai nasihat saya, cuba ringkaskan dan pihak kementerian pun jawab secara ringkas juga, tepat dan bijak.

1. **Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apa pendirian kerajaan terhadap kenyataan Presiden Filipina Benigno Aquino yang menyatakan bahawa, Kerajaan Filipina tidak akan berputus asa bahawa Sabah adalah sebahagian dari negaranya. Apa tindak balas kementerian berkenaan isu ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin atas pertanyaan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian sentiasa mengambil berat terhadap isu tuntutan ke atas Sabah. Kerajaan Malaysia telah berulang kali menegaskan pendiriannya bahawa Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian dari Malaysia sejak 16 September 1963.

Susulan daripada kenyataan Presiden Filipina di media Filipina berkaitan tuntutan ke atas Sabah bertarikh 15 Mei 2015, pihak kementerian telah memanggil Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Filipina di Kuala Lumpur pada 19 Mei 2015. Ekoran daripada pertemuan tersebut, pihak kementerian telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 25 Mei 2015 berkaitan dengan perkara ini. Kementerian Luar Negeri sekali lagi telah mengadakan perjumpaan bersama wakil daripada Kedutaan Besar Filipina di Malaysia pada 3 Jun bagi menegaskan sekali lagi pendirian Malaysia ke atas isu ini. Sesungguhnya Kerajaan Malaysia tidak akan berganjak daripada pendirian yang telah termaktub dan sudah pasti tidak

mengiktiraf ataupun tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Masalah tuntutan yang berpanjangan dari negara Filipina dan pewaris Kesultanan Sulu terhadap Sabah melibatkan satu sejarah yang panjang. Pertikaian undang-undang antarabangsa serta langkah sosioekonomi dan kebudayaan yang berdasar sentiasa berpotensi sebagai bom jangka terhadap hubungan diplomatik antara Malaysia-Filipina serta isu keselamatan di Kepulauan Borneo. Oleh yang demikian, soalan tambahan saya ialah, adakah benar wujudnya lagi perjanjian atau tuntutan bahawa Sabah masih lagi kepunyaan Sultan Sulu dan Filipina? Apakah tindakan kerajaan sekiranya perkara ini benar? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan di sini tentang apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Chin. Kita kena balik kepada sejarah. Pada 24 Mei 1962, Kerajaan British telah mewartakan bahawa kedaulatan Borneo Utara adalah di bawah kuasa British dan sebarang tuntutan ke atas Sabah oleh mana-mana pihak adalah tidak sah serta Kesultanan Sulu hanya layak menerima wang serahan seperti yang dipersetujui sahaja. Pembayaran wang serahan kepada Sultan Sulu dan warisnya dibuat berdasarkan perjanjian 22 Januari 1878 antara Sultan Sulu, Sultan Mohamed Jamal Al-Alam dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent daripada Syarikat Borneo Utara British.

Perjanjian 1878 tersebut memperuntukkan bahawa Sultan Sulu menyerahkan buat selamanya atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *permanently grant and sit* wilayahnya di Borneo Utara dan waris Sultan Sulu hanya berhak menerima bayaran wang serahan tahunan sebanyak 5,300 peso Mexico. Itu yang telah pun kita buat perjanjian di antara mereka dan British ketika itu.

Kemudian selepas Suruhanjaya Cobbold yang telah ditubuhkan pada tahun 1962 untuk mengadakan pungutan suara ke atas penduduk di Sabah dan Sarawak berkaitan dengan penubuhan Malaysia, kajian telah dijalankan dan rakyat negeri Sabah telah bersetuju untuk bersama dalam penubuhan Malaysia. Maka akhirnya diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, maka tidak lagi timbul sebarang persoalan tentang negeri Sabah bersama dengan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Bukankah pernah Presiden Filipina yang terdahulu sudah menggugurkan tuntutan Sabah ke atas Malaysia sebelum ini? Jadi, mengapakah Presiden Aquino masih membangkitkan perkara ini? Menteri tolong jawab. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyangka Datuk Seri Nalla juga tahu tentang sejarah Filipina dan Sabah ini. Jadi saya ucapkan tahniah dan syabas kerana soalnya itu tepat bahawa pernah satu ketika tahun 1977. Dalam persidangan ASEAN di Kuala Lumpur pada 1977, Presiden Marcos pernah mengatakan bahawa beliau akan cuba untuk membawa isu ini dan menggugurkan tuntutan Filipina terhadap Sabah.

Walau bagaimanapun, perkara ini amat sukar dijalankan atau dibuat oleh Presiden Marcos ketika itu. Maka sebab itu ia berlarutan sehinggalah adanya *constitution* mereka yang baru pada tahun 1987, di mana peta itu mereka masih lagi mengatakan Sabah masih dalam Filipina. Walau bagaimanapun, seperti jawapan yang saya berikan tadi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla bahawa apa pun yang berlaku, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengiktiraf Sabah dalam Malaysia. Itu yang patut kita sama-sama perjuangkan dan mempertahankan maruah negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada aktiviti perjudian mesin kuda telah berjaya dihapuskan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Adakah pihak kementerian atau pihak PDRM mampu memberikan jaminan bahawa kegiatan tersebut berada dalam keluk pengurangan. Diharapkan supaya suatu Suruhanjaya Diraja dibentuk bagi memperihalkan butiran mengenai jenayah ini dan untuk mengkaji langkah-langkah pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Diraja Malaysia khasnya Jabatan Siasatan Jenayah memandang serius aktiviti perjudian haram terutamanya yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutamanya di kalangan golongan muda. Pihak polis telah melancarkan operasi khas pada Oktober 2014 di seluruh negara bagi membanteras kegiatan perjudian hingga ke akar umbi dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket perjudian.

#### ■1020

Bagi tahun 2015 sehingga Mei, pihak polis melaksanakan sejumlah 74,382 serbuan dan telah menangkap seramai 6,328 orang penganjur dan pemain serta merampas sejumlah 18,789 mesin ataupun komputer yang diguna untuk perjudian. Secara kasar rampasan yang dibuat berjumlah RM18.7 juta pada anggaran RM1,000 setiap komputer dan peralatannya. Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada pulang kembali, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan unit pemantauan diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard ataupun JIPS bagi memastikan gejala perjudian haram diperangi hingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin haram.

Statistik pemantauan dibuat oleh pihak JIPS di seluruh negara pada bulan November 2014 hingga 2015 bulan Mei adalah seperti berikut:

- (i) premis tertutup - 42,376
- (ii) premis buka - 851;
- (iii) serbuan - 194;
- (iv) tangkapan - 523;
- (v) rampasan barang - 1435; dan

(vi) rampasan wang - RM41,060.

Pihak polis sememangnya serius untuk membasmi kegiatan perjudian ini yang sedang memantau modus operandi baru yang diguna oleh sindiket-sindiket seperti mengubah lokasi dari premis perniagaan ke kondominium serta rumah-rumah kediaman bagi mengaburi mata pihak penguat kuasa. Selain itu terdapat juga cubaan sindiket perjudian melalui ejen-ejen mereka menjalankan perniagaan mereka dengan menggunakan tablet, *hand phone* dengan kaedah tablet akan diserahkan kepada pemain secara tertutup untuk mendapatkan jaringan perjudian.

Cubaan terbaru ini telah berjaya dikesan oleh Polis Diraja Malaysia dengan beberapa serbuan dan tangkapan yang telah dibuat terhadap taktik baru ini. Kementerian berpandangan tidak perlu untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi memerihalkan butiran mengenai jenayah ini dan untuk mengkaji keberkesanan langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Ini kerana pada masa sekarang pihak Polis Diraja Malaysia juga telah menubuhkan satu *Special Task Force for Anti-Vice Gaming and Gangsterism* ataupun STAGG. Usaha dan tindakan yang diambil oleh pihak polis melalui operasi Ops Dadu yang dilakukan secara agresif dan berterusan juga dilaksanakan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi satu jawapan yang begitu baik. Syabas kepada pihak PDRM kerana telah membuat banyak serbuan dan dapat hasil wang sebanyak RM1,000 lebih.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perjudian haram ini masalah lebih kurang 35 tahun bukan satu tahun dua tahun. Ini apabila saya cakap syabas kepada PDRM semasa mereka membuat serbuan seluruh negara ini, mereka dapat membanteras seluruh mesin haram ini ditutup. Akan tetapi sejak kebelakangan ini dia buka balik. Saya telah meminta apakah jaminan yang boleh diberi oleh pihak KDN kepada anak-anak muda kita, ibu bapa di negara ini bahawa kegiatan haram ini tidak dapat dihapuskan sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah apakah tindakan pihak KDN ataupun PDRM akan mengambil terhadap OCPD-OCPD, di manakah daerah-daerah mereka ini terlibat dalam kegiatan mesin haram? Kedua kalau kita pergi ke Dubai, Singapura ataupun Thailand, mereka ada bar internet ataupun sesetengah IP yang menggunakan kegiatan internet dalam menjalankan judi haram. Adakah pihak kementerian akan membuktikan mereka yang menggunakan IP-IP tersebut dalam kegiatan menghapuskan judi haram ini. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tindakan polis adalah secara bersepadu bukan sahaja Polis Diraja Malaysia sahaja, tetapi kita bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan yang mana mengeluarkan lesen kepada premis-premis, tempat hiburan keluarga yang juga boleh difikirkan membuahkannya perjudian bermula. Jadi ini juga kita telah bawakan satu persidangan di antara Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri seluruh negara untuk menghadkan pengeluaran lesen pada premis-premis pusat hiburan keluarga ini kerana ini juga boleh memulakan perjudian sedemikian ini.

Kita juga berbincang dengan pihak Suruhanjaya Multimedia supaya *accessibility* kepada internet, memotong jaringan internet dan sebagainya dibuat juga apabila serbuan telah dibuat. Akan tetapi dalam sudut ini saya juga telah menyarankan supaya undang-undang *local government* ataupun pihak berkuasa tempatan itu dipinda kalau tidak mencukupi untuk menangani masalah yang menular di kalangan masyarakat yang bermula daripada pihak akar umbi ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada PDRM kerana telah melakukan begitu banyak serbuan dan tangkapan. Akan tetapi apa yang lebih menarik kepentingan umum ialah selepas serbuan dan tangkapan dilakukan, apakah kejayaan pendakwaan terhadap mereka yang bersabit kesalahan? Ini kerana kalau tidak maka mereka akan kembali membuka semula selepas tangkapan. Kita banyak mempunyai bukti-bukti, kita melihat kedai-kedai yang diserbu selepas itu buka dan beroperasi semula. Apakah kejayaan tersebut? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawapannya banyak Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang pertama yang kita hadapi adalah dari sudut *expertise* kerana perundangan berhubungan dengan *gambling* ini satu undang-undang yang khusus. Undang-undang *gambling* kita, *Common Gaming Houses Act* umpamanya yang digubal pada tahun 1993, sebenarnya telah dicadang untuk dipinda, tetapi hingga sekarang ini umpamanya *Pool Betting Act 1964* dan *Lotteries Act 1952*, semua undang-undang ini nampaknya memang sudah lapuk Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apabila mereka ini dibawa ke mahkamah walaupun kita mempunyai cukup bukti yang nyata membawa kes-kes ini ke mahkamah. Apabila sampai ke mahkamah nanti hukumannya hanya RM200 dan RM300. Bahkan ini boleh dikatakan orang itu bawa balik pun dia ketawa senyum melebar oleh sebab hukuman itu tidak sejajar dengan tindakan yang polis buat, bahkan tidak berbaloi pun dari sudut selidikan.

Tuan Yang di-Pertua sendiri mengetahui betapa rapinya penyelidikan ini dia tidak kisah sama ada *business* itu besar ataupun kecil, tetapi apabila sampai ke mahkamah, tangan mahkamah juga terikat oleh sebab hukuman yang diletakkan di bawah undang-undang itu kecil sangat. Ini kerana pada tahun 50-an dan 60-an nilai ini memang tinggi, sekarang sudah rendah dan itu yang pertama.

Kedua ialah oleh sebab sekarang metodologi ataupun modus operandi pihak operator ini adalah amat licik. Kita hanya boleh menangkap pekerja-pekerja dan orang-orang bawahan sahaja dan orang atasannya tidak. Pekerja ini tidak mengetahui siapa *bosses* mereka, siapa ketua mereka, siapa tuan punya *premises* itu, hanya bekerja. Jadi walau bagaimanapun pihak polis mencari, jawapannya tidak ada. Jadi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita telah memikirkan supaya diletakkan juga supaya kes-kes *gambling* dan perjudian ini diletakkan di bawah POCA supaya kita mengambil tindakan di bawah POCA.

*Inshaa-Allah* dia makan masa sedikit oleh sebab Lembaga POCA itu juga perlukan bukti-bukti yang boleh mempengaruhi mereka untuk menahan pihak-pihak tertentu untuk ditahan. Kita akan

mengambil tindakan Yang Berhormat kepada pihak *kingpin* kepada sindiket-sindiket ini, supaya mereka merasa gerun sedikit kalau diletak di bawah POCA. Terima kasih.

■1030

**3. Datuk Yahaya bin Mat Ghani** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah pub dan kelab malam berlesen dan tidak berlesen yang dikenal pasti beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur sejak Januari 2014 hingga kini dan masih adakah lesen dikeluarkan bagi tempat-tempat berkenaan untuk menawarkan khidmat pegawai perkhidmatan pelanggan (GRO).

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan sebanyak 100 buah premis pub dan kelab malam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Lesen bagi aktiviti ini masih lagi dikeluarkan kecuali bagi beberapa tempat yang telah dibekukan pengeluaran lesen premis hiburan baru seperti berikut:

- (i) Lorong Rahim Kajai 14;
- (ii) Taman Tun Dr. Ismail;
- (iii) Changkat, Bukit Bintang;
- (iv) Bandar Seri Permaisuri;
- (v) *Scott Garden*, Jalan Klang Lama;
- (vi) Jalan Telawi;
- (vii) Jalil Link;
- (viii) Jalan Cerapu, Cheras;
- (ix) Taman Segar, Cheras;
- (x) Jalan Doraisamy;
- (xi) Wisma Indah, Jalan Tun Razak;
- (xii) Jalan Nagasari; dan
- (xiii) Jalan Mesui.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya mengeluarkan lesen bagi aktiviti hiburan seperti pub, bar, istirahat, *lounge* yang dijalankan dalam premis tersebut. Di Putrajaya sehingga kini pihak Perbadanan Putrajaya tidak pernah mengeluarkan lesen bagi pub dan kelab malam kerana tiada aktiviti berkaitan pub dan kelab malam di Putrajaya.

Di Labuan sejak tahun 2010 sehingga kini Perbadanan Labuan hanya mengeluarkan sebanyak 37 buah lesen perniagaan bagi pusat hiburan di bawah Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2003. Perbadanan Labuan juga telah menetapkan dasar bahawa tidak ada lesen pusat hiburan yang baru dikeluarkan kecuali bagi sektor perhotelan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga tidak ada istilah lesen aktiviti perkhidmatan pelanggan, GRO di mana-mana premis di Wilayah Persekutuan yang dikeluarkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan kerana lesen bagi aktiviti tersebut tidak wujud. Sekian, terima kasih.



**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan saya sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, 100 buah premis lesen hiburan dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Akan tetapi yang menjadi persoalan kita adalah sekarang di pusat-pusat hiburan yang ada hari ini rata-rata kita lihat, ia tidak ikut undang-undang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pertamanya soal masa, ada yang beroperasi sampai 24 jam. Ini sangat tidak baik untuk anak-anak muda kita.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apakah langkah atau pun perancangan daripada pihak Dewan Bandaraya atau pun pihak Menteri sendiri untuk menghadkan masa-masa yang tertentu? Tidak lah sampai pukul 10 pagi buka, pukul 10 pagi esok baru tutup. Pukul 10 pagi buka, pukul 10 pagi tutup. Jadi ini sangat membimbangkan kita di Wilayah Persekutuan dan di Kuala Lumpur. Minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, berkenaan dengan masa dan lesen dikeluarkan memang dalam lesen itu telah disyaratkan masa ia boleh beroperasi. Kebanyakannya pada hari biasa ia akan dibenarkan beroperasi sehingga pukul 12 malam. Selepas itu pada hari mingguan pula ia dibenarkan beroperasi sehingga pukul 2 pagi. Ini ditetapkan mengikut tiap-tiap syarat lesen yang dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, kita akan ambil perhatian tentang makluman Yang Berhormat bagi tadi dan kita akan mengambil tindakan penguatkuasaan. Kita juga menjalankan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa secara bersepadu dengan PDRM, imigresen dan sebagainya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kenapa sekarang di Lembah Klang ini terlalu banyak pusat hiburan yang mana menawarkan lebih ramai GRO warga asing, sedangkan tadi disebut bahawa DBKL tidak pernah mengeluarkan lesen? Akan tetapi mereka ini tidak takut kerana mungkin undang-undang tidak begitu ketat atau pun berat kepada mereka yang menawarkan GRO di pusat-pusat hiburan. Yang mana pada hari ini kita melihat bahawa imej Kuala Lumpur itu tercalar dengan kehadiran mereka-mereka ini daripada China, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya menjadikan Lembah Klang ini sebagai pusat maksiat. Kalau pihak DBKL tidak cegah, perkara ini rasanya akan bertambah berat dari semasa ke semasa.

Soalan saya nombor dua kenapa pihak pusat hiburan ini tidak takut macam seolah-olah ada dipanggil lesen kebal? Operasi dijalankan tutup, rampas, buka semula. Operasi rampas tutup, buka balik. Apakah tindakan holistik yang pihak DBKL dapat mengenakan tindakan yang amat berat agar mereka ini takut untuk menjalankan aktiviti maksiat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi telah mengemukakan soalan kalau kita tidak keluarkan lesen, kenapa aktiviti ini dijalankan. Sudah tentu ia aktiviti haram. Apabila aktiviti haram dijalankan, kita ambil tindakan penguatkuasaan tetapi tindakan menangkap GRO-GRO luar negara ini tidak tergolong dalam

tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan. Ia akan jatuh di bawah Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu kita kena aturkan satu penguatkuasaan secara bersepadu dengan Kementerian Dalam Negeri dan semua agensi lain yang terlibat.

Manakala pula yang tidak takut ini saya rasa tidak betul lah apa Yang Berhormat sebut. Apabila kita sita sesuatu pusat hiburan yang telah melanggar syarat lesen, kita tidak akan keluarkan lesen terhadap orang itu sekali lagi dan sudah tentu. Di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sekarang pula lesen ini bukan sahaja disita, ia akan di *blacklist* juga, tidak boleh mohon walaupun dia mohon dengan syarikat lain, dia tidak akan diberi lesen kerana nama pengarah-pengarah itu akan di *blacklist*kan. Keadaan sebenarnya buat masa sekarang banyak kegiatan haram ini di Kuala Lumpur sudah berhenti beroperasi, telah ditutup. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian mempunyai perancangan dalam mengembangkan sistem kewangan Islam di Malaysia dengan mewujudkan pusat kewangan Islam antarabangsa dengan mengguna pakai pendekatan *one-stop centre* sebagaimana yang dilaksanakan di negara luar seperti Qatar, Bahrain, Britain dan Singapura.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks membangunkan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam Antarabangsa atau *Malaysia International Islamic Financial Center (MIFC)* dengan izin. Kerajaan telah menggunakan kaedah yang efektif dan efisien iaitu pendekatan yang berstruktur dan bersepadu. Pendekatan ini hasil kerjasama erat dengan pelbagai kementerian, agensi, sektor swasta serta pihak berkepentingan yang lain menerusi jawatankuasa eksekutif MIFC atau Exco MIFC yang dipengerusikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia.

Exco MIFC bertindak sebagai badan penyelaras tunggal sehingga *single coordinating committee*, dengan izin dan bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju industri dan memastikan keberkesanan serta kecekapan dalam pelaksanaan inisiatif secara kolektif. Ia juga mengkaji dasar-dasar sedia ada serta menjajarkan peranan dan tanggungjawab kerajaan dan industri dalam pembangunan inisiatif MIFC. Perancangan dan isu-isu strategik akan dibincangkan oleh Exco MIFC bagi melicinkan pentadbiran dan pelaksanaan inisiatif MIFC. Sebagai contoh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen akan membantu dalam pengeluaran visa dan permit kerja bagi pakar kewangan Islam.

Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri pula berperanan untuk menyediakan insentif cukai untuk pembukaan Bank Islam Antarabangsa, penerbitan *sukuk* oleh syarikat multinasional, pakar kewangan Islam dan pelaburan bukan pemastautin. Exco MIFC ini turut diperkukuhkan dengan penubuhan Unit Promosi MIFC, MPU di Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan promosi MIFC yang menyeluruh dan berstrategik di samping berperanan sebagai pusat hubungan tunggal sehingga *contact point* bagi memudah cara institusi dan organisasi yang berminat untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam dalam mata wang asing di Malaysia dan di luar negara.

## ■1040

Bagi tujuan ini, MPU telah menjalankan pelbagai inisiatif promosi di luar negara melalui siri jelajah ke negara-negara yang berpotensi dalam kewangan Islam, penganjuran forum dan seminar antarabangsa dan media global seperti Bloomberg, *The Economist* dan firma guaman antarabangsa seperti Latham & Watkins dan laman maya *Thomson Reuters*.

Baru-baru ini MPU telah memperkenalkan laman aplikasi mudah alih, MalaysiaIF dan rangkaian-rangkaian *hashtag* Twitter untuk memperluaskan perbincangan di media sosial tentang produk kewangan Islam dalam pasaran kewangan global. Perkembangan-perkembangan ini akan dimaklumkan kepada Exco MIFC. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Salah satu komponen MIFC seperti mana yang saya difahamkan, perlu adanya satu urus tadbir Syariah yang lengkap atau dengan izin, *Syariah Governance Framework*. Apakah pihak Kementerian khususnya Bank Negara memikirkan bagaimanakah urus tadbir Syariah ini dapat dikembangkan dalam produk-produk ataupun perkhidmatan yang hakikatnya tidak ada kaitan secara langsung di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013? Contohnya produk-produk ataupun perkhidmatan yang banyak dikeluarkan oleh syarikat-syarikat swasta seperti pelaburan emas, pelaburan MLM, pelaburan atas talian, *online trading* yang menggunakan prinsip patuh syariah tetapi hakikatnya banyak menipu rakyat di luar sana kerana tidak adanya garis panduan Syariah ataupun perundangan Syariah yang melihat konteks ini.

Kerana ini kalau kita tidak buat sesuatu, ia akan memberi kesan terhadap imej Malaysia sebagai pusat kewangan Islam sepertimana yang dihasratkan dan diaspirasikan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Kalau kita melihat daripada segi Exco MIFC, ia sebenarnya terlibat dengan 33 buah agensi, antaranya di bawah pengawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Daripada segi Kementerian, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Terdapat juga agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan juga institusi berkaitan kewangan Islam yang turut terlibat terutamanya *Association of Islamic Banking Institutions Malaysia* (AIBIM), Persatuan Takaful Malaysia, *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia*, *International Syariah Academy for Institute Finance* dan juga untuk Institusi Kewangan Islam.

Pendekatan bersepadu yang dijalankan oleh kerajaan menerusi MIFC telah membuahkan hasil dan kini Malaysia telah diiktiraf sebagai peneraju kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Malah, kita juga tahu bahawa terdapat *Syariah Governance Framework* hanya untuk institusi di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia buat masa ini untuk mentadbir urus, boleh dikatakan sistem kewangan perbankan Islam ini.

Kini kita tahu, Malaysia telah diiktiraf sebagai pasaran utama untuk penerbitan sukuk dan kini menjadi pilihan entiti-entiti asing sebagai platform untuk menerbitkan sukuk dalam pelbagai mata wang seperti Amerika Syarikat, *Dollar Singapura* dan sebagainya. Saya yakin dengan ada Exco MIFC ini, dan

juga dengan pengawal selia Bank Negara Malaysia, isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator akan diuruskan. Sekian terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sistem kewangan Islam banyak tertumpu kepada pembiayaan perumahan, pembiayaan kereta, korporat dan lain-lain. Sejauh mana produk kewangan Islam berkembang dan membantu rakyat luar bandar dalam menjalankan perniagaan mereka.

Satu lagi, ramai di antara pakar kewangan Islam Malaysia telah berhijrah ke luar negara, Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, apakah kesan pengaliran keluar pakar kewangan kepada industri kewangan Islam tempatan? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk isu pengeluaran atau boleh dikatakan penghijrahan pakar-pakar daripada segi isu yang dibangkitkan, kalau kita melihat baru-baru ini mengikut *Global Islamic Finance Development Indicator* yang dikeluarkan oleh ICD Thomson Reuters, daripada segi ranking, negara Malaysia adalah masih pada ranking nombor satu, di mana bukan sahaja daripada segi *knowledge indicator*, bahkan daripada segi *awareness* dan *quantitative development indicator* menunjukkan bahawa kita sentiasa menumpu untuk memastikan bahawa perkembangan daripada segi *Islamic Financial System* kita sentiasa berkembang dan kita terus kekal antara tiga pasaran perbankan Islam terbesar di dunia dengan jumlah aset sebanyak RM625.2 bilion atau 25.6% daripada jumlah aset perbankan di Malaysia.

Daripada segi manfaat untuk rakyat, kita jelas melihatkan bahawa lebih pelbagai. Boleh dikatakan instrumen atau produk-produk yang boleh dikatakan memenuhi tadbir urus daripada segi *Syariah-compliant* produk telah dikeluarkan dan ini tentu akan memberi manfaat untuk menjadi pilihan kepada orang ramai untuk memilih sistem perbankan yang paling sesuai, pilihan yang paling sesuai dan ini tentu akan membantu daripada segi tadbir urus kewangan mereka. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, laporan akhbar bertarikh 15 Januari yang melaporkan, 88% daripada pemilik Tanah Kampong Bharu telah menyatakan persetujuan untuk Kampong Bharu dibangunkan, manakala selebihnya mengambil pendekatan tunggu dan lihat. Berdasarkan sesi program turun padang yang terkini, bolehkah kementerian nyatakan bagaimana reaksi pemilik dan penduduk terhadap projek pembangunan ini (adakah semakin meningkat), dan bagaimana pula dengan sambutan para pelabur setakat ini.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif utama dalam agenda pembangunan semula Kampong Bharu usaha yang untuk melibatkan pemilik, pewaris Kampong Bharu dalam program pembangunan. Untuk mencapai matlamat tersebut, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah melaksanakan sesi-sesi *engagement* melalui pendekatan Program Turun Padang (TUPA) dengan pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu.

Berdasarkan rekod yang ada di PKB, hasil daripada aktiviti ini sehingga Mei 2015, sebanyak 34 sesi *engagement* telah dilaksanakan melibatkan 149 lot yang terdiri daripada 1,052 orang pemilik atau pewaris tanah serta syarikat Melayu yang kelulusan lot-lot adalah melebihi 30,000 kaki persegi. Daripada jumlah ini, PKB telah turut menerima maklum balas 100% secara sebulat suara daripada pemilik atau pewaris, bersetuju untuk membangunkan tanah mereka.

Di samping itu, PKB juga telah mengadakan sesi rundingan dan khidmat nasihat pembangunan hartanah Kampong Bharu dari semasa ke semasa dengan pemilik atau pewaris tanah secara individu sepanjang tahun 2013 sehingga Mei 2015.

Daripada segi pelaburan hartanah, sehingga Mei 2015, sebanyak 21 orang pemaju atau pelabur yang terdiri daripada syarikat Melayu dan bukan Melayu telah menunjukkan minat untuk membangunkan tanah-tanah di Kampong Bharu. Organisasi dari luar negara juga turut menunjukkan minat untuk melabur di Kampong Baru seperti *Brunei Investment Agency* (BIA) dan juga pelabur dari Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Sekian terima kasih.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan panjang lebar dan difahami semua.

Soalan saya, bahawa pembangunan Kampong Bharu ini melibatkan tanah seluar 301.38 ekar tadi, berpaksi kepada pembangunan yang dikatakan kepentingan fizikal dan pengurusan pembangunan di kawasan seluas 301.38 ekar, dan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan bernilai RM61 bilion.

Ini dianggarkan bahawa Kampong Bharu sebagai lombong emas yang masih lagi ditutup dengan atap zink, dan terserah kepada kita hendak menggilap lombong emas ini. Itu sebenarnya pada pandangan kami.

■1050

Daripada soalan saya tadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua iaitu bahawa ingin tahu daripada Menteri untuk menyatakan hala tuju dan tindakan seterusnya berkenaan pembangunan Kampong Bharu khususnya dalam melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2035 yang merangkumi 300.1 ekar memandangkan pelan induk terperinci Kampong Bharu telah pun dimuktamadkan dan majoriti pemilik, pewaris tanah telah pun bersetuju dengan pembangunan semula Kampong Bharu.

Soalan kedua saya, supaya Menteri menyatakan dengan jelas status tanah Kampong Bharu sama ada ia rizab Melayu dan tertakluk di bawah Enakmen Rizab Melayu (ERM) atau sebaliknya, memandangkan 220.27 ekar tanah di Kampong Bharu adalah di bawah pemilikan serta kepentingan orang Melayu. Akhirnya saya ingin tahu daripada Menteri untuk menyatakan jumlah projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan di Kampong Bharu semenjak pelan induk dilancarkan pada tahun 2015. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Hala tuju Perbadanan Kampong Baharu untuk memajukan Kampong Baru ini ada tujuh aspek iaitu ekonomi, urus niaga dan keusahawanan, prasarana dan kemudahan awam, perumahan,

sosio kebudayaan dan pelancongan, sukan dan rekreasi, pendidikan dan moral insan, kualiti kesihatan. Ini tujuh aspek hala tuju yang kita sasarkan untuk memajukan Perbadanan Kampong Bharu. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberikan secara bertulis setiap aspek itu bagaimana ia akan dijalankan.

Bagi soalan kedua pula berkenaan dengan tanah rizab Melayu atau tidak. Bukankah kesemua tanah ini menunjukkan tanah rizab Melayu. Di kawasan Kampong Bharu ini bukan rizab tanah Melayu akan tetapi kita ada pemberian milik tanah *Malay Agricultural Settlement* (MAS) adalah secara pegangan bebas iaitu selama-lamanya dan bukan secara pajakan. Kepentingan pemilik tanah Melayu di Kampong Bharu telah dinyatakan secara jelas di dalam setiap pendaftaran tanah, lot tanah orang Melayu di Kampong Bharu iaitu menyatakan tanah ini tidak boleh dipinda milik pada atau diduduki oleh bukan Melayu tetapi bukannya tanah rizab Melayu.

Ketiga, berkenaan dengan kemajuan yang akan dapat dicapai dalam tahun 2017 nanti. Selama ini sebanyak 21 program ataupun 21 orang pemaju telah memasuki kawasan Kampong Bharu dan mereka telah memulakan pembangunan mereka di situ. Saya rasa dengan masa yang lama lagi, kita akan lebih pemaju akan masuk dan kita membangunkan Kampong Bharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Tuan Chong Sin Woon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk membanteras kegiatan peminjam wang tanpa lesen yang semakin melampau di Malaysia ini, serta menyatakan, apa kaedah yang boleh diambil supaya kegiatan ini dibanteras.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, takrifan pemberian wang di bawah seksyen 5(1), Akta Pemberian Pinjaman Wang 1951 adalah sesiapa sahaja yang menjalankan aktiviti memberi pinjaman wang dengan memperoleh keuntungan daripada aktiviti tersebut dan hendaklah memperoleh lesen di bawah akta tersebut daripada pendaftar.

Seseorang yang menjalankan aktiviti pemberian pinjaman tanpa lesen atau pemberi pinjaman wang yang dilesenkan tetapi menjalankan operasi di luar kawasan yang dibenarkan, ia beroperasi ditakrifkan juga sebagai *Ah long*. Statistik siasatan yang dibuka, tindakan yang diambil di bawah Akta Pemberian Pinjaman Wang 1951 bagi tahun 2010 hingga 2015 berakhir bulan Mei adalah seperti berikut:

Tahun	Jum. kes dibuka	Dalam siasatan	Jum. Tangkapan
2010	279	2017	13
2011	261	179	51
2012	445	271	206
2013	442	378	199
2014	734	228	187
2015 - Mei	356	78	283
<b>Jumlah</b>	<b>2,517</b>	<b>1,351</b>	<b>939</b>

Memandangkan kegiatan *Ah long* semakin berleluasa serta menimbulkan kebimbangan dan kekusaran di kalangan masyarakat, ia terdapat kes yang mana peminjam memerlukan di luar batas kemanusiaan untuk membayar kembali hutang yang dipinjam daripada *Ah long*. PDRM telah mengambil tindakan yang tegas bagi mengekang kegiatan ini. Langkah-langkah yang diambil untuk membendung kegiatan *Ah long* adalah seperti berikut:

- (i) mengambil tindakan *hit their pocket* melalui tindakan di bawah seksyen 4(1) *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001* (AMLATFA);
- (ii) memberikan bantuan keselamatan pada pihak berkuasa tempatan dan operasi menurunkan poster dan iklan *Ah long*;
- (iii) menghadiri wawancara dengan media massa; dan
- (iv) menyebarkan brosur dan poster kepada orang ramai bagi memberikan maklumat secara mengenali antara pemberian pinjaman berlesen dengan *Ah long* serta senarai agensi yang menawarkan perkhidmatan pinjaman secara mikro. Antaranya Amanah Ikhtiar Malaysia dan lain-lain agensi.

PDRM sentiasa bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam elemen penguatkuasaan, pencegahan dan kempen-kempen memerangi kegiatan pemberian pinjaman wang tanpa lesen dengan mendapatkan beberapa orang pegawai kanan di kementerian berkenaan bagi membantu memberikan pinjaman wang yang menyalahi undang-undang.

PDRM bercadang untuk mengambil tindakan di bawah *Prevention of Crime Act* (POCA) pada masa hadapan ke atas orang-orang yang menjalankan kegiatan *Ah long*, iaitu dikenakan tindakan perintah sekatan melebihi lima tahun dan juga perintah tahanan pusat pemulihan akhlak. Memandangkan akta tersebut baru sahaja dikuatkuasakan, tidak ada lagi tindakan seumpama itu terhadap mereka yang terlibat dengan kegiatan *Ah long*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi syabas kepada tindakan yang telah diambil oleh pihak KDN terhadap isu-isu *Ah long*. Antara jawapan yang diberikan salah satu kaedah adalah untuk membanteras poster-poster, nombor-nombor telefon di jalan raya. Akan tetapi di mata depan kita, hakikatnya masih banyak lagi di seluruh Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar utama, Seremban, Pulau Pinang, Ipoh dan bukanlah stiker-stiker yang lama. Kita tengok bahawa poster dan stiker semakin banyak, nombor-nombor telefon dengan nama-nama tertera, kita tidak nampak perkara ini berlaku di mana-mana bandar raya utama di dunia yang lain tetapi di Malaysia satu pandangan yang lumrah dan biasa. Sekiranya semua kaedah yang disebutkan tadi dilaksanakan saya pasti ia dapat membanteras.

Akan tetapi kenapa pada hari ini kalau tidak berjaya, apa sebabnya dan selain daripada kaedah-kaedah yang telah disebut, apa ada satu lagi kaedah yang terbaru termasuk dengan adanya pemasangan CCTV yang dilakukan oleh DBKL itu dapat mencari siapa yang memasang *bunting*, *banner*, *banner*, stiker-stiker ini dan tindakan segera diambil bukannya selepas itu, dan sukarnya kita untuk

membersihkan imej Kuala Lumpur dengan banyak poster dan *bunting* di merata-rata tempat. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1100

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat sebenarnya saya bincang banyak dengan pegawai penguat kuasa khususnya PDRM berhubung dengan pemasangan stiker. Pemasangan stiker ini ia mudah. Hari ini 'A' dipanggil bagi mungkin 100 stiker dia bagi pada 'A', bagi gaji pada 'A' RM100 dan 'A' ini akan pasang stiker. Beribu stiker dipasang 'A'. Esok pihak PBT dan pihak polis bekerjasama menurunkan poster-poster.

Akan tetapi lusa pula dipanggil 'B', bagi RM100 juga. Ini kerana sumber *investment* dia rendah, pulangan dia tinggi. Jadi dalam keadaan sedemikian kita memang berhadapan dengan satu cabaran bukanlah dikatakan *impossible* tapi cabarannya besar berhubung dengan pemasangan stiker di seluruh bandar Kuala Lumpur khususnya. Di bandar-bandar besar juga termasuk.

Jadi kita lihat fenomena ini berlaku di mana-mana bandar besar di Malaysia ini. Khususnya di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Ipoh bahkan menular di negeri macam Kuching dan juga Kota Kinabalu sekarang. Jadi kita melihat bahawa ada sedikit sebanyak terlibat dengan pihak-pihak mungkin pendatang-pendatang yang haram, pendatang-pendatang ada yang dalam bandar kita yang mahu menerima gaji ganjaran yang kecil untuk mengerjakan tindakan-tindakan ini. Akan tetapi mereka digilir. Bukanlah penggaji-penggaji, pegawai, anggota-anggota tepat *Ah long* itu sendiri.

*Ah long* pulang yang tinggi sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa di bawah undang-undang setiap *Ah long* berdaftar atau tidak berdaftar, dia kena mula kata 18% sebab itu *guideline* perundangan mengatakan 18% *per annum*. Akan tetapi dia pinjam satu bulan pun 18% juga. Tambah lagi dia tidak bayar satu bulan ini, ganti satu bulan lagi dia tambah 18% lagi. Sebenarnya kalau di kali semua 18% 12 kali lebih daripada beberapa kali peratus itu. Jadi itu la kenapa ia jadi satu masalah yang besar.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua yang menghalang kita ialah oleh sebab banyak alternatif kepada pihak peminjam terutamanya TEKUN, Amanah Ikhtiar, agensi pinjam mikro bahkan *credit guarantee* yang dikeluarkan oleh pihak-pihak bank. Akan tetapi pihak-pihak ini keluarkan pinjaman berlandaskan syarat-syarat yang tertentu. Kalau orang itu telah di *blacklist*, orang itu telah masuk senarai nama CCRIS dan sebagainya, orang itu tidak boleh pinjam lagi. Ada syarat-syarat yang tentu. Akan tetapi *Ah long* ini asalkan mahu sahaja hari ini, jam ini hendak pinjam, jam itu juga dapat sumber kewangan.

Jadi yang bermasalah besar ialah pihak yang terlibat dengan perjudian. Sebenarnya orang yang terlibat dengan perjudian ini yang menjadi mangsa besar dan soalan *Ah long* ini Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf saya tidak puas hati jawapan. Kita nampak bila tampal pada dinding ataupun pokok- "Hubungi 019-7501111", misalnya. Itu nombor telefon saya. Saya bukannya *Ah long*. Ini contoh. Tidak boleh ke kita melakukan satu pendekatan sama ada melalui syarikat telco ataupun telefon kepada *number* yang berkenaan terus tangkap dan dakwa di bawah undang-undang sedia ada. Kalau undang-undang sedia ada tidak mantap



kita pinda dan kita perkukuhkan dengan saya berpendapat sepatutnya dikenakan hukuman yang lebih berat. Saya minta penjelasan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau dipandang dari sudut penguat kuasa, Kementerian Dalam Negeri dan polis, kita boleh bersetuju dengan apa Yang Berhormat cadangkan. Akan tetapi kalau dipandang dari sudut pengamal guaman, tanya dengan mana-mana peguam yang duduk di dalam dewan ini, sama ada apa yang kita buat mendatangkan kemenangan dalam mahkamah ataupun tidak.

Jadi ini satu dua perkara yang perlu kita lihat juga perundangan itu sendiri sebab kita ada sistem-sistem perundangan yang tertentu. Kalau nombor umpamanya, saya pagi ini ada juga tunjuk dengan pegawai polis tadi mesej. Ini nombor 017-8777513, *12Newtime.com, we proudly present to you our new Live Casino and Slot Games from Playtech and 12win. Register now to get 100% welcome bonus. Bla, bla, bla.* Telefon dah cuba telefon polis sudah.

Yang masalah kita bermula dengan nombor-nombor telefon ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Butiran-butiran penjual kad-kad *prepaid*. Butiran-butiran dijual oleh pihak-pihak gerai-gerai yang tidak mengambil butiran itu sepenuhnya. Jadi butiran ini tidak lengkap, butiran ini tidak betul. Bahkan nama pun tidak betul. Akan tetapi dijual juga khususnya sebab hendak menjual. Asalkan dapat duit masuk, kita tidak kisah soalan undang-undang. Itu sudah *whole* masyarakat kita sendiri kena ubah *whole* sebenarnya. Jadi kalau ini berlaku, apa sahaja tindakan bahkan pegawai polis sendiri menerima, saya sendiri menerima benda macam ini. Beritahu suruh polis ambil tindakan itulah akhirnya. Jadi begitu juga apa Yang Berhormat sebut itu nombor-nombor ini kalau dijumpa pun orang di hujung sana belum tentu orang itu peminjam duit.

Kalaupun dibawa ke mahkamah di mana letaknya buktinya, siapa sebenarnya, nombor sahaja. Dia kata saya letak itu mungkin saya punya nombor tapi apa salah saya. Jadi dari sudut undang-undang dia belum boleh dibawa ke mahkamah dan jauh lagi hendak mendapat kemenangan di peringkat mahkamah. Memang betul kalau undang-undang boleh diberi diubah suai dan kalau dia boleh melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara *draconian law* siapa sahaja punya nombor atas nama dalam itu dianggap bersalah. Makna dia tidak ada lagi soalan *intention* tidak ada soalan bukti, tidak ada soalan lain lagi boleh dibawa ke mahkamah, boleh diluluskan di Dewan yang mulia ini oleh dua peringkat ini, *inshaa-Allah* kita boleh ambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**7. Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bagaimana program-program yang ditawarkan oleh RTC dapat membantu menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian memandangkan pada masa kini kebanyakan daripada pengusaha pertanian terdiri daripada golongan yang berusia lebih 50 tahun.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, RTC telah menjalankan

pelbagai inisiatif untuk membantu menarik minat para belia dengan bergiat dengan aktiviti latihan berkaitan pertanian serta secara berterusan di RTC dan juga di mini RTC di seluruh negara.

Pada tahun 2014 sahaja, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Majlis Pertanian Kebangsaan telah menganjurkan 129 kursus berkaitan latihan pertanian di semua RTC dengan penyertaan melebihi 4,737 orang dan kursus-kursus yang terlibat adalah seperti kursus fertigasi, tanaman cendawan, ternakan kambing, pemprosesan produk perikanan dan sebagainya.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga giat mempromosikan Program Agropreneur Muda iaitu program yang menggalakkan belia-belia dibawa umur 40 tahun menceburi bidang pertanian dengan pakej kemudahan seperti latihan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, premis perniagaan, promosi dan pemasaran serta pembiayaan.

Selain daripada itu, kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui RTC juga turut mempromosi MyAgrosis iaitu satu program memupuk minat di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam untuk menjadikan usahawan bidang pertanian utamanya di sektor pengeluaran dan pemasaran produk berasas pertanian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan seterusnya. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

■1110

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri yang begitu komprehensif dan baik sekali. Soalan saya. Hari ini kita melihat statistik hampir 90% orang golongan petani didominasi oleh golongan yang berusia dan keadaan ini agak membimbangkan kerana golongan muda yang terlibat amat berkurangan dalam sektor ini sebagai pelapis dalam bidang pengeluaran makanan komersial. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah proaktif menarik golongan siswazah dalam meminati bidang pertanian dan bagaimana kita menyerap penggunaan teknologi dan *gadget* terkini dalam bidang pertanian? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Lucas. Pertama, galakan yang kita lakukan terhadap pembabitan seramai mungkin belia-belia khususnya di bawah 40 tahun berkecimpung bukan hanya dalam bidang pertanian bahkan juga dalam bidang perusahaan, banyak yang telah kita lakukan. Dalam bidang pertanian, kita bekerjasama dengan 50 buah universiti dengan RTC, itu yang kita namakan *university partnerships* iaitu menerusi 50 buah universiti *ambassadors*. Kita sebutkan *ambassadors* di mana pelajar-pelajar dari universiti pelbagai dalam negara kita, kita libatkan.

Satu contoh macam di Gopeng, Perak, di mana universiti berhampiran dari negeri Perak kita libatkan mereka bukan hanya melihat perkembangan pertanian daripada segi cara, kaedah, menggunakan teknologi yang baru, kaedah cara teknologi moden, di samping itu, kita juga dorong mereka contohnya daripada segi bagaimana memberi keuntungan untuk memberi pulangan kepada mereka. Bukan hanya bergantung mendapat pekerjaan sebagai pegawai dalam perkhidmatan awam,

sebagai pekerja di institusi swasta tetapi banyak keuntungan, banyak manfaat yang mereka boleh berikan sekiranya mereka berkecimpung dalam bidang pertanian khususnya di luar bandar kita galakkan.

Ini kerana kita sedar dan tahu ini merupakan salah sebuah komponen yang saya sudah masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang saya nyatakan bahawa, *gone on the days*, dengan izin. Kita hendak hanya membina prasarana *basic infrastructure* di kawasan luar bandar. Kita perlu adunkan pembangunan dan pelan kita iaitu untuk membabitkan seramai mungkin masyarakat luar bandar dalam bidang ekonomi dan di samping itu bukan hanya masyarakat luar bandar, belia-belia khususnya.

Saya perkenalkan iaitu pertandingan *Rural Business Challenge* yang membabitkan belia-belia luar bandar 40 tahun ke bawah, di mana geran yang kita berikan RM20 juta telah diluluskan untuk tahun lalu dan tahun ini dengan tujuan supaya kita dorong dan galakkan. Ada beberapa peringkat di situ. Satu, belia-belia yang sudah berkecimpung tiga tahun dalam dunia perniagaan. Satu lagi iaitu belia-belia hanya mempunyai idea di peringkat awal. Ketiga, daripada segi *business plan* dia, *it's not being implemented*, dengan izin, tidak lagi dilaksanakan. Dengan hanya melontarkan idea, kita bagi anugerah kepada mereka RM10,000. Bagi pemenang yang pertama untuk *Rural Business Challenge*, kita bagi geran RM2 juta, bagi pemenang pertama dan seterusnya RM1.5 juta, seterusnya RM750,000 yang mana sambutannya agak menggalakkan sebenarnya pembabitan belia-belia.

Bukan hanya meningkatkan daya upaya mereka untuk mengurus tadbir perniagaan mereka, bukan hanya dalam bidang keusahawanan, dalam bidang pertanian, bahkan juga ini merupakan sebuah landasan yang memungkinkan, menjayakan bukan hanya agenda mereka menjadi usahawan untuk meningkatkan pendapatan mereka, di samping itu, ini juga merupakan sebuah landasan yang membolehkan mereka boleh menyediakan peluang pekerjaan, *job provider*. Kalau mereka bekerja sebagai pekerjaan di swasta atau awam, mungkin mereka hanya dapat kerja. Kalau mereka membabitkan diri dalam bidang pertanian, mereka bukan hanya berupaya untuk meraih hasil, bahkan juga akan berupaya untuk menyediakan peluang pekerjaan.

Satu contoh yang saya berikan, satu contoh ya. Banyak sebenar contohnya. Seorang wanita di bawah 40 tahun yang mengeluarkan *Coklat Hazleen*. Saya ingat Yang Berhormat Senator dari Sungai Petani ada di sini, dia tahu. *Coklat Hazleen* ini di Sungai Petani di mana telah pun menyediakan pekerjaan hampir 30 termasuk OKU. Saya berkesempatan untuk membuat lawatan ke tempat ini dan hasil yang dikeluarkan, coklat itu, bukan hanya dipasarkan di *hypermarket*. Kita bantu mereka untuk *link* dengan *hypermarket* bahkan juga pada hari ini *alhamdulillah*, sampai ke *overseas* keluaran mereka. Ini merupakan satu galakan yang harus kita uar-uarkan untuk dorongan.

Sebenarnya banyak peluang dan ruang untuk membolehkan belia-belia berkecimpung dalam dunia perniagaan. Bahkan, saya juga yakin kementerian-kementerian lain yang kita turut bekerjasama seperti yang saya sebutkan Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan, ini yang kita katakan *The Blue Ocean Strategy*, supaya kita tidak bersendirian melakukan satu inisiatif untuk membangkitkan

supaya ruang dan peluang seramai mungkin belia-belia berkecimpung dalam dunia pertanian dan juga perusahaan yang lain. Terima kasih.

**8. Dato' Khairudin Samad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, usaha mempertingkatkan soal keselamatan di stadium-stadium seluruh negara dalam menghindari berlakunya rusuhan sewaktu dan selepas perlawanan liga tempatan atau antarabangsa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak durian runtuh hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Diraja Malaysia terlibat secara langsung untuk menentukan keselamatan pemain dan penyokong sentiasa terkawal semasa berada dalam stadium untuk menyaksikan sebarang pertandingan. Polis Diraja Malaysia mempunyai garis panduan khusus bertarikh 24 Februari 2010 bagi membuat kawalan di stadium.

Kebiasaannya anggota tugas am dan Pasukan Simpanan Persekutuan akan digerakkan untuk membuat pemantauan dan kawalan berdasarkan kepada tahap kehangatan atau sambutan yang dijangka bagi setiap perlawanan tersebut. Pihak PDRM sentiasa membuat perbincangan dengan pihak penguat kuasa stadium untuk meningkatkan tahap kawalan di stadium bagi mengelakkan peristiwa yang tidak diinginkan berlaku. Antara langkah yang telah diperkenalkan seperti berikut.

Pertama, penyokong setiap pasukan akan diasingkan daripada segi tempat duduk dan juga pintu masuk ke dalam stadium.

Kedua, sebarang benda yang berbahaya seperti payung, minuman dalam botol, mercun, suar, kayu, bunga api atau lain-lain bentuk piroteknik tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam stadium. Anjing pengesanan K9 akan diletakkan di kawasan tertentu bagi memastikan barangan terlarang tidak dibawa masuk ke dalam stadium.

Ketiga, pihak polis juga akan menempatkan anggota berpakaian biasa dan beruniform diletakkan bersama dengan penonton dan diberi kuasa untuk mengeluarkan penonton yang cuba mencetuskan perbalahan atau cuba mengganggu penonton atau permainan atau mengibarkan bendera parti politik.

Keempat, pihak polis juga mencadangkan kepada pihak penguatkuasaan stadium untuk memasang lebih banyak CCTV di lokasi yang menjadi tumpuan penyokong untuk memudahkan pemantauan terlibat.

Namun demikian, pihak Polis Diraja Malaysia tidak boleh menjangka apa yang akan berlaku semasa perlawanan dan selepas perlawanan berlangsung. Rusuhan atau keadaan tidak terkawal kebiasaannya berlaku apabila terdapat rasa tidak puas hati penyokong atas sesuatu keputusan perlawanan tersebut. PDRM sentiasa mengkaji untuk meningkatkan lagi tahap kawalan di stadium untuk menentukan semua yang hadir dapat menonton dalam suasana keseronokan dan semangat kesukanan yang tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama, saya hendak tahu sama ada PDRM ini terlibat atau tidak dalam jawatankuasa di dalam FAM ataupun di stadium *board*? Itu

yang pertama. Sebab keselamatan ini. Keduanya, saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa anjing-anjing ini diletakkan di tempat yang tertentu. Selepas orang masuk baru mengesan.

■1120

Boleh atau tidak anjing-anjing ini diletakkan di pintu masuk supaya ia menggerunkan mereka ini sebelum mereka masuk ke dalam Dewan supaya dia juga dapat menghidu sebab kegiatan mereka yang merusuh ini, bawa masuk bom asap ke dalam itu sampai sekarang masih ada lagi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada pihak polis ada dalam jawatankuasa penganjur ataupun, kalau penganjur saya cukup yakin pihak polis ada dipanggil bersama untuk bermesyuarat tetapi untuk jawatankuasa tetap sukan-sukan tertentu macam *football* dan sebagainya itu saya tidak pasti. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat berhubung dengan meletakkan K-9 di tempat pintu masuk saya boleh bagi arahan pada pihak polis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun.

**Dato' Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang untuk bertanya. Budaya samseng atau budaya *hooligan* sudah dipamerkan oleh penyokong-penyokong bola sepak sehingga menimbulkan persoalan sejauh manakah keselamatan penonton lain dan stadium bola sepak kita. Jadi soalan tambahan saya ialah adakah pihak KDN sendiri mempunyai plan khusus untuk diwujudkan segera termasuklah berbincang dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk mencari satu formula yang terbaik bagi menangani budaya *hooligan* yang kembali menular di negara Malaysia. Sebelum kemelut itu menjadi kronik, mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik apa Yang Berhormat sebut ini. Tapi dalam sejarah *football* ataupun bola sepak Tuan Yang di-Pertua, kalau zaman Tuan Yang di-Pertua belajar di England dahulu pun kalau ada permainan di antara mana-mana dengan tim dengan England punya *team*, apa saja tindakan yang dibuat oleh pihak penguat kuasa di England, memang tidak boleh menghalang England punya *team* akan ada juga pergaduhan berlaku selepas permainan. Sama ada menang ataupun kalah pun ada sebab. Kalau dia menang, bergaduh sebab kemenangan. Kalau dia kalah, bergaduh sebab kekalahan.

Jadi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat. Memang tradisi ini nampaknya menular ke seluruh dunia hinggalah ke Malaysia juga dan saya mengambil baik cadangan Yang Berhormat sebab kita merancang supaya mengenal pasti. Walaupun pihak polis tidak boleh mengatakan bahawa ada pihak-pihak yang tertentu, dia bukan macam penjenayah, dia daripada ahli-ahli kelab dan kita berbincang, pihak polis berbincang dengan pihak-pihak kelab penyokong *team* ini dan meminta maklumat daripada mereka siapa di kalangan mereka yang ada kelemahan sikit, *tendency* kepada membuat kekacauan dan kekecohan dalam satu-satu permainan.

Walaupun bagaimanapun, masih juga Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih berlaku tetapi walau bagaimanapun saya mengambil kira cadangan Yang Berhormat untuk kita berterusan berbincang dengan

semua pihak dalam menguruskan permainan bola sepak supaya jangan jadi berlaku kekecohan dan pergaduhan yang boleh mendatangkan mala petaka kepada penonton. Terima kasih.

**9. Datuk Lihan Jok** minta Menteri Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah pelajar Sarawak tajaan MARA yang menuntut di luar negara.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini, saya hendak nyatakan bahawa jumlah pelajar Sarawak tajaan MARA yang menuntut di luar negara setakat 31 Mei 2015 adalah seramai 258 orang seperti yang ada dalam lampiran ini iaitu berada di beberapa buah negara, hampir 19 buah negara di seluruh dunia dan ada yang buat PhD, ada yang buat Master. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Datuk Lihan.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Jawapan ringkas. Pastinya menuntut ilmu di negeri orang membawa masalah dan cabaran Yang Berhormat Menteri. Jadi, apakah cabaran, masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita di luar sana dan ataupun adakah satu kajian terperinci yang telah dijalankan untuk menangani cabaran dan masalah ini dan apakah tindakan kerajaan terhadap cadangan yang jika ada.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, beberapa soalan yang dibangkitkan. Pertama, saya hendak nyatakan tadi jawapan saya ringkas kerana soalan pun ringkas. Berapa jumlah dia? Saya nyatakan jumlah dia berapa. Masalah yang timbul, dihadapi oleh pelajar-pelajar yang kita hantar di luar negara ini ada beberapa perkara iaitu pertama kalau dalam bidang kewangan kadang-kadang kita dapati bila saya berdamping dengan mereka mungkin setengah-setengah tempat dengan izin *cost of living very high*. Inflasi dia, *currency* dia dan kadang-kadang tajaan MARA hanya beberapa jumlah sahaja. Tidak mencukupi untuk sewa rumah mereka, mungkin untuk belanja makan mereka mungkin ya.

Di samping itu salah perkara yang peringkat awal dalam penelitian kita bila kita buat kajian, bahasa ya. Contohnya bila kita hantar pelajar-pelajar dalam bidang kedoktoran, ada di antara mereka yang belajar sampai ke Russia contohnya. Kalau bidang *engineering*, ada pelajar-pelajar yang kita hantar ke Germany dan antara perkara yang mereka hadapi ialah bidang bahasa. Maka dengan itu kita wujudkan landasan GMI iaitu *German Institute*, *French Institute* di peringkat negara mereka untuk membolehkan di peringkat awal asasnya untuk membimbing pelajar-pelajar kita dalam beberapa bulan menguasai bahasa negara-negara yang mereka akan, kita akan hantar untuk mempermudah mereka.

Ini merupakan satu, walaupun ialah cabaran tapi bukan menjadi halangan kerana kita hendakkan bukan hanya anak-anak kita mendapat ilmu pengetahuan menguasai bahasa. Kita kena pastikan supaya mereka juga ada keupayaan. *Alhamdulillah* bila baru-baru ini saya buat lawatan ke beberapa buah tempat di Russia, di *Germany* dan saya cukup bangga laporan yang diberikan oleh institusi latihan macam *eurocopter*, *airbus* dan juga di Germany, di Russia, saya dapati pelajar-pelajar kita bukan setakat berupaya menguasai bahasa itu bahkan juga daripada segi pencapaian pendidikan ya, cukup

menggalakkan. Salah seorang pensyarah menyatakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I'm so proud, he said, Malaysian student are very dedicated young man, they're very committed when come to education. Attendance is excellent, attendance dalam kelas excellent.*

Jadi ini yang membanggakan kita kadang-kadang sebagai rakyat Malaysia bila kita terima laporan malahan bukan hanya laporan, berdasarkan dengan keputusan dia. Itu yang kebenaran dia. Laporan mungkin tidak mencukupi tapi bila ada keputusan dia, pencapaian mereka cukup membanggakan ya. Contohnya anak Orang Asli yang kita hantar ke Australia, *first class degree* ya. Anak Orang Asli, yang buat dalam bidang tertentu di Australia dan ini di antara yang kita lihat cabaran-cabaran. Salah satu lagi daripada segi keselamatan. Keselamatan kerana kita tahu bahawa setengah-setengah tempat jaraknya jauh untuk mereka mendapat tempat di mana mereka hendak menyewa rumah. Ada yang sampai 10 batu, ada yang 7 batu, keadaan begitu tidak selamat.

Contohnya kita hantar pelajar-pelajar kita ke Cairo dalam keadaan negara yang tidak menentu keselamatan mereka. Perlu kita tempatkan mereka dalam sebuah kawasan yang mudah pengurusan MARA hendak memantau mereka, hendak membuat lawatan dan juga kalau sekiranya sesuatu perkara berlaku, kelak nanti mudah untuk kita hendak bawa balik ke negara kita kerana penting dalam kita hendak lahirkan anak berilmu tapi nyawa mereka merupakan satu perkara yang utama yang perlu kita jaga dengan baik.

Jadi pengurusan kita mengambil beberapa faktor ini. Bukan hanya daripada segi penguasaan bahasa untuk mempermudahkannya daripada segi keselamatan mereka, Daripada segi kehidupan mereka. Ini yang perlu supaya tidak ada tekanan kepada mereka hendak buat *moonlighting*, dengan izin. Hendak tengah belajar, macam saya dulu bila belajar pun kena buat kerja dekat restoran, basuh piring. Duit tidak cukup, bukan tajaan ini.

Jadi ini yang kadang-kadang kita perlu melihat dan kita akan mengkaji ya dari semasa ke semasa untuk membolehkan supaya jangan nanti cabaran-cabaran ini menjadi satu gejala yang boleh menghindar mereka untuk tidak cemerlang dalam bidang pendidikan. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

■1130

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya soalan berkaitan dengan soal bahasa tadi. Di Universiti Malaya ada sebuah pusat belajar bahasa Jepun untuk menyediakan pelajar-pelajar pergi ke Jepun untuk *degree* ataupun *high degree*. Boleh tidak agaknya dicadangkan kepada universiti-universiti lain supaya mengadakan pusat seperti pusat mengajar bahasa Rusia ataupun bahasa Jerman umpamanya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Saya sebutkan bahasa Rusia dengan bahasa Jerman itu ialah kerana di sana ramai yang pergi membuat perubatan ataupun kejuruteraan. Apatah lagi di Jerman misalnya seperti yang kita tahu ialah pendidikan mereka terutama di peringkat *post graduate* adalah boleh dikatakan percuma. Jadi ertinya, bebanan untuk kita menanggung mereka adalah kurang sedikit. Jadi kalau boleh galakkan ramai pergi ke sana dan taraf kejuruteraan di Jerman pula pendidikannya adalah tinggi. Saya rasa bukan sahaja murah, tetapi lebih menguntungkan negara daripada segi pekerjaan yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Sebenarnya memang kita ada lakukan, contohnya di peringkat negara Jepun dalam bidang pelajar-pelajar yang kita hantar ke negara Jepun, sudah ada kerjasama untuk membolehkan supaya atas tajaan negara itu, membolehkan anak kita dihantar ke Jepun dan mereka menguasai. Jadi, ini satu cadangan yang baik dengan bahasa-bahasa yang lain untuk membolehkan supaya kerjasama, malahan daripada segi usaha kita, langkah yang kita lakukan contohnya daripada segi *procurement*, pembelian peralatan. Ada beberapa benda yang kita masukkan, adunkan untuk ditaja oleh negara-negara seperti Jerman contohnya. Kita akan bekerjasama dengan pihak Jerman dan mereka akan menaja pelajar-pelajar kita menguasai bahasa apa yang Yang Berhormat cadangkan tadi. Ini satu cadangan yang baik yang kita boleh halusi. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Menteri yang hadir pada hari ini, tahniah juga kerana telah melahirkan lebih ramai pelajar boleh melanjutkan pelajaran ke luar negara melalui tajaan MARA. Jadi soalan saya, kita tahu bahawa jumlah pelajar MARA yang melanjutkan pelajaran ke luar negara rasanya makin tahun makin berkurangan sedikit oleh sebab kejatuhan mata wang ringgit. Jadi, adakah pihak MARA memilih negara-negara yang mungkin mata wang kita tidak jauh bezanya seperti negara-negara yang di Australia contohnya, di New Zealand contohnya. Ini yang mana *currency* dia, jarak kewangan itu tidak begitu jauh seperti mana di London ataupun di tempat-tempat lain.

Jadi yang kedua, soalan saya, adakah pihak MARA ingin menambah pelajar ke luar negara memandangkan pencapaian pendidikan negara anak-anak kita di sekolah hari ini makin hari makin hebat, makin cemerlang? Jadi, kuota untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara amat terhad. Jadi, apakah langkah pihak kementerian melalui MARA bagi mengekang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan tentang jumlah pelajar yang kita hantar ke luar negara. Saya ingat itu inti pati yang Yang Berhormat persoalkan. Saya hendak nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah pelajar yang sudah kita hantar ke luar negara semakin meningkat sebenarnya, kalau berdasarkan semenjak tahun 2010. Peningkatannya cukup besar, bukan hanya kita tekankan tentang penguasaan dalam berbagai-bagai bidang anak-anak masyarakat luar bandar. Kita sedar dan tahu bahawa keadaan



ekonomi yang tidak begitu sihat, *currency* kita tidak begitu kukuh, kita akan berhadapan dengan tanggungan yang mungkin akan meningkat.

Jadi kita sudah melihat daripada segi kerangka bagaimana memastikan supaya pembinaan insan manusia, *capital human development* sebagai satu komponen yang cukup penting dalam pembinaan sebuah negara yang tidak harus terbantut. Dalam usaha kita untuk memajukan negara kita yang adanya, keupayaan masyarakat itu yang memberi sumbangan yang besar kerana ada masyarakat yang berilmu, jadi kita olah keadaan ini. Pertama, jumlahnya kita pastikan tidak menurun tetapi dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya kalau pelajar-pelajar dalam bidang *bachelor*, sebahagian besar kita menggalakkan tajaan di dalam negara. Kita juga perlu membangunkan dan membantu institusi di dalam negara, bukan hanya IPTA, IPTS yang ada. Kita tekankan di masa sekarang dan mendatang supaya lebih ramai pelajar-pelajar yang kita hantar dalam bidang *master degree*, dalam bidang PhD dan kursus-kursus, bukan hanya dalam bidang yang biasa diambil oleh pelajar-pelajar kita.

Kita hendakkan supaya penguasaan contohnya dalam bidang *nutrition*, dalam bidang *astronaut*, dalam bidang *aerospace* yang perlu bagi kita, bukan hendak jadi *pilot*. Dahulu banyak anak-anak kita yang kita hantar. *Now, excessive number of pilot*, dengan izin. Akan tetapi kita hendakkan supaya macam mana hendak *maintenance aircraft*, macam mana hendak membina *aircraft*. Ini yang kita hendakkan. Fasal kita sedar dan tahu contohnya banyak kapal terbang yang dimiliki oleh Arab Emirates, contohnya oleh negara-negara Timur Tengah yang mereka hendak *maintain aircraft* ini sampai ke Eropah. Jaraknya jauh, kalau tidak pun hantar ke Singapura. Hendak ubah suai contoh *Aircraft A380* yang ada, hantar ke *Singapore, costing about RM200 million*.

Bayangkan ruang dan peluang *opportunity* bagi negara kita kalau sekiranya ada keupayaan anak bangsa kita. Itu yang kita membina satu landasan di Subang *Aerospace Industry Centre* yang di bawah MARA untuk membolehkan supaya kita latih lebih kurang 3,000 *engineer* yang ada menguasai dalam bidang-bidang ini, supaya tidak perlu hantar, mungkin kapasiti Singapura tidak mampu tetapi Malaysia sebagai rakan kongsi banyak dengan Timur Tengah, banyak *aircraft* mereka, hantar ke dalam negara kita. Ini yang bidang-bidang yang kita hendak tekankan, bukan hanya jumlahnya menjadi keutamaan kepada kita tetapi penguasaan bidang-bidang yang boleh meletakkan landskap negara ini di landasan yang sebenarnya, yang kita mampu untuk bersaing.

Jadi untuk mengatasi masalah-masalah ini di samping itu untuk makluman Yang Berhormat, kita juga melihat bagaimana contohnya kerana tajaan kita merupakan pinjaman. Saya ada minta kepada pihak MARA dan pengurusannya untuk melihat bukan hanya kerangka kebergantungan kita kepada pemberian pihak kerajaan, kita harus melihat daripada segi institusi perbankan contohnya yang ada, runding dengan mereka. Kalau dapat kita pinjam duit, mungkin dalam lingkungan 6% *interest* dia, 4% *interest* dia yang boleh kita pinjam duit dia daripada institusi perbankan dan kita gunakan duit.

Hasil daripada keuntungan MARA, kita akan gunakan sebahagian daripada hendak *subsidize* tajaan ini seakan sama pinjaman itu yang diberikan atas pembiayaan kerajaan, tetapi guna duit yang ada atas pinjaman bank. Oleh sebab ini penting bagi kita, seperti apa yang Yang Berhormat katakan

keimbangan supaya jumlahnya menguncup. Ini kita hendak pastikan supaya untuk mengelak keadaan itu jumlahnya tidak menguncup dan mengurang, kita hendak pastikan bahawa kewangan itu dapat kita stabilkan, kedudukan kewangan pihak MARA ini.

Jadi pelbagai langkah sedang kita lakukan mengatasi masalah. Saya tahu kadar inflasi negara-negara khususnya yang seperti United Kingdom agak tinggi, negara-negara lain dan ini akan sedikit sebanyak membebankan pelajar-pelajar kita. Kita akan mencari langkah-langkah seterusnya untuk memastikan supaya ia dapat dikurangkan. Terima kasih.

**10. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah bentuk pampasan mahupun bantuan kepada mangsa banjir akibat kehilangan sumber pendapatan daripada sektor pertanian. Bagaimana kaedah untuk menyalurkan bantuan tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Rahimah. Sebagai menjawab soalan yang dikemukakan, seramai 18,191 orang daripada mangsa banjir merupakan petani, nelayan, penternak dan juga pengusaha industri asas tani, 18,191 orang.

■1140

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai beberapa program membantu mereka ini. Satu daripadanya ialah kita memberikan bantuan kewangan dari Tabung Bantuan Bencana Agromakanan. Tabung ini telah pun mendapat peruntukan dan sebahagian daripada peruntukan ini telah pun disampaikan kepada mangsa-mangsa banjir seramai 17,590 orang mangsa banjir yang mana tidak termasuk nelayan. Sebanyak RM27,000,000,531 telah pun diperuntukkan.

Sedikit berkenaan dengan kadar. Kadar pembayaran bantuan ini umpamanya bantuan kerugian hasil padi sebanyak RM800 sehektar. Maksimum tiga hektar. Ini padi yang sudah masak yang sedia untuk dituai tetapi dilanda oleh banjir dan musnah. Bagi tanaman semula iaitu pokok-pokok padi yang musnah dan belum lagi sampai tahap masak, bantuan sebanyak RM876 sehektar dan maksimum juga tiga hektar. Bantuan ihsan kepada pengusaha sayur-sayuran, minimum RM500 sehektar dan maksimum RM2,000. Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan.

Bantuan ihsan kepada pengusaha buah-buahan kontan, minimum RM500 sehektar dan maksimum RM1,000. Itu bagi petani-petani yang diberikan bantuan melalui Tabung Bantuan Bencana Agromakanan, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi ialah Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan, untuk nelayan sahaja. Seramai 1,760 orang nelayan yang terlibat. Tabung ini bertujuan memberi bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan dan bayaran telah pun selesai dibuat kepada mereka yang berkenaan. Saya tidak dapat hendak baca kadarnya, memakan masa yang agak panjang. Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak tahu, saya boleh beritahu di luar Dewan pun boleh juga.

Selain daripada itu, kepada nelayan akuakultur, ada program Touch Point yang melibatkan bantuan input seperti benih ikan dan makanan dan dengan nilai RM1,500 bagi setiap pengusaha akuakultur iaitu penternakan ikan dalam sangkar. Secara keseluruhannya, sebanyak RM2.77 juta telah disalurkan kepada 1,655 orang penternak ikan akuakultur yang saya maksudkan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Program Keusahawanan Pasca Banjir 2015 oleh TEKUN Nasional yang merupakan penyelesaian baki pinjaman. Yang ini, mangsa-mangsa banjir yang ada baki pinjamannya, usahawan TEKUN sedia ada dan program ini ada yang kita beri- TEKUN *right off* sahaja baki pinjaman mereka. Selain daripada itu, TEKUN juga memberikan program pinjaman khas untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua, Agrobank juga membantu kepada mangsa banjir. Seramai 1,949 orang mangsa banjir yang mendapat bantuan daripada Agrobank dalam bentuk moratorium ataupun penjadualan semula bayaran pinjaman mereka dengan pihak Agrobank. Akhir sekali kerja pembaikan infrastruktur di jalan ladang, pengairan dan saliran. Ini juga merupakan program yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memulihkan kawasan pertanian. Terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci sekali. Soalan tambahan saya berapa lama jangkaan pelan pemulihan sektor pertanian dan penternakan di negeri-negeri yang terlibat dengan bencana banjir? Kedua, apa langkah kerajaan untuk menghadapi banjir pada tahun ini memandangkan bila berlaku banjir, banyaklah pertanian dan penternakan yang rosak? Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Banjir berlaku di penghujung tahun sudah dan peruntukan yang diperoleh kebanyakannya akhir-akhir ini. Jadi memakan masa sedikit lebih kurang empat hingga lima bulan. Kita sudah bersedia untuk menghabiskan peruntukkan yang kita peroleh ini untuk disampaikan kepada mangsa-mangsa banjir. Sebagai mana yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, sebahagiannya telah pun kita beri kepada mereka. Setelah selesai bantuan ini disampaikan, ia merupakan program pemulihan kepada mangsa-mangsa banjir itu sama ada petani padi, petani sayur-sayuran, buah-buahan, akuakultur dan sebagainya. Jadi, *as soon as this* bantuan kewangan selesai dalam tempoh terdekat ini, kita menjangkakan pertanian akan pulih semula. Terima kasih.

**11. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang boleh diambil ke atas rakyat negara ini yang membuat kenyataan berbaur hasutan di luar negara termasuk kerjasama dengan negara luar dalam mendapatkan perintah ekstradisi untuk mereka yang berkaitan dihantar pulang dan menjalani proses pengadilan di negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Empat soalan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar terdapat rakyat negara ini yang bertindak membuat kenyataan berbaur hasutan di luar negara termasuklah cuba bekerjasama dengan negara luar bagi mendapatkan simpati terhadap tindakan salah mereka. Namun

begitu, semua pihak harus sedar bahawa Malaysia mempunyai hubungan yang amat baik dengan negara-negara antarabangsa. Dalam hubungan itu, sebarang tindakan yang dilakukan oleh mereka sudah pasti akan menjejaskan nama baik negara kerana tidak mengikut saluran yang betul.

Tindakan mereka juga bukanlah mewakili Kerajaan Malaysia sebaliknya atas kepentingan politik semata-mata dengan niat untuk menjadi hero di mata rakyat dan seolah-olah kerajaan tidak melakukan apa-apa tindakan. Golongan-golongan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukkan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan selain daripada usaha kerajaan untuk mendapatkan perintah akreditasi supaya membolehkan mereka yang berkaitan dihantar pulang ke Malaysia dan menjalankan proses pengadilan di negara ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk menasihatkan semua pihak terutama mereka yang cuba bertindak menjadi hero berkenaan agar menghentikan tindakan mereka. Jangan kita menggadai negara kita untuk mencapai sesuatu tujuan demi kepentingan peribadi ataupun politik kumpulan peribadi. Sikap dan perangai sebegini bukanlah budaya kita. Sekiranya kita hendak berjuang dalam apa jua bidang pun, lakukanlah melalui saluran yang betul dan di negara sendiri. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang terpaksa menjawab empat soalan hari ini. Soalan tambahan saya, bolehkah saya cadangkan di sini jika terbukti kesalahan, gugurkan sahaja status kerakyatan dan diganti dengan status *permanent resident*? Biar mereka sedar implikasi kerakyatan ditarik balik agar memberi pengajaran. Sekian, terima kasih.

■1150

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, kita berpandu kepada Perlembagaan dan undang-undang yang sedia ada. Dia ada dua perkara. Satu perkara ialah berhubung dengan warga negara Malaysia sebagai Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian warganegara Malaysia yang bukan menerusi *neutralization* ataupun pelaksanaan undang-undang minta dan mendapat menjadi warganegara ataupun *permanent resident*. Bagi pihak ini Tuan Yang di-Pertua, hinggalah kita menunjukkan ketaatan kita kepada negara kita Malaysia. Ketaatan dalam sudut ini mestilah secara fizikal.

Umpamanya kita terlibat dengan proses politik negara lain untuk bertanding menjadi Ahli Parlimen Dewan Negara, Dewan Rakyat mereka ataupun *House of Commons* mereka ataupun wakil di beberapa peringkat politik dia ataupun menyerahkan balik pasport kita dan selepas itu mengambil pasport negara lain, barulah kita boleh menggugurkan kewarganegaraan, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kalau kesalahan-kesalahan lain yang masih ada sudut undang-undang boleh dikenakan, kita tidak boleh menggugurkan kewarganegaraan sesiapa masyarakat rakyat Malaysia yang asli di Malaysia ini sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada duduk dalam Dewan pada masa sekarang ini.

Kedua ialah pihak yang menerusi proses undang-undang. Dia rakyat negara lain, selepas itu bermohon menjadi warganegara Malaysia. Kalau orang sedemikian ini melakukan satu perkara yang bertentangan dengan ketaatan, menunjukkan tidak ketaatannya kepada masyarakat Malaysia, negara kita, kerajaan kita, pihak kerajaan kita boleh mengambil tindakan untuk menggugurkan kerana syarat pemberian kewarganegaraan kepadanya dahulu semasa memohon ialah dia mesti menunjukkan ketaatannya kepada negara kita.

Jadi dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menggugurkan tindakan kewarganegaraan seseorang itu oleh sebab dia telah mengambil tindakan ataupun melakukan satu-satu kesalahan yang berbentuk hasutan ataupun kesalahan undang-undang walaupun membunuh, Tuan Yang di-Pertua di negara lain ataupun negara sini untuk kita negara kita sendiri, walaupun kena ada undang-undang yang tertentu boleh diambil tindakan kepadanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya buka ruang untuk soalan tambahan yang kedua. Tak ada ya? Baiklah dengan jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, maka setakat itu dululah sesi bagi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan kita untuk hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (PINDAAN) 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[2 Julai 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad untuk menyambung berbahas. Silakan Yang Berhormat.

**11.53 pg.**

**Dato' Khairudin bin Samad:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kesian dekat Yang Berhormat Menteri ini. Dia sudah empat soalan, ada dua RUU. Tuan Yang di-Pertua, saya sambung yang hari Khamis yang lepas. Saya

tengah bercerita pasal *Hai Hong* ini. Mereka ini datang masuk ke negara kita pada ketika itu dengan membayar duit USD ataupun bayar emas, rantai, gelang, cincin dan sebagainya untuk masuk. Dengan sebab itulah ada pemerdagangan ini yang saya sebut sebagai *smugglers* ini yang bawa masuk.

Jadi, mereka ini bila datang sini sebelum pergi ke negara ketiga menumpang di tempat kita ini sebagai transit. Kemudian, negara ketiga yang datang mengambil mereka ini dan kebanyakan mereka ini adalah dari selatan Vietnam yang berpelajaran, boleh bercakap bahasa Inggeris kerana dahulu ada *The Heaven Of Asia, East Asia* di Saigon. Ada cerita *Miss Saigon* dan sebagainya.

Jadi mereka ini boleh bertutur bahasa Inggeris. Mereka dibawa ke luar negara ke negara ketiga dan menjadi hebat di sana, menjadi orang yang hebat kerana *survival* di sana, dengan izin, mereka ini berusaha, bersusah payah dan sekarang ini hebat. Baru-baru ini kita jumpa di Norway yang telah menjadi doktor, yang menjadi *specialist*, yang menjadi *lawyer*. Dia sudah menjadi rakyat negara itu dan dia hidup dengan begitu aman di sana di semua, sampai ke Amerika dan sebagainya.

Apa yang berlaku sekarang ialah, mereka ini daripada Rohingya ini, mereka juga saya difahamkan bayar untuk hendak masuk ke negara kita, bayar, bukan percuma. Mereka membayar untuk masuk ke sini dan mereka ini menjadi pelarian di negara asal. Ini kemungkinan berlaku, saya difahamkan ada *ethnic cleansing* di sana daripada rakan-rakan Myanmar yang ada, yang saya kenal. Saya pernah bertanya masalah, macam cerita *Rambo III, Rambo*, saya lupa. Akan tetapi yang berlaku di Myanmar, *ethnic cleansing* di sana, yang *Rambo* pergi membantu itu. Saya tanya benarkah cerita ini? Dia kata memang berlaku begitu. Akan tetapi apa yang saya hendak cerita di sini, mereka yang ada di Myanmar ini, yang Rohingya yang datang ini dari Myanmar, mereka ini masuk ke sini sudahlah tidak cantik ataupun tidak *handsome*, gigi pun berkarat sebab makan pinang. Dia makan pinang itu, kita tak tahu sebab apa. Mungkin dia makan pinang kerana kelaparan, jadi pinang ini lambat hendak kunyah kerana mereka ini susah. Ada duit, bayar untuk hendak datang.

Saya rasa kementerian perlu ambil perhatian bahawa tidak mungkin ada negara ketiga hendak ambil sebab mereka ini bukannya bijak pandai seperti mereka yang dari Vietnam. Mereka datang ke sini, mereka berharap untuk bekerja di sini kerana di sinilah lubang. Baling biji satu atas tanah Tuan Yang di-Pertua, esok tumbuh. Tumbuh jadi pokok buah-buahan. Itu kata orang dululah sebab itu negara kita ini maju sebab tanahnya subur. Jadi dengan sebab itu mereka ini datang. Datang untuk hendak cari makan di sini, sanggup bayar untuk datang. Yang menjadi masalah, orang yang mengatur ini, yang dok terima duit, yang bawa pendatang-pendatang ini bukan sahaja daripada Rohingya, daripada seluruh negara yang minat untuk datang ke negara kita. Mereka ini datang dan jadi peluang kepada pemerdagangan ini ataupun *smugglers* ini untuk bawa.

Antara sebab yang saya faham Tuan Yang di-Pertua, antara sebab ialah kita di sini sendiri hendak bawa pekerja asing ke negara kita sekarang ini tidak murah seperti dulu. Kalau hendak membawa pembantu rumah sahaja, RM12,000 hingga RM18,000 seorang pembantu rumah kalau kita hendak bawa masuk.

Saya diberi peluang dulu oleh bekas mantan Ketua Pengarah Imigresen, dapat tiga orang pembantu rumah. Dua sudah balik saya hendak isi balik, RM36,000. Saya pun tak mahu. Cari di Malaysia tak ada, bukan tak boleh cari di Malaysia, tak ada orang yang hendak bekerja. Jangan kita berceritalah. Saya dengar ramai rakan Ahli-ahli Yang Berhormat bercerita kenapa tidak kita kurangkan pendatang ini? Hendak kurangkan macam mana? Orang kita tak mahu kerja. Bukan sahaja pembantu rumah, hendak bangun bangunan, hendak buat sehinggakan saya jadi terperanjat sekarang ini, *the front liner* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *the front liner* yang jadi *cashier*, kasir-kasir ialah orang-orang luar...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat. tengah hot Yang Berhormat, baru gear dua Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Memang hendak kasi hot sikit lagi lah.

#### ■1200

**Dato' Khairudin bin Samad:** Bagi hot sikit? Baru *gear* dua, sekejap. Tuan Yang di-Pertua, yang jadi *cashier* pun dah ada, yang jadi *supervisor* pun ada. Sepatutnya, mereka ini datang ke negara kita untuk membantu kita, jadi kerja mereka di belakang lagi, masih di belakang, *backbencher*. Akan tetapi mereka ini sekarang dah jadi hebat, kita pun tak tahu macam mana. Adakah permit dikeluarkan untuk mereka jadi *cashier*? Kita tak tahu. Inilah peluang-peluang yang dibuka yang sehinggakan mereka ini terikut dengan mereka yang nak *smuggle* mereka ini masuk. Saya izinkan Yang Berhormat Datuk untuk mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, teruskan mencelah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini cuma nak dapat pendapat Yang Berhormat pasal ramai orang Malaysia tak nak kerja, kenapa kita bergantung pada pekerja asing. Pada pendapat Yang Berhormat, adakah salah satu sebab selain daripada 3D itu, *difficult*, *dirty* dan *dangerous* dan sebagainya, adakah salah satu sebab itu berkaitan dengan gaji yang kita bayar itu, rendah sangat. Saya minta pendapat Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Saya bersetuju sangat tetapi mungkin kementerian boleh berikan pendapat yang lebih baik. Akan tetapi yang saya nampak sekarang ini kera di hutan disusukan, monyet-monyet di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan. Kita ada *minimum wage* dan *minimum wage* ini kita sama ratakan antara pekerja rakyat kita dan juga dengan mereka, manakah ada standard? Jadi, orang kita ini dapat *minimum wage* sama dengan orang luar. Sepatutnya, *minimum wage* kita asingkan. Kalau mereka RM900, kita RM1,200. Barulah ada tarikan untuk orang kita bekerja. Satu lagi, sudah tentulah kita ini bila buka tingkap Yang Berhormat, buka tingkap, sawah padi, ikan puyu ada di dalam sawah. Bawah rumah pelihara ayam, tepi sawah ada kangkung. Jadi, dah tahu dah makanan, beras ada, ikan ada, sayur kangkung ada, ayam ada, telur ayam ada. Jadi, kita jadi manja, jadi kita tak berapa hirau pasal nak cari pekerjaan. Jadi, pekerjaan-pekerjaan yang lekeh ini banyak orang yang tak mahu. Itu pada pandangan sayalah dan nak sambung balik yang tadi.

Yang ini yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah. Kemudian kita lihat mereka ini datang, kita mengharapkan sebelum Dewan Rakyat bermula dulu, saya didatangi oleh rakan-rakan pegawai-pegawai tinggi polis, PDRM, bercerita dengan saya macam mana mereka hendak membantu kerajaan dalam segi untuk menangkap dalang-dalang yang dagang manusia ini. Bila pendatang-pendatang ini ditangkap, masuk ke dalam lokap, lokap penuh. Kena cari lokap yang kosong. Itu satu masalah yang Polis Diraja Malaysia menghadapi. Yang keduanya, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Menteri, bila mereka menangkap, belum sempat nak buat *interrogation*, Jabatan Imigresen datang bawa mereka ini ke pusat-pusat tahanan. Bila berlaku yang itu, Jabatan Imigresen tidak ada kepakaran untuk *interrogate*, dengan izin, untuk buat soal siasat dengan sistem yang ada pada PDRM, Jabatan Imigresen tak ada.

Jadi akhirnya, bila Jabatan Imigresen bawa mereka ke pusat tahanan, polis tidak dapat mencungkil cerita-cerita siapa yang bawa mereka masuk. Ini juga menjadi masalah untuk kita nak tangkap mereka yang dibayar, yang bawa orang ini masuk. Saya melihat yang ini menjadi masalah. Saya bersimpati dengan PDRM tetapi dalam tengah kita bersimpati itu Tuan Yang di-Pertua, ada pula nila sesudu, rosak susu sebaldi. Dua orang ditangkap di Wang Kelian kerana bersubahat. Kemudian kita, *Allah*, belum sempat kita berbahas dalam Dewan yang mulia ini, dah ada pula dua orang kena tangkap. Saya nak bela polis macam mana? Tengah-tengah dok cakap ini, lepas itu ada pula di Shah Alam, SPRM pula tangkap. Terlibat pula dengan membebaskan pendatang. Ini pun satu masalah, itu yang saya katakan sekarang ini dah bukan setitik nila dah Tuan Yang di-Pertua, dah jadi satu sudu, dah jadi satu mangkuk nila nak merosakkan susu setempayan. Yang ini kita kena betulkan juga, kalau tidak, kita tak boleh dapat, kita susah nak dapat mereka yang membuat kerja-kerja ini. Oleh sebab kita kalau nak dapat siapa yang dalang-dalang yang buat kerja-kerja ini, kita kena tanya daripada mereka yang masuk.

Lepas itu dalam negara kita ini, bukan sahaja mereka ini yang datang bayar duit kerana nak masuk, pelarian dan sebagainya tetapi ada juga mereka yang datang secara sukarela. Datang secara sukarela, bayar duit bot, duit sampan, duit tongkang ikan untuk masuk kerana negara kita luas dengan air. Dari Perlis tempat Tuan Haji Abdul Shukor sampailah ke Kelantan ke tempat Dato' Dr. Johari ke, laut keliling. Begitu juga di Sarawak. Dari Sarawak sampai ke Sabah, kita dikelilingi oleh laut dan juga perbatasan yang memang pendatang boleh masuk. Mereka ini datang bukan didagang tetapi oleh sebab kita tidak diiktiraf oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai PATI. Bangsa-Bangsa Bersatu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bangsa-Bangsa Bersatu Tuan Yang di-Pertua, tidak iktiraf PATI.

Tidak ada dalam istilah Bangsa-Bangsa Bersatu, Pendatang Tanpa izin. Yang ada, pendatang yang dapat permit untuk masuk ataupun mereka didagang. Itu fahaman dia. Dia tak pernah datang, orang-orang di *United Nations* ini Tuan Yang di-Pertua, tak pernah datang ke Malaysia dan lihat luasnya laut kita dan bagaimana suburnya negara kita yang orang berminat untuk datang, ada PATI dan ada juga yang didagang. Itu saya tidak nafikan. Yang didagang ini yang saya sebut awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk nak menyelesaikan masalah-masalah ini, satu, kita kena minta Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengiktiraf bahawa kita juga mempunyai pendatang tanpa izin yang



bukan didagang. Itu dia kena bagi pengiktirafan dulu kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya minta kerjasama, kalau boleh kita nak luluskan undang-undang ini, kita bersetuju sangat kerana kita pun dah risau. Saya sekarang ini Yang Berhormat Datuk, nasib baik bulan puasa kalau tidak saya nak belanja semua orang hari ini untuk pergi makan di Kepala Ikan Bellamy. Nak masuk bersesak-sesak situ, penuh dengan orang Rohingya, di depan UNHCR itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh buat selepas bulan Ramadhan, Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh buat selepas bulan Ramadhan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Selepas bulan Ramadhan saya boleh buat Tuan Yang di-Pertua, tapi Dewan habis bersidang. Saya tak mahu tunggu yang lagi sekali sebab yang itu tak masuk, belum masuk yang hari itu yang kita lulus Tuan Yang di-Pertua. Belum masuk. Saraan, saraan. Saya pun tak tahu bila.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kalau boleh nak melihat negara kita ini bersih daripada pendatang. Saya tidak akan mencadangkan untuk diadakan perkampungan seperti dulu kita buat di dekat Sungai Besi kita buat untuk *Hai Hong* dari Vietnam. Berkelahi, bakar dan sebagainya dan kalau kita buat, bererti kita ada tempat untuk mereka datang lagi, jadi masalah. Jadi, yang mana yang kita rasa perikemanusiaan, kita nak bantu, kita bantu. Bukan saya ini kejam sangat, saya buat cadangan di sini kerana bukan saya kejam, tidak. Saya juga bersimpati, apatah lagi anak-anak dan mereka yang lemah seperti orang perempuan dan sebagainya. Ada yang sarat mengandung pun duduk dalam bot.

#### ■1210

Kita memang hendak bantu tetapi kalau kita buka bererti *we open the flood gate*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh sebab kita takut lagi ramai sebab masih ramai lagi di laut yang hendak datang. Hari ini sahaja apabila Menteri sebut 1.5 juta Bangladesh akan dibawa masuk. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terima telefon daripada kawan saya minta tolong saya bantu untuk bercakap dengan Yang Berhormat Menteri sebab dia berdagang dengan Bangladesh dia sudah ada dua juta orang yang *standby* hendak bawa masuk. Itu yang hendak mohon, yang tahu kata kita buka untuk mereka. Yang hendak datang secara haram ini saya pun tidak tahu *wallahualam* berapa ramai. Jadi ini baru Yang Berhormat Menteri sebut hendak bawa 1.5 juta akan menjadi huru-hara sedikit hari sebab mereka sudah tahu mereka ada peluang untuk datang ke sini. Belum lagi kita hantar yang ini balik yang datang secara haram ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh lihatlah apa yang saya perkatalkan tadi dan kita ambil apa sahaja yang berlaku sebelum ini kita jadikan sebagai satu iktibar untuk kita hendak luluskan undang-undang ini supaya ia menjadi lebih baik kepada negara kita lebih aman kita hidup kerana mereka ini seperti yang Datuk Norliza sebut di *traffic light* sudah mula ada orang minta sedekah. Inilah dia. Mereka inilah yang sekarang ini. Kita pergi di pasar malam pun minta sedekah. Sebab kebanyakan mereka datang tidak ada tempat berteduh.

Sewaktu 6P dijalankan dahulu Tuan Yang di-Pertua bila kita tengok mereka keluar untuk daftar 6P itu kita terperanjat kerana dia keluar dia datang sekali begitu ramai kita jadi begitu terperanjat. Daripada mana mereka ini datang. Sebelum ini kita tidak pernah tahu tetapi bila ada satu rancangan 6P pada ketika itu maka baru kita tahu mereka ini begitu ramai yang duduk di rumah-rumah setinggian yang sedang bersembunyi dan apa pekerjaan mereka kita juga tidak tahu kerana mereka banyak telah pun boleh berbahasa Melayu. Ini kepintaran-kepintaran mereka yang datang ke negara orang untuk *survival*.

Mereka akan belajar bahasa kita dan kadang-kadang lebih baik daripada kita. Seperti yang kita jumpa di Norway mereka punya bahasa Inggeris cukup hebat. Saya tidak reti berbahasa Norway tetapi dia berbahasa Inggeris memang hebat. Kalau kita tidak tengok muka kita ingat rambut *blonde*. Kita tengok muka baru kita tahu Allah sama, warna pun sama dengan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini menyokong RUU *anti smuggling* ini. Hendak sebut bahasa Melayu ini Tuan Yang di-Pertua, saya takut tersasul. Jadi saya ucapkan jutaan terima kasih. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang sanggup tunggu sehingga RUU polis pula selepas ini. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin.

### 12.13 tgh.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludukan Migran 2015.

Mungkin sempadan yang panjang yang tidak berpagar dan anak sungai kadang-kadang kering dan pada musim kemarau kita boleh mengharung, air setakat lutut. Maka anak sungai ini juga akan jadi sempadan antara dua buah negara iaitu Kelantan dengan Siam. Jadi pemburu atau dengan izinnya, *hunters* kadang-kadang pergi ke hutan tersalah jejak di tanah di sana maknanya tanah di Siam.

Maka kadang-kadang kita tanya orang kampung, tanah pakcik setara mana, jauh di mana? Itu tanah kita, dia kata. Sebenarnya tanah dia tunjuk itu tanah di Siam. Pada pemburu ini dia pergi sebelah Siam dia tanya pakcik cakap Kelantan, di sempadan Thailand-Malaysia ini. Yang pemburu tanya Siam itu dia kata "*Pakcik, tanah di sebelah mana?*" Dia tunjuk tanah di Kelantan. Maknanya tanah tidak pagar ini dia tidak ada tuan. Berlawan tunjuk. Maka ini akan jadi satu masalah satu hari nanti kalau sempadan kita ini tidak ada pagar sempadan. Mungkin pagar kena buat, mungkin sungai kena dalam sedikit. Itu harusnya kita kena ambil tahu untuk jangka panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu sahaja Yang Berhormat? Ada lagi?

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Ada lagi, ada lagi. *This is first gear*. Setelah mengkaji Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2015 yang tersedia, saya setuju akan keperluan untuk meminda Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang sedia ada. Ini berikutan dengan pendedahan yang cukup

menggemparkan, dengan penemuan kem tahanan dan kubur di Wang Kelian pada bulan Mei. Ramai warganegara asing telah menjadi mangsa di bawah kegiatan pemerdagangan dan penyeludupan manusia dalam sistem jaringan yang dipercayai telah lama beroperasi dan hilang nyawa mereka.

Saya mengkritik sekuat-kuatnya kegiatan yang tidak berperikemanusiaan tersebut dan percaya bahawa tindakan yang proaktif dan keras perlu diambil untuk memberhentikan kegiatan tersebut di kawasan sempadan negara. Pindaan undang-undang merupakan salah satu tindakan yang wajar dalam usaha kita untuk membanteras jenayah yang tidak berperikemanusiaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih dan marah atas penemuan kem tahanan dan kubur di tanah air kita. Penemuan tersebut menghantar satu mesej yang cukup terang dan kuat bahawa usaha kita masih tidak mencukupi dalam menangani kegiatan pemerdagangan dan penyeludupan manusia di negara kita. Saya percaya bahawa penemuan tersebut mendedahkan jaringan kem tahanan yang telah lama dioperasikan oleh kumpulan penculik dan penyeludup manusia, serta meminta wang tebusan, terlibat dalam aktiviti perhambaan, buruh paksaan, penyeludupan seks dan sebagainya.

Saya percaya bahawa banyak indikasi termasuk laporan dari pelbagai pihak telah menunjukkan bukti yang kukuh bahawa wujudnya buruh paksaan dan penyeludupan seks di negara kita dan sering kali di situasi ataupun masalah sebab ini gagal mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa negara kita terus mencatatkan prestasi yang kurang memuaskan dalam laporan kedudukan penyeludupan dunia dan menunjukkan usaha yang masih kurang oleh pihak yang berkuasa terutamanya di kawasan sempadan negara. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah menjalankan 89 siasatan ke atas kes penyeludupan manusia pada tahun 2013 berbanding dengan 190 kes siasatan pada tahun 2012 yang sebelumnya.

Malahan hanya beberapa orang suspek berjaya dijatuhkan hukuman selepas perbicaraan mahkamah. Angka tersebut gagal mencerminkan betapa genting dan seriusnya masalah tersebut pada masa kini. Saya berpendapat bahawa biarpun banyak laporan dan penyiasatan telah dibuat namun masih tidak ramai yang disabitkan kesalahan. Ini menyebabkan imej pihak berkuasa tercalar di mata rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru supaya laporan tahunan SUHAKAM mengenai hak asasi manusia Malaysia dibenteng dan diperdebatkan di Parlimen. Ini bertujuan untuk menarik perhatian para wakil rakyat terhadap perkembangan dan masalah yang mencabar hak asasi manusia di Malaysia. Memupuk kesedaran dan mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, biarpun saya setuju dan menyokong akan cadangan kerajaan untuk meminda Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, saya tetap percaya bahawa pihak penguat kuasa seperti polis dan askar mesti mengadakan usaha mereka dan mengetatkan lagi rondaan di sempadan negara. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada penggubalan atau pindaan undang-undang untuk mengatasi masalah pemerdagangan dan

penyeludupan manusia. Penguatkuasaan juga amat penting dan pihak yang berkenaan mesti menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab, cekap dan adil.

#### ■1220

Tuduhan bahawa sesetengah pegawai penguat kuasa terlibat dalam aktiviti rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah membimbangkan. Saya menggesa supaya kerajaan menjalankan siasatan yang mendalam dan kerajaan terbuka serta mengambil tindakan yang keras jika didapati ada pegawai yang bersalah. Selain itu saya percaya bahawa satu strategik nasional perlu dijalankan oleh kerajaan dengan kerjasama daripada majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) untuk membanteras aktiviti penyeludupan manusia. Malahan memberi tekanan yang lebih kepada pengawasan, pencegahan, prosiding jenayah dan juga memberi sokongan atau perlindungan kepada mangsa penyeludupan manusia.

Sejak beberapa tahun yang lepas nama baik negara kita terjejas dengan laporan antarabangsa yang menyatakan negara kita adalah hub perdagangan manusia. Justeru itu kedudukan negara kita diturunkan ke tahap yang terendah yang bersama dengan negara seperti Korea Utara, Zimbabwe dan Arab Saudi. Ini ternyata amat membimbangkan kerana kita selalu mendakwa sebagai negara yang menjunjung kesederhanaan dan saling menghormati di antara satu sama lain. Justeru itu saya menyokong beberapa langkah yang mesti diambil oleh kerajaan untuk memelihara dan memulihkan nama baik negara. Tindakan Kementerian Dalam Negeri mencadangkan rondaan bersama dengan pihak berkuasa Thailand dan perjanjian Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Thailand akan dikaji semula adalah wajar kerana aktiviti penyeludupan melibatkan banyak negara dan ia hanya dapat ditangani dengan kerjasama semua pihak.

Tambahan pula dengan kerjasama dengan negara jiran, hubungan kita akan bertambah kukuh pada masa akan datang, tindakan negara kita yang sedang berunding dengan Bangladesh mengenai penahanan warga Malaysia yang bertanggungjawab menunjukkan komitmen kerajaan untuk membanteras jenayah ini. Tindakan yang tegas mesti diambil atas penguatkuasaan undang-undang yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia kerana terdapat laporan kebelakangan ini menyatakan bawah 80% daripada pihak berkuasa di sempadan adalah tidak amanah dan mengamalkan rasuah.

Justeru itu tindakan mengkaji semula peranan untuk mencegah penyeludupan- kerana mereka seharusnya melindungi negara. Selain itu perkhidmatan guaman, juga harus disediakan bersama dengan kaunseling supaya mangsa tersebut dapat berkomunikasi dengan bahasa ibunda mereka melalui memberikan peruntukan kepada organisasi bukan kerajaan yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini yang juga berperanan mendidik mangsa tersebut tentang hak-hak asas mereka di negara ini bagi mengelak mereka daripada ditindas.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti rang undang-undang yang tersedia, saya bersetuju dengan pindaan fasal 3 yang meminda seksyen 6, Akta 670 ini bagi menambah anggota baru dalam majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. Saya percaya bahawa langkah tersebut adalah wajar dan perlu memandangkan masalah tersebut yang menjadi semakin serius maka

masa adalah sesuai untuk menambah keahlian majlis tersebut untuk membolehkan *participation* yang lebih menyeluruh dan praktikal bagi mencapai objektif untuk menangani masalah penyeludupan migran.

Saya juga menyokong cadangan fasal 5 yang meminda seksyen 7, Akta 670 untuk membolehkan majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan. Saya berpendapat bahawa langkah ini memastikan bahawa mangsa menerima pampasan daripada segi kewangan dan diharap boleh meringankan beban mereka dan menyediakan mereka kembali ke pangkuan masyarakat awam semasa tempoh perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bergembira dan menyokong sepenuhnya cadangan untuk meminda Fasal 9 yang bertujuan untuk meminda seksyen 44(2), Akta 670 untuk melanjutkan tempoh perlindungan interim daripada 14 hari kepada 21 hari. Ini merupakan inisiatif kerana yang cukup baik untuk memberikan perlindungan yang secukupnya kepada mangsa pada masa yang kritikal tersebut bagi memastikan bawah mangsa terlindung daripada sebarang ancaman dan juga benar-benar bebas daripada pengaruh pihak penyeludup.

Saya turut setuju dengan fasal 11 yang memasukkan seksyen baru 51A ke dalam Akta 670 untuk memberikan majlis kuas untuk bergerak bebas dan untuk belanja semasa tempoh perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan. Langkah ini cukup berbesar hati kejayaan kepada kerajaan dan menunjukkan bahawa pihak berkuasa menghormati hak untuk mendapatkan kerja dan gaji yang berpatutan sebagai salah satu hak asasi kemanusiaan biarpun orang tersebut merupakan migran asing yang menjadi mangsa di bawah sindiket perdagangan dan penyeludupan manusia.

Saya yakin pindaan tersebut boleh memperjelaskan lagi tahap kehidupan mangsa semasa berada dalam tempoh perintah perlindungan dalam negara. Pada masa yang sama boleh menyumbang tenaga buruh mereka kepada sektor-sektor pekerjaan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti rang undang-undang akta ini saya bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan dan yakin bahawa ia adalah wajar dan mampu mengatasi masalah pemerdagangan dan penyeludupan migran di Malaysia. Langkah yang ternyata dalam akta ini telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pelbagai aspek perundangan sosial dan keselamatan. Dengan itu saya bersetuju dengan pindaan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2015. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

### 12.26 tgh

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana keizinan yang diberikan untuk saya berbahas. Perbahasan saya ini terbahagi kepada dua. Pertama saya akan memberikan pandangan umum tentang hal-hal yang berkaitan dengan akta ini. Dalam bahagian kedua, saya akan lebih khusus membincangkan dan juga menimbulkan soalan-soalan yang berkaitan dengan fasal-fasal yang hendak dipinda. Baik, saya mulakan dengan bahagian pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terlebih dahulu, saya sebenarnya kurang senang dengan penggunaan *phrase* Antipemerdagangan Orang. Saya ingin mencadangkan supaya ia digantikan dengan Antipemerdagangan Manusia. Perkara ini kelihatan kecil, tetapi sebenarnya sangat bererti. Pertama ialah orang itu nampak dan dengar lebih kasar daripada manusia dan satu lagi yang keduanya ialah mereka yang diperdagangkan ini atau mereka yang menyeludup bahkan sebagai migran manusia. Seharusnya mereka dilayani sebagai manusia juga.

Saya rasa lebih sedap didengar kalau orang itu digantikan dengan manusia. Kita lihat daripada tajuk akta ini bahawa ia merujuk kepada dua perkara iaitu pemerdagangan dan penyeludupan. Pemerdagangan lebih menekankan perolehan dan pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan secara paksa dan melibatkan jenis-jenis ketidakadilan atau eksploitasi seperti seks, pekerjaan dan lain-lain. Ia berkaitan terutama dengan orang-orang asing biasanya.

Akan tetapi seperti yang telah dijelaskan oleh sahabat saya terlebih dahulu Yang Berhormat Dr. Ariffin, ia juga melibatkan orang-orang tempatan yang dipemerdagangkan bukan sahaja di luar negara bahkan juga kadang-kadang di dalam negara. Mengenai penyeludupan pula migran lebih merujuk kepada soal-soal yang berkaitan dengan mengatur, memudahkan dan merancang kemasukan individu atau kumpulan dari negara sama ada atas usaha sendiri ataupun dengan anjuran sindiket-sindiket tertentu. Migran ini kebanyakannya akhirnya ada yang membuat pelbagai jenis pekerjaan dan sering dalam pekerjaan yang dilakukan mereka ditipu, dieksploitasi dan kadang-kadang diperhambakan sebagai pekerja seks, pekerja ladang atau sebagainya.

■1230

Ini dilakukan kerana biasanya pasport mereka digantung oleh majikan atau sindiket haram dan oleh sebab itu, tidak boleh berbuat apa-apa. Ini menjadi masalah dalam hal ini kerana ia mengakibatkan ada kalanya pekerja-pekerja ini tidak dibayar ataupun dibayar sebahagian sahaja.

Sebenarnya saya melihat ada kaitan simbiotik antara kedua-dua aspek ini iaitu aspek pemerdagangan dengan penyeludupan. Kedua-dua ini tidak berasingan bahkan boleh melibatkan orang atau kumpulan yang sama. Migran yang diseludupkan boleh ditipu, dieksploitasi dan diperhambakan juga. Oleh itu, segala tindakan anti untuk menangani atau menentang dan mengatasi masalah-masalah berhubung mereka adalah berkaitan dan perlu diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya rang undang-undang ini dipinda sebagai respons yang agak terbuka kepada beberapa tekanan dari luar negara dalam pelbagai bentuk. Tidak berapa lama lalu, Majlis Hak Asasi Manusia PBB dalam laporan berkalanya, dan ini telah disebutkan oleh Menteri dalam ucapannya, mengkritik kedudukan hak asasi manusia di Malaysia termasuk mengenai golongan manusia yang diperdagangkan. Ia telah mengemukakan beberapa cadangan. Salah satu cadangan yang diambil oleh kerajaan ialah untuk menerima kedatangan seorang pelapor khas atau *rappporteur* PBB untuk melihat dan membincangkan soal-soal berhubung anti pemerdagangan di sini.

Lanjutan daripada ini, pelapor khas PBB bagi pemerdagangan manusia terutama untuk kanak-kanak dan wanita, Maria Grazia Giammarinaro mengunjungi negara ini. Saya percaya beliau telah menemui beberapa pihak termasuk kementerian yang berkaitan dalam kerajaan. Sempena lawatan beliau ini, Menteri Dalam Negeri telah berjanji untuk mengemukakan pindaan kepada akta ini. Rang undang-undang yang dipinda ini, yang dibentangkan sekarang, saya percaya hasilnya. Saya gembira dan ucapkan tahniah atas sikap terbuka ini tetapi saya berharap juga sifat keterbukaan ini akan ditunjukkan juga dan dilanjutkan juga terhadap akta-akta lain terutama akta seperti Akta Hasutan.

Saya berpendapat tidak mencukupi hanya dengan meminda akta. Yang penting dan lebih mencabar ialah penguatkuasaan dan pelaksanaannya dengan berkesan. Seperti yang dah banyak kali disebut di sini, sebuah laporan pemerdagangan manusia pada tahun 2014 oleh Amerika Syarikat menunjukkan bahawa kita telah turun atau diturunkan daripada *tier* dua kepada *tier* ketiga dalam *watch list*, dengan izin. Tiada jaminan bahawa dengan meminda akta ini maka kita akan naik balik daripada tier 3 ke tier 2. Akan tetapi saya yakin, jikalau pelaksanaan dan penguatkuasaannya adalah berkesan dan bersih pula daripada rasuah, maka tentulah kita boleh naik kepada tingkat dua dan seterusnya ke tingkat satu. Jadi apa yang saya hendak katakan tadi ialah tentang penguatkuasaan dan pelaksanaan.

Sebenarnya masalah pemerdagangan manusia ini telah ditimbulkan lebih awal lagi. Pada tahun 2010, *Amnesty International* menerbitkan sebuah laporan bertajuk "*Trapped: The Exploitation of Migrant Workers in Malaysia*" dengan izin. Jika tidak silap saya, petikan daripada laporan ini telah disiarkan oleh BBC. Laporan ini mendakwa antara tahun 2006 hingga 2009, terdapat sesetengah penguat kuasa imigresen terlibat dengan pemerdagangan. Ini satu tuduhan yang serius tetapi berdasarkan penyelidikan mereka. Pegawai-pegawai imigresen ini dituduh menghantar tahanan imigresen kepada pemerdagangan manusia di sempadan Thailand. *Amnesty International* telah mengemukakan 12 buah kes yang dikenal pastinya. Saya tidak tahu sama ada pihak kerajaan telah menjawab dan menyasat atau tidak hal itu pada ketika itu.

Pada tahun 2014 pula, Al-Jazeera melaporkan dan memaparkan keadaan pelarian yang dizalimi dan dieksploitasi dalam penjara serta kegiatan rasuah kakitangan UNHCR. Ramai pelarian yang dirantai atau digari dan tidak diberi makanan yang cukup. Wanita serta kanak-kanak ada yang ditahan bercampur dengan lelaki dewasa. Banyak bukti sesetengah mereka ditampar, ditendang dan dipaksa berbogel. Pihak berkuasa Malaysia mengakui ada kes-kes penderaan ini di pusat-pusat tahanan. Akan tetapi, berkata keadaan di sini lebih baik daripada negara-negara luar.

Saya percaya pindaan rang undang-undang ini pasti akan diluluskan dalam Dewan ini. Akan tetapi, ini masih belum cukup lagi. Malaysia belum menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Boleh difahami tentang Konvensyen 1951 kerana perkara ini lebih berhubung dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Eropah sekitar tahun itu. Akan tetapi susah sedikit untuk difahamkan tentang Protokol 1967 yang juga dikenali sebagai Protokol New York kerana ia ditandatangani di sana. Protokol New York ini tidak terbatas hanya kepada benua, bahkan ia adalah untuk semua negara dan

melibatkan pelbagai keadaan. Oleh sebab itu, selepas kelulusan rang undang-undang ini, saya berharap akan dipertimbangkan untuk kita menandatangani konvensyen dan juga protokol tersebut.

Sehingga akhir-akhir ini, banyak kes pelarian yang cuba menyeludup masuk ke dalam negara ini dengan jalan darat atau laut. Berita sedih tentang pelarian Rohingya dan lain-lain yang dibunuh beramai-ramai di sempadan Thailand dan ratusan yang cuba masuk dengan bot tetapi tidak dibenarkan bahkan dihalau ke tengah laut sangat-sangat menyedihkan dan tidak berperikemanusiaan. Akhirnya, sebahagian daripada mereka diterima di Aceh. Mungkin kerana masyarakat di Aceh telah mengetahui apa ertinya penderitaan selepas mengalami tsunami walaupun kita tahu keadaan di Aceh itu tidaklah begitu baik sangat kalau dibandingkan dengan keadaan negara-negara lain.

Secara agak kecilan, terdapat banyak percubaan untuk menyeludup masuk dari Indonesia khususnya, sampai sekarang. Antara insiden terkini ialah, pertama, pada 18 Jun 2014 di Sungai Air Hitam, *Carey Island*, bot karam dengan 97 orang pendatang tetapi 62 orang berjaya diselamatkan; dan kedua, pada 19 Jun 2014 di perairan Sepang, 18 orang rakyat Indonesia berjaya diselamatkan apabila bot mereka terbalik di Beacon Air Gila.

#### ■1240

Banyak lagi contoh-contoh sebelum ini. Akan tetapi tidak perlulah saya senaraikan. Tuan Yang di-Pertua, selain itu sekarang ini terdapat *system outsourcing* pekerja dengan izin. Mengikut sistem ini sebuah syarikat atau pun majikan tidak mengambil pekerja untuk bekerja terus di bawahnya. Akan tetapi menyerahkan kepada individu atau golongan atau syarikat lain untuk mencarikan kerja yang diperlukan oleh syarikat dan majikan tersebut. Individu dan golongan yang mendapatkan pekerja itu bertanggungjawab ke atas soal gaji dan kebajikan pekerja itu.

Syarikat dan majikan di mana pekerja itu bekerja lepas tangan sama sekali. Jadi pekerja tersebut tidak boleh mengadu atau bertindak terhadap syarikat atau majikan jikalau mereka tidak puas hati dengan layanan yang diterima. Pekerja tempatan atau migran yang diambil bekerja mengikut *system outsourcing* ini mudah sahaja ditekan dan dieksploitasi tanpa pembelaan. Ini boleh mengakibatkan sejenis amalan pemerdagangan walaupun mungkin tidak begitu teruk.

Tuan Yang di-Pertua, soal pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran berkait rapat dengan keselamatan negara dan juga pengurusan buruh serta kebajikan wanita dan kanak-kanak terutamanya. Sehingga kini kerajaan mempunyai undang-undang dan peraturan yang ketat untuk mengawal kemasukan secara haram dan juga menahan mereka yang berjaya menyeludup masuk. Namun demikian mereka masih bolos juga. Penguatkuasaan walau bagaimana ketat pun boleh dilemahkan sekiranya berlaku amalan korupsi terutamanya.

Akta Antipemerdagangan Manusia dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 ini di atas kertas kita lihat memang agak cantik dan berperikemanusiaan. Akan tetapi seperti yang telah saya sebutkan tadi keberkesanan pelaksanaan dan penguatkuasaannya perlulah dipastikan dengan tata kelola yang baik tanpa berlakunya atau sekurang-kurangnya dikawal ketat korupsi dan kezaliman.



Tuan Yang di-Pertua izinkan saya sekarang untuk pergi ke bahagian dua iaitu membicarakan secara khusus fasal yang dipinda. Ada 10 fasal yang saya akan ringkaskan. Pertama pindaan seksyen dua mengenai tempat perlindungan. Di sini saya ingin merujuk kepada Laporan Al-Jazeera seperti yang telah saya jelaskan awal tadi tentang keadaan buruk di tempat tahanan. Saya harap keadaan tempat perlindungan yang baru ditambah baik dan tidak akan berlaku lagi jenis-jenis penderaan dan kezaliman seperti yang diterangkan dan dipaparkan oleh Al-Jazeera pada tahun 2014 itu.

Kedua pindaan enam, lima perenggan baru 'L' dimasukkan. Dua di antaranya mengenai penyertaan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita atau wakilnya dan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat atau wakilnya. Saya harap dengan adanya penyertaan kedua-kedua pegawai ini maka orang perempuan dan kanak-kanak yang dilindungi akan mendapat jaminan yang lebih baik daripada masa lalu.

Ketiga, bahagian baru IA yang merujuk kepada penubuhan sebuah jawatankuasa tertinggi. Pada 5A2 dinyatakan bahawa jawatankuasa peringkat tertinggi hendaklah dipengerusikan oleh Menteri. Saya mengalu-alukan ini kerana masalah pemerdagangan dan penyeludupan adalah sangat serius dan memang kenalah pada tempatnya ia dipengerusikan oleh seorang Menteri. Akan tetapi saya tidak melihatnya di sini perincian tentang siapa lagikah anggota jawatankuasa ini?.

Keempat pindaan seksyen tujuh. Seksyen 7(1) Akta Ibu dipinda dengan memasukkan JA selepas perenggan 'J' iaitu mengenai pembayaran wang elaun sebagai mana ditentukan oleh majlis. Sehubungan ini saya ingin membuat tiga soalan. Satu adakah elaun dibayar kepada setiap seorang dan jikalau orang itu mempunyai keluarga, adakah dia dibayar hanya kepada ketua keluarga? Kedua, adakah sudah dijangkakan berapa jumlah minimum bagi tiap-tiap elaun ini sekurang-kurangnya. Ketiga berapa lama kah dianggarkan elaun ini akan dibayar kepada seseorang? Ia ada tempoh waktunya.

Kelima pindaan seksyen 43(IA) ini menyatakan Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai pegawai pelindung. Adakah jawatan ini terbuka kepada sesiapa sahaja termasuk orang yang terlibat dalam politik atau pun tokoh-tokoh politik atau tidakkah lebih baik sekiranya pegawai ini diangkat daripada kakitangan pegawai perkhidmatan awam? Terutama yang ada kaitan dengan keselamatan.

Keenam, seksyen baru 51A dimasukkan yang memberi orang yang diperdagangkan untuk bergerak bebas dan untuk bekerja. Dengan syarat tertakluk di bawah seksyen 66. Ini pindaan yang *radical* dan bersesuaian dengan amalan serta tuntutan antarabangsa. Saya memandangi ini sebagai pindaan yang memperlihatkan sifat terbuka serta berperikemanusiaan seperti yang disebutkan di atas tadi. Sehubungan dengan ini sepatutnya juga dibuka peluang untuk kanak-kanak mendapat pendidikan di sekolah. Saya tertanya-tanya kenapakah soal pendidikan kanak-kanak ini tidak disebutkan di sini?.

Ketujuh pindaan seksyen 54 dengan memasukkan perenggan baru dengan mengganti perenggan lama 54(1)(b). Bagi saya, perenggan ini kurang jelas. Apakah maksud sebenarnya? Siapakah, dan kenapakah seseorang yang mempunyai dokumen sah hendak diserahkan kepada imigresen untuk dihantar balik ke negeri asal? Adakah wujud peraturan bahawa kebenaran untuk tinggal

di sini terbatas sehingga mereka balik atau sehingga mereka pindah ke negara ketiga. Kalau dibataskan, berapa tahun? Tujuh tahun kah? Tiga tahun kah? Atau tiga bulan kah?.

Bagaimana pula nasib mereka yang tidak memiliki dokumen yang sah. Kalau mengikut peraturan akta ini akan diberikan perlindungan juga pada mulanya tetapi selepas itu kita tidak tahu bagaimana nasibnya.

Kelapan, seksyen baru 65A Akta Ibu dipinda dengan memasukkan 65A bertajuk 'Perkhidmatan Awam Di Bawah seksyen 65'. Seksyen baru ini berhubungan dengan pindaan seksyen 43 tentang pegawai pelindung. Di bawah seksyen baru ini pegawai pelindung semasa berkhidmat akan disifatkan sebagai pekhidmat awam.

Saya ingin tahu, apakah gred yang akan ditentukan bagi pegawai ini sebab dia datang dari luar. Adakah tetap gred ini untuk sesiapa sahaja atau pun adakah ia akan berubah dari semasa ke semasa mengikut kelayakan seseorang yang diangkat pada suatu ketika.

Kesembilan Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66, atau seksyen baru tentang pembayaran pampasan.

#### ■1250

Pindaan 66A menunjukkan bahawa mahkamah boleh memutuskan supaya seseorang yang diperdagangkan dibayar pampasan. Adakah ini akan berlaku hanya apabila mereka mengambil kes mahkamah? Bagaimanakah bantuan atau kemudahan yang akan diberi bagi proses mahkamah ini? Ini kerana kita tahu sudah tentu mereka mungkin tak tahu dengan sistem di sini, tak ada wang hendak ambil *lawyer* dan sebagainya. Bagaimanakah bantuan atau kemudahan yang akan diberi bagi proses di mahkamah ini? Tanggungan siapakah untuk membayar pampasan? Bagaimanakah hendak dikuatkuasakan pampasan itu sekiranya mereka, khususnya sindiket haram yang menjalankan pemerdagangan itu tidak dapat dikenal pasti atau tidak boleh dihubungi? Di sini kita melihat satu masalah pelaksanaan.

Kesepuluh, ialah satu seksyen baru mengenai bayaran gaji tertunggak. Saya percaya ini patutnya seksyen 66B. Akan tetapi, 66B ini tidak disebut dalam akta ini. Apa yang disebut ialah 69B. Adakah ini satu kesilapan? Saya harap dapat disemak. Saya rasa seksyen ini kena pada tempatnya. Kita selalu mendengar cerita tentang pekerja imigran, khususnya yang tidak dibayar gaji berbulan-bulan atau dibayar hanya sebahagian daripadanya oleh majikan. Ini sering berlaku kepada pekerja ladang, bahkan juga kepada pekerja rumah, pembantu rumah. Mereka tidak boleh keluar untuk mengadu atau melaporkan ataupun untuk lari ke tempat lain kerana selalunya pasport mereka dirampas dan disimpan oleh majikan. Saya lihat proses melaksanakan seksyen ini lebih jelas serta tersusun dengan melibatkan permohonan pendakwa raya, *inquiry* oleh mahkamah dan pembayaran gaji tertunggak mengikut tatacara jenayah. Ia lebih tersusun daripada misalnya, seksyen 66A yang berkaitan dengan pampasan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan rang undang-undang ini. Akan tetapi, saya hendak tegaskan sekali lagi apa yang telah saya sebutkan daripada awal. Saya harapkan sangat-sangat, akta ini tidak akan ditinggalkan cantik di atas kertas sahaja. Saya ulangi, yang penting sekali ialah akta ini

hendaklah dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan berkesan dan segala jenis penyelewengan berkaitan dengannya, terutama korupsi diperangi sehingga hapus. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Dipersilakan Yang Berhormat.

**12.53 tgh.**

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Terlebih dahulu, saya ingin menyokong penuh sebenarnya rang undang-undang ini tetapi ada tiga perkara, tiga aspek yang saya rasa perlu dilihat sebelum kita meluluskan rang undang-undang ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh isu pencerobohan di sempadan-sempadan. Mengah juga lari [*Ketawa*] Okey, sebagaimana yang kita sering dengar sekarang ini, semakin hari semakin banyak kes pencerobohan di sempadan- sempadan. Ia bukan semakin berkurangan, malahan semakin banyak. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kaedah yang kita guna ini tidak berkesan ataupun adakah kelemahan daripada segi penguatkuasaan kita di sempadan-sempadan?

Kalau kita lihat dengan teknologi terkini yang ada di negara-negara luar dan juga yang ada di negara Malaysia sekarang ini, ia terdapat banyak *gadget-gadget* yang boleh kita gunakan bagi mengesan sekiranya terdapat pencerobohan di sempadan-sempadan. Jadi soalan saya kepada kementerian, apakah teknologi terkini yang diguna pakai untuk kita mengawal agar pencerobohan di sempadan-sempadan ini dapat diminimumkan?

Kalau kita lihat pada zaman 1960-an dan 1970-an dahulu, kita mempunyai satu unit risikan yang begitu mantap dan kalau tak silap saya, di peringkat dunia kita antara yang kedua terbaik. Jadi pertanyaan saya kepada pihak kementerian, adakah unit risikan ini masih wujud? Sekiranya wujud, adakah ia dimantapkan supaya waktu zaman komunis dahulu, unit ini adalah antara unit yang sangat berkesan untuk mengesan dan menyelesaikan masalah tersebut. Jadi, adakah kita boleh mengguna pakai konsep yang diguna pada zaman 1960-an dan 1970-an itu untuk dipraktikkan semula bagi menyelesaikan masalah pencerobohan di sempadan-sempadan ini yang saya rasa amat berleluasa.

Keduanya, saya ingin bertanya mengenai isu Rohingya yang baru-baru ini kita banyak mempersoalkan dan saya rasa kebanyakan Senator bercakap mengenai isu Rohingya yang masuk ke dalam negara kita dan isu kubur besar dan semua inilah. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dengan adanya isu ini, adakah ia menyebabkan ranking kita dalam jadual Laporan Senarai Pemerhatian Pernerdagangan ini telah jatuh dan ia memberi kesan kepada ranking tersebut? Apakah penyelesaian jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk isu pelarian Rohingya ini?

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, statistik pelarian yang berdaftar dengan United Nations hingga 31 Mei 2015 adalah seramai 153,004 orang. Daripada jumlah pelarian tersebut, antara yang tertinggi adalah daripada kalangan Rohingya iaitu 32,000 orang. Jadi soalan saya kepada

kementerian, apakah penyelesaian dengan UNHCR bagi membendung kad pelarian sama ada wujud atau tidak pemberian oleh sindiket-sindiket mengenai kad palsu daripada UNHCR ini?

Saya rasa, lagi satu apabila kita mempunyai ramai pelarian masuk ke negara kita, ia menjadi satu kos bebanan kepada negara. Sebabnya kita terpaksa menyediakan makan minum kepada mereka, kita terpaksa menyediakan tempat tinggal kepada mereka. Jadi saya rasa, ia memberi satu kos kepada kerajaan yang mana terpaksa kita tanggung dalam jangka masa yang agak panjang. Jadi persoalan saya kepada kementerian, berapakah jumlah kos yang telah kita belanjakan untuk menanggung kos pelarian tersebut?

Kalau kita lihat sebagaimana kenyataan Menteri, bahawa baru-baru yang mengatakan akan menggalakkan 1.5 juta orang Bangladesh untuk masuk ke Malaysia. Jadi saya ingin bertanya, kalau sekarang ini kita mempunyai jumlah pelarian Rohingya yang agak ramai di negara kita dan kita kena tanggung kos-kos mereka ini dan kita hendak bawa masuk lagi 1.5 juta orang Bangladesh, tidakkah wajar sekiranya kita guna yang sedia ada Rohingya ini, yang berada di negara kita untuk diberi tugas tersebut daripada kita hendak bawa masuk lagi dari luar dengan begitu ramai.

Jadi saya rasa kaedah ini pada masa yang sama akan mengurangkan bebanan kerajaan daripada hendak kena menanggung makan minum dan tempat tinggal mereka ini, mereka ini kita serap untuk diberi kerja-kerja di *plantation* dan sebagainya. Tidak perlu lagi kita hendak bawa masuk Bangladesh yang begitu ramai. Jadi kita tidak mahu negara kita dikatakan seperti mesra PATI dan menjadi satu buah tempat yang begitu mudah orang hendak masuk. Memanglah negara Malaysia ini dengan keadaan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi, sebuah negara yang begitu senang untuk mendapatkan pekerjaan dan kehidupan yang agak aman. Jadi kita tidak mahu mereka ini menyalahgunakan masuk negara kita dan menyebabkan satu masalah pula kepada kerajaan kita.

Seterusnya saya ingin bertanya, sejauh manakah hasil daripada Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang yang menetapkan hala tuju dan fokus dalam usaha mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan orang?

Isu ketiga Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan isu daripada segi imigresen sedikit, iaitu saya ingin mengambil contoh, terdapat isu kes suri rumah. Saya rasa semua Yang Berhormat Senator ada pembantu rumah di rumah. Jadi terdapat seorang kawan saya ini, dia mengambil seorang *maid*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Jadi, mungkin Yang Berhormat boleh sambung balik sebelah petang nanti Yang Berhormat.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan kita hingga jam 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Kita sambung semula perbahasan kita. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Norliza menyambung.

**2.32 ptg.**

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung semula perbahasan saya, cuma tinggal satu *point* saya yang terakhir sahaja. Apa yang ingin saya sentuh mengenai isu penguatkuasaan yang saya rasa harus ditingkatkan di jabatan-jabatan. Ini adalah daripada segi pengalaman yang mana saya menceritakan tadi ada satu contoh seorang pendatang asing dari Indonesia yang masuk ke Malaysia dan seterusnya ke Pulau Pinang dan bekerja di salah sebuah rumah di Pulau Pinang. Jadi, apabila dia masuk, dia bekerja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada bangun seorang ini.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mahu mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat?

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada sahabat saya, saya juga musykil tentang soal aset-aset di perairan ataupun di kawasan-kawasan air maksudnya sungai, sebab di Malaysia dikelilingi oleh laut dan juga sungai. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah keperluan kita untuk *deploy*, dengan izin, segala aset untuk sebagai pencegahan di atas pemerdagangan manusia, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang itu tidak termasuk dalam *point* saya, tetapi saya rasa tidak apalah, mungkin pihak kementerian boleh menjawab daripada segi aspek yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta penjelasan apa yang dia cakap itu lain kali ya, apa yang dicakapkan itu. Jangan tanya perkara yang lain daripada itu, Yang Berhormat boleh tanya dalam bentuk lain. Adakah bersetuju atau sekiranya, macam itu ya. Okey seterusnya Yang Berhormat.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai yang saya ingin ceritakan tadi, apabila dia bekerja di rumah seorang tuan rumah ini, jadi tuan rumah ini cuba untuk mendapatkan permit pekerjaan secara sah tetapi apa yang disebutkan oleh warga Indonesia ini, dia kata, *"Tidak perlu, saya sudah ada orang di Imigresen. Jadi apabila saya hendak keluar, saya hanya membayar RM100 sahaja, saya boleh keluar. Jadi kemudian apabila saya hendak masuk saya akan masuk lagi dan membayar hanya RM100"*.

Jadi, dia telah mempunyai ejen-ejen orang dia dalam jabatan yang mana membantu dia senang untuk masuk dan keluar tanpa dia memohon permit bekerja di Malaysia. Jadi, saya rasa keadaan ini bagi saya amat berbahaya kalau kita tidak mengenal pasti di peringkat awal. Jadi, kita menggalakkan pendatang asing masuk ke negara kita tanpa kawalan dan tanpa dapat kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah penguatkuasaan dijalankan? Dan berapa kerapkah kita membuat pemeriksaan di kawasan-kawasan perumahan untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja yang bekerja di negara kita ini mempunyai permit kerja yang sah? Sebab kalau kita lihat sekarang banyak kejadian sosial yang berlaku dan melibatkan warga asing disebabkan terlalu ramai bilangan mereka di negara kita dan saya rasa sesetengahnya kita tidak mempunyai jumlah yang sebetulnya yang berada di negara kita. So, saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua antara *point-point* yang ingin saya utarakan dalam rang undang-undang ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam,* terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Johari tidak ada, Tan Sri Ibrahim Shah ada? Tidak ada. Datuk Megat Zulkarnain? Boleh Datuk Megat?... *[Disampuk]* Oh, cepat sedikit Yang Berhormat, sudah panggil tadi. So, Silakan Yang Berhormat Dato' Johari, boleh?

### 2.36 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf lambat sedikit. Kerana telah memberi peluang dan juga keizinan untuk saya mengambil serta dalam perbincangan dan perbahasan rang undang-undang berhubung dengan pemerdagangan manusia. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat rang undang-undang ini telah diambil bahagian oleh ramai orang setelah pembentangnya, perbincangannya setelah pembentangan telah dibuat oleh Menteri Dalam Negeri.

Kita melihat bahawa rang undang-undang ini telah pun diluluskan pada tahun 2007 dahulu dan telah berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Kemudiannya telah dipinda pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan pada 15 November 2010 dan kini pada tahun ini, kali ini juga rang undang-undang ini dipinda sekali lagi dengan penambahbaikan apa yang perlu ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini merupakan perkara yang sedang diperkatakan. Saya melihat pemerdagangan manusia ini merupakan suatu perkara yang serius berlaku dalam masyarakat kita dan ia juga merupakan- menjatuhkan maruah manusia. Kalau kita katakan pemerdagangan manusia juga termasuk memperhambakan manusia dan ini telah dijadikan insan yang telah dilahirkan oleh Allah sebagai insan yang merdeka, bebas dan mempunyai hak dan kewajipan, tetapi dinafikan kewajipan mereka. Inilah yang bertentangan dengan norma dan moral dan juga hak-hak manusia khususnya Islam melihat perkara ini sebagai suatu perbuatan yang sangat kejam yang tidak boleh dimaafkan.

Saya tertarik akan perkara ini dalam sebut perhambaan kerana dalam perbincangan berhubung dengan permerdagangan manusia ini termasuk juga memperhambakan manusia dalam definisinya. Islam melihat memperhambakan manusia ini satu jenayah besar yang perlu diatasi dan sehingga diberikan galakan-galakan kepada tuan pemilik pada waktu dahulu supaya mereka memerdekakan hamba dan jangan ada lagi memperdagangkan manusia. Ini kerana kita tahu sebelum zaman pralislam atau zaman jahiliah dan ia menganjak pada zaman kini, permerdagangan manusia masih berterusan walaupun pelbagai usaha telah dilakukan.

#### ■1440

Islam mengangkat kedudukan manusia ini jangan diperhambakan sehingga pada suatu ketika berlaku satu peristiwa di mana anak Amr ibni Al-'As yang menjadi Gabenor di Mesir pada ketika itu telah memukul seorang kipti. Orang kipti ini pada musim haji yang berikutnya datang berjumpa dengan Saidina Umar Al-Khattab r.a untuk mengadu perbuatan memukul bukan untuk memperhamba, memukul sahaja.

Saidina Umar memerintahkan supaya anak gabenornya Amr ibni Al-'As itu dibawa ke muka pengadilan dan dibawa ke hadapannya. Lalu ditanya kenapa kamu memukul orang dengan tidak bersebab? Adakah kamu ingin memperhambakan orang, sedangkan dia lahirkan sebagai orang yang merdeka? Lalu Saidina Umar bin Al-Khattab r.a memerintahkan kepada yang dipukul tadi supaya memukul balik orang yang memukulnya.

Ini menunjukkan bahawa Islam begitu menitik berat tentang pemerhambaan orang dan tidak boleh sama sekali kita menghina orang apa lagi memperhambakan. Jadi dalam konteks ini kita lihat orang yang diperdagangkan ini kadangkala dijadikan hamba. Kadang-kadang dijadikan sebagai orang yang berhutang yang tidak dapat menebus kecuali dengan bekerja dan kerja pula dipaksa dan tidak dibayar upah, begitulah juga menjadi hamba seks dan berbagai-bagai lagi.

Hatta kanak-kanak dijadikan untuk meminta sedekah dan juga aktiviti-aktiviti yang tidak boleh diterima oleh manusia yang waras. Jadi orang yang melakukan perbuatan ini merupakan orang yang sangat zalim pada kaca mata Islam dan begitu juga manusia seluruhnya. Kalau sekiranya kita tidak sanggup diperdagangkan oleh orang lain maka begitu juga orang lain tidak sanggup diperdagangkan tetapi oleh sebab dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan maka sebahagian orang menjadi mangsa kepada keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Allah SWT menyebut di dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Sesungguhnya kami telah memuliakan anak Adam tanpa mengira agama, status dan kedudukan semuanya adalah mulia. Kemuliaan ini adalah sangat bertentangan dengan permerdagangan orang dan penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada pindaan seksyen 6. Walaupun telah ramai sahabat-sahabat, Ahli Senator telah memberi pandangan tetapi saya juga ingin memberi menyentuh tentang seksyen 6 ini. Dalam seksyen ini kita tengok (b) perenggan (c) dengan memotong perenggan (c) dengan memasukkan selepas perenggan satu ini (l). Perenggan yang berikut (la),(lb),(lc),(ld),(le). Saya melihat perenggan ini kalau boleh ditambah pada pandangan saya setelah ditambah Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Wanita atau wakilnya Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat atau wakilnya sampailah yang terakhir (le), Pengarah Tenaga Kerja Jabatan Tenaga Kerja Sarawak atau wakilnya.

Kalau boleh saya rasalah Ketua Pengarah JAKIM atau wakilnya. Ini kerana bagi saya ini kalau kita hendak tengok hendak boleh diselaraskan dengan Malaysia telah meletak satu gagasan untuk melaksanakan *maqasid al-syariah*. Kalau sekiranya diletakkan yang di akhir ini Ketua Pengarah JAKIM atau Pengarah dan sebagainya atau wakilnya, maka saya rasa apa-apa yang berkaitan dengan urusan agama yang berkaitan dengannya boleh dilihat oleh pihak tadi. Ini cadangan saya supaya apa yang telah disebutkan oleh sebelum ini dengan gagasan *maqasid al-syariah*. Di mana kita hendak letak *maqasid al-syariah* itu, kalau sekiranya dalam undang-undang seperti ini kita tidak masukkan. So, kalau kita masukkan dalam undang-undang seperti ini maka kita dapat melihat pelaksanaan perincian *maqasid al-syariah* itu dapat berjalan di dalam negara, khasnya di dalam undang-undang ini.

Begitulah juga dengan (c) dan (m), seorang wakil kerajaan yang berikut. Kementerian bertanggungjawab bagi keselamatan kementerian dan sebagainya. Bagi saya juga, apa yang berkaitan dengan agama perlu dimasukkan di situ supaya dia dapat membantu di dalam membentuk suasana yang berkaitan dengan pengurusan-pengurusan orang-orang yang dieksploitasi tadi.

Perkara yang ketujuh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit berhubung dengan (ja) iaitu pembayaran apa-apa elaun, (b) (ja) pembayaran apa-apa elaun tertakluk kepada ketersediaan wang kepada orang yang diperdagangkan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis. Saya ingin tahu wang ini dari mana? Adakah pihak yang memperdagangkan mereka kalau dapat di kesan mereka akan dipaksa dan diperintah oleh mahkamah supaya membayar dan adakah dia sekiranya orang yang terbabit tidak dapat di kesan bagaimana keadaan mereka? Di sini sedikit persoalan yang saya rasa saya ingin tahu supaya kita dapat pihak Menteri dapat memberi penjelasan.

Kemudian seksyen baru 51A, kebenaran bagi orang yang diperdagangkan untuk bergerak bebas dan untuk bekerja yang tertakluk peraturan kepada seksyen 66. Saya ingin tahu dalam perkara (2) itu, setakat ini dianggarkan berapa ramai yang telah diberi peluang untuk mereka melakukan kerja? Kita sebenarnya sudah ada orang-orang yang telah diperdagangkan ini, sudah ada di dalam negara kita dan sejauh mana kita telah memberi peluang kepada mereka untuk mendapat pekerjaan dan seterusnya mereka akan berada di dalam negara kita ini dalam tempoh berapa lama? Ini kerana kita tidak mahu mereka terus berkekalan di sini. Jadi kalau sekiranya mereka akan diberi tempoh tertentu walaupun diberi pekerjaan maka mereka juga akan menyedari bahawa mereka sudah didagangkan dan mereka akan dihantar pulang atau sebagainya dan mereka tidak perlu terus tinggal kekal di dalam negara kita. Bagi saya seksyen baru 66A dan 66B ini perintah pembayaran pampasan kepada orang yang diperdagangkan.

Kalau sekiranya hukuman yang sedia ada tidak mencukupi maka saya rasa perlu diberi satu hukuman yang berat kepada orang yang memperdagangkan manusia. Ini kerana dia telah melakukan satu jenayah yang besar yang meruntuhkan manusia sendiri. Maka bagi saya kalau sekiranya maksud



pembayaran pampasan seksyen 432 itu tidak mengikut Kanun Tatacara Jenayah tidak memadai maka satu hukuman lain yang perlu dilihat dan digubal supaya orang-orang yang ada niat untuk melakukan jenayah yang serupa pada masa depan akan takut. Bagi saya salah satu fungsi undang-undang ini ialah supaya manusia atau orang yang ada niat hendak melakukan perbuatan jenayah itu akan takut. Jadi perlu ada satu undang-undang tegas yang menggerunkan supaya hal-hal seperti ini tidak terjadi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan ini bukan sahaja kita lihat muncul tiba-tiba hendak dipinda ini mungkin bukan kerana penemuan kubur besar. Bukan setakat itu sahaja, tetapi dia telah berlarutan di dalam negara dan juga seluruh negara berlaku. Kita melihat perdagangan ini juga dari luar ke dalam negara kita dan dari negara kita ke luar negara. Ada berlaku, mungkin pihak yang berkenaan tahu angkanya dan begitulah juga yang berlaku dalam negara kita sendiri seperti kita lihat ada orang yang memperdagangkan wanita-wanita dengan tujuan yang tidak baik. Begitulah juga orang-orang yang memperdagangkan kanak-kanak secara mudah meminta sedekah di jalan raya dan juga orang-orang dewasa. Apa lagi kalau musim akhir Ramadhan.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, kalau di akhir musim Ramadhan ini satu fenomena. Saya boleh lihat di merata tempat ramai peminta sedekah sedangkan sebelum ini tidak ada. Kenapakah ini terjadi? Saya dapati mereka diangkut dengan kereta, dengan van dan berbagai-bagai-bagai usaha lain yang kita melihat ini satu fenomena. Hal-hal seperti ini bukan sahaja memalukan negara tetapi juga kadangkadang memperlihatkan kita kepada masyarakat luar, negara kita adalah sangat tidak prihatin kepada golongan yang miskin.

Seperkara lagi saya melihat peminta derma. Saya tidak kata peminta sedekah sebab dia pun tidak kata sedekah, dia kata derma. Terutamanya, orang-orang dari Afghanistan, dia membahaskan begitu. Kita memang tahu suasana negara mereka dalam keadaan tidak stabil. Apabila datang ke negara kita dibawa surat-surat, yang saya pun tengok surat-surat itu ada tetapi sukar dipercayai. Dengan gambar-gambar yang ditunjuk, sukar dipercayai tetapi setengah orang memberi dengan keikhlasannya kerana ada orang meminta. Walau bagaimanapun, ini merupakan juga saya rasa satu fenomena yang secara tidak langsung ada berkaitan dengan pemerdagangan manusia. Oleh sebab mengikut maklumat yang saya tahu, bahawa mereka ini ada satu kumpulan... *[Disampuk]* Sindiket, yang memang mengatur, susun. Orang ini pergi di sini, orang ini ke sana dan petangnya mereka berkumpul atau paginya sebelum mereka beroperasi mereka juga berkumpul. Saya pernah jumpa mereka ini di tempat-tempat yang biasa di Kuala Lumpur ini. Jadi, saya rasa ini juga suatu bentuk perdagangan.

Satu lagi yang kita tengok ialah ada yang mereka mendakwa ma'ahad tahfiz yang biasanya kanak-kanak ini digunakan untuk duduk di bank-bank atau tempat membeli belah. Apabila orang masuk ke bank untuk mengambil duit dan keluar, dia kata pakcik tolong anak yatim, tolong anak yatim. Siapakah anak yatim? Sayalah, tolong maahad tahfiz. Siapakah? Sayalah yang belajar di sana. Jadi, ini juga merupakan satu fenomena yang berlaku dalam masyarakat kita yang saya rasa ada kaitan. Didakwa

bahawa kita kata tokeh-tokeh hidup lumayan, anak-anak yang tidak belajar. Hal ini juga saya rasa boleh memberi impak yang tidak baik kepada masyarakat kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pemerdagangan ini juga baru ini walaupun tidak besar tetapi kes culik yang baru ini berlaku di Kota Bharu, bawa lari budak tiga orang dan budak ini *alhamdulillah* dapat melepaskan diri. Jadi, apabila ditanya kepada kanak-kanak ini dan kanak-kanak ini menceritakan. Maksudnya, mereka dibawa lari, kanak-kanak ini dalam sekitar umur 9, 10 tahun, dia dengar orang bercakap bawa lari untuk dijual. Jadi, walaupun kes ini tidak banyak berlaku tetapi ucapan itu untuk dijual, dijual kepada siapa, tidak tahu. Jadi, ini juga bagi saya pemerdagangan manusia. Jadi, saya tengok akta ini untuk memperkemas kini dan memperkukuhkan lagi supaya kita pihak-pihak berkenaan dapat menguatkuasakan dengan baik. Saya mengharapkan dengan akta ini pihak Kementerian Dalam Negeri mempunyai kuasa lebih dan juga mempunyai kekuatan yang lebih untuk melaksanakan undang-undang ini. Supaya negara kita tidak lagi dijadikan tempat transit ataupun memang tempat dihantar untuk orang-orang yang diperdagangkan. Terima kasih dan saya ucap terima kasih. Saya menyokong akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau diamati pandangannya itu agaknya ada penting, relevan. Saya harap pihak yang berkenaan pun tolong respons kepada apa yang dibangkitkan tadi. Sama-sama kita pertanggungjawabkan. Inilah sumbangan Dewan Negara. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

#### 2.54 ptg.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Rang Undang-undang Antipemerdagangan orang dan Antipenyeludupan Migran telah digubal pada tahun 2007 dan pindaan pertama telah dilakukan pada tahun 2010. Kita yakin sudah tentulah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membentangkan pindaan rang undang-undang 2015 ini bertujuan untuk memperkasakan lagi undang-undang ini. Ia bagi membolehkan kerajaan mengatasi masalah ini dengan lebih cekap bagi memastikan undang-undang dapat dijalankan bagi membuahkan hasil yang lebih baik kepada nama baik negara kita.

Isu pemerdagangan orang sememangnya berkait rapat dengan aspek migrasi. Pemerdagangan orang juga telah berlaku di negara kita sendiri dan merentasi sempadan serta ia melibatkan perbuatan melanggar hak asasi manusia. Akan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini seolah-olah kes ini kian bertambah dari setahun ke setahun. Tidak ada noktah dalam isu ini. Kalau suatu ketika dahulu negara kita telah diberikan penarafan di tahap *tier 2* tetapi kini telah diturunkan ke tahap *tier 3*. Tuan Yang di-Pertua, persoalannya kenapa ia berlaku? Adakah kerana kita tidak mempunyai undang-undang ataupun lemahnya undang itu ataupun berlakunya ketirisan di peringkat penguatkuasaan? Tadi saya telah mendengar banyak hujah-hujah yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Di mana kita

menegaskan kalau kita mempunyai akta yang kuat sekali pun, kita pinda berpuluh-puluh kali pun, sekiranya penguatkuasaan masih lemah, jika amalan-amalan penyelewengan dan korupsi masih berlaku, maka pindaan ini tidak akan membuahkan apa-apa makna.

Saya selalu terbaca Tuan Yang di-Pertua, dalam media sosial. Mereka mengatakan kalau–bahkan, di kebanyakan negara di dunia ini tindakan yang akan diambil kepada mereka yang telah menyeberangi sempadan adalah cukup berat. Ia bahkan di Afghanistan dikatakan mereka yang tertangkap akan ditembak. Di Korea Utara, mereka yang tertangkap akan di jel 12 tahun. Bahkan, di China sekalipun mereka yang tertangkap akan hilang begitu sahaja. Di Saudi Arabia akan disebat dan berbagai lagi. Akan tetapi di Malaysia ini dikatakan kalau mereka yang tertangkap menyeberangi sempadan kita ataupun memasuki negara dengan secara tidak sah, banyak perkara yang mereka akan dapat. Contohnya, mendapat MyKad sementara ataupun mendapat status PR penduduk tetap, dapat lesen memandu, bahkan dapat beli motor, dapat beli kereta, yang dapat kerja, dapat kad kredit. Boleh buka akaun mana-mana bank, penjagaan kesihatan dengan kos minimum, bahkan ada jadi tokeh kedai runcit, ada jadi kontraktor, bahkan jadi bos orang-orang tempatan, boleh beli rumah, boleh beli tanah, bahkan yang paling seronok boleh beli bini iaitu berkahwinlah maksudnya.

Maksudnya, begitu beruntungnya mereka yang telah membuat satu kesilapan yang cukup besar, yang menyalahi undang-undang kita tetapi diberikan satu keistimewaan. Bahkan, saya agak gelak juga melihat sebuah video. Tuan Yang di-Pertua, hamba Allah ini mesti orang Bangla, nama dia Babu. Dia kata, *“Ini Malaysia banyak bagus. Gaji banyak tinggi, Malaysia polis banyak baik.”* Ini dia hendak cerita fasal polis. Dia kata, *“Malaysia polis banyak baik, pasport tidak ada, boleh lepas. Betul punya pasport cakap, dia kata tipu. Tipu punya pasport cakap dia kata betul.”* [Ketawa] Saya- dalam video ini, seronok juga kalau tengok video ini.

#### ■1500

*“Duit kopi kasi, boleh lepas. Motor lesen tidak ada, kasi kopi boleh lepas. Polis banyak baik, 1Malaysia juga.”* Itu dia punya *conclusion*lah. Maksudnya, seolah-olah undang-undang kita dipermainkan ya. Mereka telah mendapati banyak faedah dan pelanggaran undang-undang kita tetapi mereka mendapat nikmat dan mereka mempermainkan undang-undang kita dan saya katakan tadi walaupun kita rang undang-undang, sekiranya penguatkuasaan masih tidak dibuat dengan baik, saya rasa tugas yang kita jalankan pada hari ini tidak mendatangkan apa-apa faedah. Siapakah atau agensi manakah yang sepatutnya bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan ini?

Kita lihat pada hari ini disebabkan banyak agensi yang terlibat, maka masing-masing mengambil kesempatan untuk mencari duit haram. Kita ada lima buah agensi yang berkaitan mengawal isu ini. Kita ada polis, kita ada imigresen, kastam, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pengawal Tenaga Kerja. Persoalannya tidakkah akan berlaku pertindihan tugas yang juga akan menimbulkan kecelaruan dan menjurus kepada semua agensi yang terlibat tidak akan bertanggungjawab. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan

hanya sebuah agensi khas bagi tujuan penguatkuasaan akta ini untuk memastikan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dapat dikurangkan.

Kita lihat perkara ini berlaku berpunca dari berlakunya kelonggaran proses kemasukan warga asing ke negara kita. Ada kes-kes yang kita dapati pula mulanya mereka masuk ke negara kita ini secara sah sebagai pelancong. Selepas itu *overstay*, dengan izin, dan terus kerja di Malaysia dan pihak imigresen gagal mengesan mereka di mana mereka berada. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini berapakah bilangan pelancong-pelancong yang asalnya merupakan pelancong yang sah, yang halal, memasuki negara kita, yang telah tinggal melebihi had tempoh masa yang kita anggap tidak sah lagi itu.

Kita juga mengetahui, telah pelbagai cara serta operasi yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri tentang kemasukan pekerja tanpa izin ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah pekerja tanpa izin di negara kita? Apa kejayaan operasi-operasi yang telah dilaksanakan oleh KDN masa lalu dan selain daripada itu juga, apakah asas yang dikira pakai oleh KDN sehinggakan Yang Berhormat Menteri mengumumkan baru-baru ini bahawa negara kita akan menerima kemasukan pekerja asing seramai 1.5 juta orang dari Bangladesh? Apakah asas yang digunakan untuk mengimport 1.5 juta dari Bangladesh ini?

Selain itu juga, kita juga telah digemparkan dengan berita pelarian yang berada di lautan dengan bilangan yang ramai. Tidak ada seorang pun yang boleh memberitahu kita dengan tepat kenapa mereka menuju ke arah negara kita. Maka sudah tentulah kebanyakan kedatangan mereka ini sememangnya telah dirancang oleh pihak-pihak tertentu sama ada di pihak sindiket yang memikirkan undang-undang negara kita ini terlalu longgar atau ada pihak lain yang sengaja merancang untuk menimbulkan kecelaruan dalam aspek politik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada rang undang-undang ini juga yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan piawaian dan konvensyen antarabangsa terutama dalam laporan Amerika Syarikat, Malaysia telah diberikan penarafan tier 3 iaitu berkaitan isu mengenai pemerdagangan dan penyeludupan orang. Malaysia juga dinyatakan mengamalkan buruh paksa. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa tindakan yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan terhadap isu ini. Benar kah mengikut laporan UNHCR, terdapat 93% daripada jumlah pelarian berada di negara kita ini berasal dari Myanmar dan kebanyakan adalah orang Rohingya yang beragama Islam yang majoritinya terdiri daripada kaum wanita dan kanak-kanak.

Seperkara lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah digemparkan baru-baru ini tentang kemasukan ataupun penyeludupan pendatang asing tanpa asing ke negara kita melalui Thailand. Yang menghairankan kita, bagaimana agensi penguat kuasa kita hanya boleh menemui bekas-bekas tapak kem-kem pelarian ini setelah kem-kem itu ditinggalkan kosong. Selain daripada mayat-mayat yang hanya kita peroleh, tiada seorang pun tangkapan yang berjaya kita lakukan. Mengapakah, dan kenapa? Kita amat bimbang kerana Malaysia telah dijadikan negara transit penyeludupan manusia yang terkenal di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu tujuan rang undang-undang ini dipinda adalah untuk membolehkan pihak kerajaan bertindak lebih komprehensif dalam menangani jenayah pemerdagangan dan penyeludupan migran dengan ditambah dengan kemasukan fasal-fasal baru dalam rang undang-undang seperti seksyen 5A, seksyen 6, seksyen 43, seksyen 51A, seksyen 66A dan seksyen 66B. Adalah diharapkan pihak yang bertanggungjawab akan dapat menjalankan penguatkuasaan dengan lebih berkesan. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan bermula dari tahun 2010 hingga sekarang, terdapat 1,001 tangkapan telah dibuat dan pendakwaan yang telah dibawa ke mahkamah sebanyak 476 kes dan berapakah yang telah disabitkan dan didapati bersalah oleh pihak mahkamah.

Yang Berhormat Menteri, dalam tahun 2015 menyatakan kerajaan berjaya membuat 43 tangkapan agen, tekong dan *transporter*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah jenis hukuman yang telah disabitkan kepada mereka yang terlibat dengan tangkapan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang bersidang pada hari ini juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kepimpinan daripada kita kerana pada minggu yang lepas, satu mesyuarat tergepar peringkat Menteri-menteri ASEAN yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah sebulat suara bersetuju menubuhkan Tabung Amanah untuk membiayai perlindungan kepada pelarian dan mangsa pemerdagangan manusia ini. Kita amat berharap dengan adanya tabung ini akan dapat membantu pihak kerajaan memudahkan pengurusan pelarian-pelarian ini.

Melalui media-media kita telah dimaklumkan bahawa negara-negara OIC telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi tujuan yang sama. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berapa banyak peruntukan yang telah kita terima daripada tabung OIC ini dan ia bagi menampung tujuan kos pengurusan pelarian-pelarian ini dan juga berapa banyak kah kos perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, saya juga ingin menyeru kepada pihak kepimpinan negara supaya bertindak tegas mendesak agar mana-mana anggota negara ASEAN yang terlibat dalam isu ini harus bersama-sama bertanggungjawab di dalam menyelesaikannya. Kita tidak mahu Malaysia akan hilang integriti dalam menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kita mempunyai 150,000 orang pemegang kad UNHCR yang masih berada di negara kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan pihak kerajaan terhadap mereka ini? Kita juga difahamkan bahawa negara-negara maju hanya memilih atau menerima mereka yang mempunyai kemahiran tertinggi yang tertentu sahaja seperti jurutera, doktor dan sebagainya. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah polisi kita tentang perkara-perkara ini berdasar cara ataupun polisi yang diamalkan oleh negara-negara maju yang kita merasakan lebih menguntungkan negara kita di masa-mas hadapan? Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1510

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Banyak Yang Berhormat? Silakan.

**3.10 ptg.**

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 ini.

Sesungguhnya saya amat tertarik dengan rang undang-undang ini kerana pada hari ini kita disuapkan dengan berita berkenaan pendatang asing tanpa izin, penderaan pekerja asing, penyeludupan warga asing, pelarian dan sebagainya. Kita hairan kenapa sempadan kita sentiasa dibolosi, mudah sungguh, mudah masuk Malaysia, mudah bolos keluar. Datang berlembang, hendak balik raya duit banyak, hati senang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini, izinkan saya menyentuh secara khusus mengenai dalang yang menyebabkan lambakan imigran, PATI, pelarian yang tiba di negara kita. Mereka dikenali sebagai tekong atau orang tengah atau yang lebih popular dengan panggilan agen. Tuan Yang di-Pertua, semasa saya baru menjadi Yang Berhormat Senator, saya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah dibawa ke KLIA2 untuk membuat satu lawatan. Kita berkesempatan untuk berjumpa dengan pekerja-pekerja asing yang mana agen-agen mereka membiarkan mereka berada di KLIA2. Walaupun mereka warga asing, namun atas sifat keprihatinan dan kemanusiaan terus terang saya katakan betapa luhunya hati saya melihat keadaan mereka. Ada yang lima hari, tujuh hari, 10 hari berada di KLIA2 menanti, menunggu agen masing-masing untuk dibawa berjumpa dengan majikan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, agenlah yang merancang perjalanan tiba, agen yang merancang logistik, agen yang merasuah sebahagian penguat kuasa kita, agen yang mencarikan pekerjaan dan lain-lain tugas yang tidak pernah kita terfikir selama ini. Agen ini mereka yang memang memahami salur galur sistem penguatkuasaan kita. Mereka ini merupakan *cartel*, dipercayai mereka mempunyai pertalian erat di dalam dan di luar negara. Agen adalah yang mencarikan orang-orang yang berpotensi dari negara luar untuk dibawa ke Malaysia baik sebab ekonomi, politik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, agen juga merancang perjalanan PATI dan menawarkan kos mengikut kemampuan PATI. Sama ada melalui laluan haram seperti lorong tikus ataupun melalui jalan sah iaitu melalui pintu masuk sempadan mahupun lapangan terbang. Agen juga yang membawa orang ke Malaysia, agen mempunyai kemahiran, agen menyediakan dokumen, agen yang menyediakan sistem pengangkutan serta penginapan sementara. Selepas itu imigran itu akan diserahkan kepada agen yang lain dan begitulah seterusnya sehingga mereka tiba di destinasi yang dijanjikan. Agen ini bekerjasama rapat antara satu sama lain. Mereka ini *carte*. Oleh sebab itu pergerakan mereka ini amat sukar dikesan. Sepanjang perjalanan dari sempadan di utara sehingga ke Johor baru, agen-agen ini mempunyai jaringan yang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kerana pendapatan yang lumayan mereka nekad, agen nekad melakukan pelbagai cara untuk membolehkan pelanggan mereka sampai destinasi. Agen ini jugalah akan

memastikan makan minum PATI tadi sehinggalah mereka mendapat gaji. Agen inilah juga yang menyediakan perkhidmatan telefon bagi tujuan berhubung dengan dunia luar, menghantar wang balik ke kampung asal dan sekali-skala membawa PATI ini keluar membeli keperluan. Agen juga kerap menjadi penyumbang utama kepada kebanjiran pendatang asing di dalam negara.

Jika ada operasi penangkapan agen ini jugalah akan memastikan maklumat disampaikan kepada PATI dan jika tertangkap agen inilah juga akan hadir untuk urusan pelepasan. Agen ini bertindak sebagai orang tengah antara majikan, orang kampung dan juga pihak berkuasa yang lain. Tuan Yang di-Pertua, jika tidak bersesuaian dengan majikan tertentu, suatu *arrangement*, dengan izin, akan dibuat oleh agen untuk mencari majikan yang lain. Malah agen inilah yang akan memastikan PATI tidak lari daripada majikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua agen tidak baik, ada yang baik dan mengikut syarat. Bukan semuanya indah, bukan semuanya jujur. Ramai terperangkap dengan kata-kata dan janji manis agen. Akibatnya ramai di kalangan PATI ini habis wang simpanan gara-gara mempercayai agen. Menurut sumber terdapat banyak laporan polis mengenai penipuan yang dibuat oleh agen-agen ini. Contohnya di tangan saya ini ada terdapat laporan polis di mana berpuluh-puluh PATI telah ditipu berpuluh-puluh ribu ringgit oleh agen bagi mendapatkan permit pekerjaan. Malah ada di kalangan majikan yang dilambakkan dengan passport pekerja seperti di tangan saya ini hilang hubungan dengan agen malah jauh sekali untuk tahu di manakah gerangan pekerja itu.

Majikan sebegini menjadi mangsa. Sudahlah levi telah dibayar, pekerja yang dijanjikan tidak tahu di mana hendak dicari. Tidak kurang juga agen-agen yang melarikan diri bersama-sama passport PATI tersebut. Maka inilah puncanya ramai di kalangan mereka yang diputihkan kembali menjadi PATI. Bagi PATI yang terdesak usaha perlu dibuat, agen lain perlu dicari untuk mendapatkan dokumen passport. Jika merasa tidak selamat mengambil keputusan untuk balik ke negara asal.

Cadangannya kepada kementerian supaya memperketatkan undang-undang dengan mewujudkan agen pekerjaan yang sah sahaja. Saya tidak nafikan agen penting sebagai pemudah cara. Namun kerajaan mestilah mewajibkan agen-agen yang berdaftar sahaja yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, agen-agen itu wajib diberi kursus mengenai tatacara dan undang-undang yang berkaitan pekerja asing. Agen-agen itu mestilah diberi lesen dan diperbaharui setiap tahun. Adalah juga dicadangkan dan saya tegaskan, saya mohon pihak kementerian mengambil satu keputusan supaya agen-agen yang ada biarlah mereka daripada warganegara Malaysia sahaja supaya apa-apa keputusan mestilah seseorang itu warganegara yang boleh dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini ada warga Indonesia, ada warga Pakistan, ada warga India dan warga Bangladesh dan sebagainya sebagai agen. Di Dewan yang mulia ini pada hari ini aktiviti di kaunter imigresen dicadangkan kepada pihak kementerian biarlah mereka yang memegang kad pengenalan Malaysia sahaja. Jika tidak seperti masa kini seolah-olah begitu longgar dan seolah-olah tiada keseriusan kita menangani masalah imigresen ini. Masalahnya jika agen itu warganegara sendiri, paling tidak identiti mereka kita dapat tahu dan boleh didakwa jika berlaku kesalahan. Namun jika

warganegara asing ini bakal membawa masalah. Mereka mementingkan keuntungan dan tidak bertanggungjawab. Mereka boleh pada bila-bila masa lari pulang ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mohonlah saya merayu kepada kerajaan supaya mewajibkan warganegara Malaysia sahaja yang berurusan mengenai pekerja asing di kaunter imigresen, FOMEMA dan di mana-mana sahaja. Sebelum saya akhiri perbahasan saya ini saya ingin bertanyakan beberapa soalan yang berkaitan. Pertama, pindaan seksyen 6(c) tersebut ingin mendapat kepastian kenapa beberapa kementerian tidak dimasukkan sekali iaitu wakil sektor pertanian dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani?

Kedua, seksyen 51A(1) saya mohon pencerahan maksud Perintah Perlindungan Interim. Apakah sama maksudnya seperti Akta Keganasan Rumah Tangga 1994? Ketiga, seksyen 54(1)(b) berkaitan dengan dokumen sah. Soalan saya, jika tiada dokumen perjalanan pasport bagaimana pula mereka ini dinafikan sebagai rakyat oleh kerajaan mereka menyebabkan seseorang itu menjadi *stateless* dengan izin.

Keempat, ini agak keras. Namun saya ingin mencadangkan hukuman yang amat-amat berat kepada agen-agen ini yang menipu pekerja-pekerja asing. Contohnya penjara lima tahun ke-10 tahun, denda sebanyak RM500,000 dan sebatan lima kali.

Akhir sekali saya amat menyokong pindaan rang undang-undang ini dengan harapan Menteri peka dan memberi perhatian khusus terhadap aktiviti agen-agen ini.

■1520

*Kuranglah ejen, kuranglah PATI,  
Tenang imigresen, damailah Menteri.*

*Rakyat sejahtera negara bahagia,  
Hak rakyat perlu dibela.*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

**3.20 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan mengambil bahagian berbahas Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira isu ini satu isu yang sensitif, kompleks dan memerlukan kesefahaman dan kerjasama di peringkat antarabangsa. Aktiviti pemerdagangan orang dan



penyeludupan migran merupakan kegiatan jenayah terancang merentas sempadan. Kegiatan ini berlaku hampir di seluruh dunia dan turut melibatkan negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 670 untuk memasukkan takrif "*tempat perlindungan*". Saya mohon bertanya maksud dan lokasi tempat perlindungan ini. Sudahkah ia dikenal pasti? Berapa kos pembinaannya atau digunakan premis kerajaan sedia ada? Perlukah kem PLKN diguna pakai? Apakah implikasinya?

Juga, berkaitan lokasi kegemaran pelarian ini terutamanya pelarian Rohingya. Sedarkah kementerian bahawa Rohingya ini menjadikan kawasan sekitar Butterworth dan Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang menjadi port perkampungan mereka? Ini berlarutan sejak dahulu lagi. Saya difahamkan mereka ini dilindungi oleh ejen rakyat tempatan dan ejen Rohingya sendiri. Diberikan kad UNCHR, mungkin palsu, dan dipaksa bekerja di kilang-kilang, pasar, kedai-kedai dan kebun-kebun di sekitar kawasan tersebut dengan upah yang sangat rendah atas alasan perlu ditolak hutang kos membawa mereka masuk ke Malaysia.

Sudah tentu kementerian dan pihak PDRM mengambil maklum akan kes jenayah kekerasan dan jenayah bunuh yang kejam yang sering berlaku di Pulau Pinang. Mungkin isu ini di Myanmar dibawa sekali ke Malaysia. Maka timbullah dendam lama dan perasaan benci antara etnik warga Myanmar ini. Saranan saya, mohon pihak berkuasa menyiasat isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang bercadang mengadakan sidang kemuncak mini ASEAN bagi membincangkan isu pemerdagangan manusia bagi mencari penyelesaian terhadap masalah itu dalam kalangan negara-negara anggota. Malah, kita perlu tegas dalam mengenal pasti kepala sindiket yang terlibat dalam sindiket pemerdagangan manusia itu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberi arahan ini.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat, saya pohon mencelah.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Ya, sila.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dekat Yang Berhormat Shukor, sama ada dia bersetuju dengan saya seperti saya sebutkan dalam perbahasan saya tadi, kalau Rohingya ini kita bawa ke sini, dengan hodoh, dengan tidak ada pelajaran, dengan gigi karat, manakah ada Negara Dunia Ketiga hendak ambil mereka? Setuju atau tidak dengan saya? Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Saya amat bersetuju dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tindakan keras perlu diambil terhadap ketua atau kepala sindiket dan bukannya orang bawahan yang menjadi upahan sekiranya kegiatan itu ingin dibanteras. Saya sudah jawab tadi, Yang Berhormat. Saya setuju. Saya setuju cara Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, dua upacara pengebumian besar-besaran mangsa pelarian Rohingya di Bukit Wang Burma, Wang Kelian, Perlis telah dilangsungkan di Pokok Sena, Kedah. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah yang sudi menyediakan tapak tanah kubur. Semua mayat itu adalah sebahagian rangka manusia yang dikeluarkan dari 139 buah kubur yang dikesan oleh pihak

berkuasa di 28 buah kem transit yang diwujudkan oleh transit pemerdagangan manusia di sepanjang sempadan Perlis-Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar laluan tikus di sempadan Malaysia-Thailand yang dikenali sebagai laluan Syed Omar di Kangar perlu diperketat dan rondaan berkala dipertingkatkan. Ini kerana laluan-laluan kira-kira empat kilometer tidak berpagar merentasi hutan simpan kedua-dua buah negara itu menjadi perhatian pelarian sejak 20 tahun yang lepas. Malah, penduduk tempatan sudah biasa terserempak dengan pelarian ini yang kadangkala begitu berani mengetuk pintu meminta makanan kerana hampir kebuluran. Atas sifat kemanusiaan, makanan diberi dan tiada laporan dibuat kepada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin bawa cerita di ladang tebu. Selama 40 tahun saya di ladang tebu. Di ladang tebu itu dia ada sebuah jalan dipanggil jalan keselamatan. Di antara jalan keselamatan dengan ladang tebu itu lebih kurang dua rantai. Dua rantai itu lebih kurang dalam 132 kaki yang mana jalan itu tidak dibenarkan orang awam. Apa yang berlaku, di antara Padang Besar sampai ke Bukit Kayu Hitam, laluan dipanggil *security road*, dia ada satu tempat dipanggil *Charlie 17*. Kalau anggota itu dia pakai C17. Kita ingat apa dia C17, rupanya *Charlie 17*. *Charlie 17* itu, lubang itu sentiasa terbuka. Kita lapor kepada JKR, dia datang tutup balik lubang itu. Lepas seminggu, lubang itu terbuka pula. Di situlah tempat laluan di antara pendatang-pendatang tanpa izin yang melalui Thailand. Thailand mudah sahaja. Dia buka pintu. Asalkan jangan duduk tempat dia, dia buka pagar, dia masuk. Kita lapor kepada pihak berkuasa.

Sebab itulah kalau Ahli-ahli Yang Berhormat baca dalam surat khabar yang dikatakan laluan daripada ladang tebu- masa itu, masa saya duduk bekerja lagi di sana masa itu, memang laluan. Mereka akan masuk sebelah malam. Bila dia masuk sebelah malam, dia ikut trek elektrik dan bertentangan itu dia nampak kilang gula. Kilang gula, dia nampak pula kilang simen. Itu dia punya panduan. Tiap-tiap malam mereka akan masuk melalui situ. Kalau mereka letih, dia kepak pokok tebu jadi makanan mereka.

Jadi perkara ini kita sudah maklumkan kepada pihak penguat kuasa tetapi benda ini berlarutan. Jadi pemerdagangan orang ini bukan hari ini. Begitu lama. Jadi kita tak tahu hendak buat apa dah. Kalau Ahli Yang Berhormat tengok sekali tangkap, 50 orang hingga 60 orang. Yang ini yang menjadi gempar ini kerana jumpa mayat, jumpa kubur. Sekarang ini sebab tak jumpa kubur, benda biasa, tak ada apa. Sekarang ini ladang tebu dah tak ada. Dia jadikan ladang getah dan sawit. Tak tahulah, mungkin buah sawitlah '*kot*' '*depa*' boleh makan. Getah tidak boleh buat apa. Itu apa yang berlaku di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga biasa melawat tempat ini dan saya memetik kata-kata Yang Berhormat Menteri iaitu di Wang Kelian. Tempat ini kalau hendak bawa lari gajah pun boleh sebab situ tidak ada pagar yang paling cepat sampai ke bawah tetapi antara halangan besar sebab terpaksa lalu jalan kampung. Sebab itu di situ kurang sikit penyeludupan. Yang dikatakan ini Kampung Syed Omar di Kangar itu. Ini memang menjadi laluan. Orang larikan lembu, kerbau melalui jalan itu tetapi apa yang berlaku baru-baru ini di Wang Kelian, di tempat yang tinggi tetapi ada laluan dari bawah pun ada tetapi

oleh sebab dia gempar kerana jumpa kubur 139, jadi benda itu *big issue*. Sebenarnya pemerdagangan ini sudah berleluasa.

Sebab itu saya cadangkan kepada pihak kerajaan, pagar yang dipasang itu dah tak boleh dah. Kita kena bubuh tembok. Ini kerana sebelah kita- sebelah sana dia tidak kisah. Pihak Thailand dia tak kisah. Asalkan laluan '*hangpa*', '*hangpa*' masuk. Aku tak tangkap. Ini yang berlaku.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat menyokong sebarang usaha untuk membina tembok benteng sempadan Malaysia-Thailand selain meningkatkan pengawasan di pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin untuk membanteras kegiatan perdagangan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad.

**3.30 ptg.**

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali terima kasih membenarkan saya mengambil bahagian dalam Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan), dan perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa kita akhir-akhir rasa paling keji, malu kerana kitalah orang yang bersama mengambil bahagian dalam perkara ini. Banyak telah diperkatakan tentang perbuatan kita yang tak baik ini tetapi saya rasa, siapakah hendak kita salahkan? Sudah kita dengar semua tadi. Di sini saya minta tolonglah pihak penguatkuasaan perlulah ambil tindakan tegas supaya mereka tak berani lagi. Ini oleh sebab kita tak kawal betul.

Di sini juga saya rasa benda sudah berlaku dan saya juga ingin mengambil bahagian dalam segi peruntukan-peruntukan baru yang diperkenalkan di dalam rang undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 yang meliputi isu-isu berkaitan dengan penambahbaikan dalam aspek kebajikan kepada mangsa pemerdagangan orang khususnya melalui pemotongan pemberitahuan dalam warta bagi tempat perlindungan dan pelantikan mana-mana orang yang difikirkan sesuai untuk melaksanakan tanggungjawab menjaga dan melindungi mangsa pemerdagangan orang. Hal ini bukan sahaja agensi kerajaan, malah mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh memberi perkhidmatan penjagaan kepada mangsa pemerdagangan orang.

Penglibatan pihak NGO dalam membantu pengurusan mangsa di rumah perlindungan kerajaan boleh diperluaskan tidak hanya kepada program dan aktiviti di rumah perlindungan sahaja, namun sudah tiba masanya Kerajaan Malaysia memperluaskan penjagaan dan perlindungan mangsa kepada pihak NGO dengan membenarkan mereka menggunakan premis masing-masing untuk menempatkan kes-kes kemenangan orang seperti mana yang dilakukan oleh pihak kerajaan sekarang. Ini juga bertepatan

dengan saranan oleh pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) dalam *United States Trafficking in Persons Report, US TIP Report 2014*. Penglibatan pihak NGO dalam perlindungan di setiap negeri juga akan dapat menjimatkan kos pengurusan dari sudut logistik dan tenaga kerja kepada pihak kerajaan. Berdasarkan amalan sekarang, pihak rumah perlindungan akan membawa mangsa ke mana-mana negeri di mana negeri kes dilaporkan untuk tujuan perbicaraan di mahkamah.

Kos yang terlibat adalah daripada segi kos penginapan, makan minum dan perjalanan bagi mangsa dan kakitangan. Justeru itu mereka dapat rumah perlindungan NGO di setiap negeri kelak, maka akan dapat menjimatkan perbelanjaan melalui kaedah perkongsian tanggungjawab atau *responsibility and burden-sharing*, bagi merealisasikan pengurusan mangsa pemerdagangan orang secara berkesan berdasarkan pendekatan *victim offended*, penglibatan NGO juga dapat digunakan sebagai sebuah *avenue* untuk mengasingkan antara orang yang disyaki, diperdagangkan yang diperoleh *Interim Protection Order* (IPO) selama 14 hari dari mahkamah dengan mangsa pemerdagangan orang yang memperoleh *Protection Order* (PO) selama tiga bulan dari mahkamah.

Dengan adanya pengasingan seperti ini ia dapat membantu dari sudut keberkesanan dan kejayaan sebuah kes yang disiasat kerana tiada pengaruh daripada mangsa yang telah sedia ada di rumah perlindungan. Pengasingan mangsa juga mungkin boleh dibuat berdasarkan jenis-jenis eksploitasi. Sehubungan itu, penambah peruntukan yang meliputi pengecualian pewartaan rumah perlindungan serta pelantikan NGO dalam menguruskan mangsa pemerdagangan orang adalah bertepatan untuk memastikan individu yang diselamatkan ini diberi layanan terbaik sebagai mangsa dan bukannya pesalah.

Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua harus sedar tentang kekangan *resources*- sumber manusia dan dana pihak kerajaan dalam melaksanakan tugas penjagaan mangsa pemerdagangan orang ini kerana walaupun isu ini berkali-kali dengan aspek keselamatan negara, namun kepakaran pihak-pihak NGO dan mereka yang berkemampuan berkemahiran wajar diangkat untuk menambah baik insentif negara dalam menangani isu pemerdagangan orang ini.

Justeru, pendekatan perkongsian tanggungjawab antara kerajaan dan NGO sebegini amatlah dialu-alukan dalam membantu memberikan sokongan kepada mangsa pemerdagangan termasuk dalam mendapatkan kerjasama mereka untuk memberikan keterangan bagi memastikan penjenayah terlibat dibawa ke muka pengadilan dan seterusnya dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka tersebut.

Sehubungan itu, saya sangat menyokong terhadap pembentangan rang undang-undang ini. Sekian, dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany. Selepas itu Yang Berhormat Dato' Adam dan Yang Berhormat Menteri seterusnya menjawab.

**3.37 ptg.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Pindaan) 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada KDN kerana mengambil satu inisiatif yang drastik bagi meminda peruntukan akta ini untuk memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan serta *tracking* dengan izin aktiviti eksploitasi majikan tempatan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pemerdagangan orang.

Saya ingin merujuk kepada fasal 3 iaitu pindaan kepada seksyen 6 kepada Akta Ibu. Amat sesuai dengan pindaan ini iaitu penambahan anggota baru dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan memperlihatkan betapa serius KDN membanteras aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Pada masa ini, masalah utama negara kebanjiran pendatang asing tanpa izin yang mana kita tidak dapat kesan dan daftarkan jumlah sebenarnya mereka dalam pasaran kerja negara. Masalah mengesan pendatang tanpa izin ini perlu di perhebatkan dan dengan menggunakan strategi *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), semua agensi dan jabatan yang terlibat di dalam Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan mesti memainkan peranan dan akauntabilitinya demi kesejahteraan negara dan ketenteraman awam.

Melalui semakan dan pemerhatian saya, aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini amat banyak tertumpu di sektor perladangan dan komoditi negara. Ini kerana kekangan akses geografi dan kekurangan anggota penguat kuasa menyebabkan sindiket pemerdagangan orang ini amat berleluasa. Justeru itu melalui kerjasama agensi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi, audit dan pemantauan dapat dilakukan di seluruh pelosok negara untuk menghapuskan sepenuhnya pendatang asing tanpa izin yang bekerja di sektor perladangan, pertanian dan komoditi negara. Saya mohon KDN memberikan penjelasan di sini berhubung apakah perancangan dan langkah komprehensif agar satu operasi peringkat kebangsaan dapat dilakukan di seluruh sektor perladangan, pertanian dan komoditi negara dapat dilakukan agar operasi mengesan PATI dapat dioptimumkan. Sehingga kini, beberapa kes pendakwaan yang dibawa ke mahkamah bagi mendakwa mereka yang terlibat dengan aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di sektor perladangan, pertanian dan komoditi?

**-1540**

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada seksyen 51, Akta Ibu dipinda dalam seksyen 10(b). Dalam pindaan ini, kerajaan telah memendekkan tempoh perintah perlindungan dari tempoh dua tahun kepada tiga bulan sahaja. Sehingga kini, kita dapati sejumlah besar hasil kerajaan telah digunakan bagi menanggung makan minum dan tempat perlindungan PATI atau imigran sebelum mereka dihantar semula ke negara asal. Saya memohon mendapat perincian bajet ataupun perbelanjaan kewangan dari tahun 2010 hingga 2015 bagi menanggung mereka semasa berada dalam tempoh

perlindungan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dengan pindaan ini kerajaan mendapat penjimatan, saya rasa amat ketara juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kebanyakan kes-kes eksploitasi pemerdagangan manusia terutama yang melibatkan wanita yang bekerja di spa, rumah urut dan refleksologi, saya dapati kes-kes ini seperti tidak dapat dikawal lagi. Di Lembah Klang sahaja terdapat beratus-ratus rumah urut dan refleksologi menggunakan taktik pekerja dari China, Thailand, Vietnam, Indonesia serta beberapa buah negara lain yang sering diserbu polis kerana terlibat dalam aktiviti pelacuran yang semestinya boleh menimbulkan masalah sosial kepada negara.

Saya mohon penjelasan dari KDN untuk bagaimana kita merencanakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan agar operasi rumah urut atau refleksologi ini tidak menawarkan perkhidmatan pelacuran dan membendung secara total kes-kes eksploitasi wanita sebagai pekerja seks. Saya mohon agar KDN memberikan perincian serbuan dan operasi bersepadu dengan lain-lain agensi ke atas *outlets* atau premis perniagaan yang bertopengkan spa atau rumah urut dan refleksologi agar sebarang aktiviti pelacuran dan maksiat dapat dibendung sepenuhnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang akhir sekali saya persilakan Dato' Adam bin Abdul Hamid dan seterusnya Menteri akan menjawab.

### 3.42 ptg.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Saya memandang serius akan rang undang-undang ini dan pindaan yang kita nak buat. Saya berharap saya dapat ulas satu persatu dan kemudian mengingatkan kepada kita bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini, tetapi pada rakyat keseluruhannya akan ancaman-ancaman yang akan kita hadapi. Malah, sebahagian daripada ancaman-ancaman itu telah pun berlaku di hadapan mata kita.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, nama akta ini. Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Maknanya akta ini kita gubal mulanya pada tahun 2007. Kenapa kita menggunakan takrif "orang"? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dr. Syed Husin bahawa sepatutnya kita sebut "manusia". Dia lebih kemas, dia juga lebih tepat, dan indah bahasanya. Saya bagi contoh yang paling mudah, Orang Melayu Tuan Yang di-Pertua. Takrifan "orang" ini pun kadang-kadang dia menyebut diri dia sebagai "orang". Misalnya, Rohana berkata kepada emaknya, "*Emak, orang sukalah kepada Datuk Seri Nallakaruppan, orang nak kahwin dengan dia*". Oleh sebab itu saya suka Datuk Seri Nalla pakai Baju Melayu. Itu sebagai contoh mudah tetapi bila sebut "manusia", tak boleh disebut, "*Mak, "manusia" sukalah kepada Datuk Seri Nallakaruppan*". Jadi saya minta kementerian cuba teliti betul-betul pasal sebutan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 2 mengenai tempat perlindungan. Pada saya, ini satu perkara yang sangat penting. Kita ingat insiden awalan dahulu, saya ingat tahun 1974 ataupun 1975

apabila orang Vietnam masuk ke Malaysia, kita tempatkan di Pulau Bidong, Terengganu. Itu kita nampak penempatannya betul-betul secara khusus dan dia tidak boleh keluar dari pulau itu sehingga ada negara ketiga kemudian mengambil mereka. Rohingnya yang datang, kita tempatkan di Pulau Langkawi. Ada cadangan kerajaan nak menempatkan pula di pusat-pusat PLKN yang sementara ini ditutup. Saya nak minta supaya kementerian fikir baik-baik kesan-kesan yang akan kita hadapi. Ini saya akan masukkan nanti dalam ancaman-ancaman yang akan dihadapi oleh rakyat Malaysia.

Apatah lagi saya melahirkan kebimbangan Tan Sri, apabila kita di bawah seksyen baru 51A - Kebenaran bagi orang yang diperdagangkan untuk bergerak bebas dan untuk bekerja. Untuk bekerja, saya ada semangat toleransi tetapi bergerak bebas, harus kita kawal betul-betul. Kerana apa saya kata begitu? Dengan masalah yang ada di hadapan kita sendiri pun sekarang, memang kita tidak terkawal. Apalagi kalau mereka ini boleh pergi misalnya ke Sabah, boleh pergi ke Sarawak, boleh pergi ke Terengganu, boleh pergi ke Johor, bagaimanakah kawal selia kita? Adakah esok boleh kita kawal dengan sebaik-baiknya? Saya ada satu persoalan besar di situ Tuan Yang di-Pertua.

Soal seksyen baru 66A dan 66B - Perintah pembayaran pampasan kepada orang yang diperdagangkan, itu saya sangat setuju. Memang betul sekarang pun kita perhatikan banyak pihak mengambil peluang mengeksploitasi migran ini dengan peras ugut dan pelbagai. Gaji tidak dibayar, gaji dibayar tidak setara dengan kerja yang diberikan dan pelbagai lagi.

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi menyebut ancaman-ancaman yang akan kita hadapi. Ia pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua ada tiga yang utama, iaitu:

- (i) ancaman keselamatan untuk negara kita;
- (ii) ancaman sosial dan juga ekonomi; dan
- (iii) ancaman kesihatan.

Saya ulas satu-persatu. Saya pergi dahulu kepada ancaman sosial dan ekonomi. Saya hendak bawa kepada perkara yang dekat di hadapan mata kita. Kerajaan menyediakan bas *Hop-On Hop-Off* di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Tujuannya baik untuk memudahkan rakyat jelata, warga Malaysia naik bas secara percuma pergi ke tempat kerja tetapi cuba pergi ke peringkat akar umbi itu kita lihat di peringkat *ground level*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku. Migranlah orang yang paling ramai yang menggunakan khidmat itu dan rakyat jelata tidak dapat menggunakannya. Ada kompelin daripada orang ramai dia kata usaha kerajaan ini tidak baik, tidak membantu kami.

Apakah kesannya? Jangka panjang saya ingat kalau pilihan raya kerana sebab itu dia mungkin tidak menyokong parti kerajaan. Itu sudah wujud satu masalah sosial dan kalau kita hendak mengatasinya pula mungkin kita akan tentukan tiga buah bas yang pertama mesti warganegara Malaysia kemudian dua buah bas yang kedua baru migran. Akan tetapi tidak berlaku di peringkat bawah.

Contoh yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata orang Pakistan luar jual karpet di negara kita sudah sinonim dengan dia kata mesti orang-orang ini kacau bini orang. Betul? Betul, tanya orang kampung. Sudahlah harganya berlipat-ganda, betul boleh bayar tiap-tiap bulan tapi suami tidak

ada rumah masa itu dia datang. Orang Lombok kita pun ada peristiwa larikan anak dara kita ke Lombok sampai kita pula terpaksa pergi ke Lombok untuk menyelamatkan warganegara kita.

Dekat Jalan Silang Kuala Lumpur kita perhatikan orang Nepal setiap hujung minggu macam mana mereka berkumpul seolah-olah Jalan Silang itu tidak lagi berada di Malaysia. Warga Filipina terutamanya pembantu rumah dekat KLCC setiap hujung minggu perhatikanlah termasuk cara mereka berpakaian. Saya ada pengalaman semasa saya jadi wakil rakyat di kawasan saya. Ada pekerja dari Bangladesh, lelaki kemudian asrama berdekatan menempatkan pekerja perempuan dari Indonesia. Tiap-tiap malam bercengkerama, ada yang sampai melahirkan akhirnya kita wakil rakyat yang tidak patut sebenarnya memberikan perhatian kepada permasalahan mereka terpaksa masuk campur tangan. Ini dia Tuan Yang di-Pertua isu-isu sosial sebahagiannya saya sebutkan banyak lagi saya tidak sebutkan.

Ekonomi cuba tengok di Pasar Ikan Selayang. Sekarang saya minta kementerian pergi malam-malam atau pagi cuba lihat siapa meniaga. Pasar Chow Kit Road betul namanya tapi yang menjalankan operasi siapa? Orang Aceh. Di Johor, Kota Tinggi ada sebuah kawasan memang khas Kampuchea sahaja industri jual kain mereka menguasai. Tidak boleh hidup orang lain bukan warganegara. Daripada kesan-kesan masalah sosial dan ekonomi ini saya tanya dengan ikhlas hati dan saya hendak kementerian jawab juga dengan ikhlas hati, agak-agak ia menimbulkan kepuasan hatikah ataupun ketidakpuasan hati di kalangan rakyat jelata atau menyakitkan hati.

Apa lagi saya minta maaf, saya cukup tidak seronok apabila Menteri sendiri membuat pengumuman bahawa 1.5 juta orang dari Bangladesh akan dibawa masuk. Saya rasa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Shahanim di mana sekarang pergilah Lebuhraya PLUS singgahlah mana-mana petrol stesen cuba tengok juruwang siapa. Padahal bawah akta tidak boleh, tapi berlaku- *7Eleven*, cuba perhati...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Datuk Seri Nallakaruppan bangun.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Bolehkah? Terima kasih Yang Berhormat. Bukan pasar sahaja mereka jual ikan dekat pejabat saya Segambut, PATI ada kedai kopi dan kedai runcit. Banyak tempat sekarang di Kuala Lumpur bukan sebuah tempat sahaja seperti di pasar, banyak tempat mereka ada berniaga. Siapakah yang pergi *check*? Siapakah yang tangkap? Tidak ada. Mana mereka suka mereka boleh buka kedai sekarang. Itu sahaja saya hendak tanya. Terima kasih.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih sahabat saya Datuk Seri Nallakaruppan. Tengok Tuan Yang di-Pertua, Datuk Seri Nallakaruppan sendiri pun nampak perkara itu berlaku. Orang ramai di peringkat bawah pun nampak perkara itu berlaku. Jadi apabila Menteri menyebut begitu apa kesannya? Kita membincangkan sekarang Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. Agak-agak berlaku tidak penyeludupan migran? Fasal orang tahu Malaysia memerlukan 1.5 *million* orang Bangladesh, tentu dari Bangladesh akan berlaku penyeludupan seperti itu.



Bagi saya, saya minta maaf cakap kalaupun kerajaan rasa ada keperluan untuk bawa masuk tidak payah cakap, tidak payah umum. Buat secara berperingkat-peringkat. Tidak boleh? Pada saya tentunya boleh. Tuan Yang di-Pertua hendak keluar pula...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Saya sudah sebut tadi, soal bagaimana negara kita terlalu longgar daripada segi kawalan dalam semua aspek. Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat ingat dalam pada datang dari jauh dan dekat ke Dewan yang mulia ini, kita singgah di *petrol station*. Ada tidak orang datang kepada kita hendak jual jam, hendak jual barang-barang lain? Semua ada pengalaman. Adakah itu orang Malaysia? Tidak. Semuanya dari Vietnam, dari Indonesia dari pelbagai warganegara.

Hatta sekarang kita tengok *student* daripada Afrika yang belajar di sini juga membuat kerja-kerja yang sama. Jadi saya kata itu aspek ekonomi dan juga sosial. Aspek kesihatan Tuan Yang di-Pertua, apabila dahulu orang Vietnam datang, kita tempatkan di Bidor dan kita kena faham, dia datang bukan dia datang untuk bekerja secara sah. Kalau dia datang bekerja secara sah, itu kita faham. Dia terpaksa mendapat suntikan dahulu, kalau dia berpenyakit kita tidak terima. Akan tetapi orang-orang yang datang secara menyeludup ataupun diperdagangkan termasuk dari Rohingya baru-baru ini sudah tentu ada pelbagai penyakit.

Kita tengok kesan sekarang, denggi misalnya. Kita tahu asal banyak dari Indonesia, hepatitis B dari Indonesia, H1N1, penyakit lembu, mulut dan kuku bermula balik semula sekarang, kenapa? Ini kerana hal-hal yang saya sebutkan tadi. Apabila mereka datang secara menyeludup dengan penyakit sekali, penyakit itu apabila masuk dalam masyarakat sudah tentu merebak dengan mudahnya.

Saya hendak tanya, saya rakyat Malaysia. Saya pun hendak jaminan daripada segi kesihatan saya. Tidak boleh saya bercakap begitu. Saya boleh, saya ada hak. Akan tetapi macam mana di luar sana kawalan Kementerian Kesihatan misalnya, cukup ubat, cukup petugas dapat kita pantau semua kawasan? Tentunya tidak. Ini sudah tentu membahayakan secara jangka panjangnya kesihatan rakyat Malaysia keseluruhannya. Jadi ancaman-ancaman ini kalau kita rangkumkan pula dan apabila mereka telah ramai di sini, jangan lupa akhir sekali ia akan menyangkut kepada isu keselamatan negara kita.

Kita tengok misalnya kata di kawasan-kawasan kongsi sekarang, sudah ada kongsi gelap, peras ugut, pelacuran, pembunuhan, bergaduh misalnya orang Vietnam dengan orang Rohingya, orang Rohingya sendiri antara Islam dan bukan Islam bergaduh. Tidakkah ini akhirnya boleh menggugat keselamatan negara Malaysia? Oleh yang demikian di samping saya menyokong rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan kementerian supaya orang tua-tua kata '*hubaya-hubaya*'. Orang sekarang kata berjaga-jaga. Saya cakap terus terang Tuan Yang di-Pertua, saya risau dengan

situasi keadaan penyeludupan dan soal memperdagangkan manusia di Malaysia ini. Sekian.  
*Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah dengan perbincangan Yang Berhormat itu tadi maka selesailah sesi perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi rang undang-undang ini dan sekarang giliran Yang Berhormat Menteri pula yang menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### 4.06 ptg

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berucap dan saya amat tercabar oleh ucapan-ucapan ada di kalangannya memang menarik perhatian khususnya Kementerian Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, biarlah saya memberi penjelasan secara ringkas berhubung dengan perbincangan ini sendiri iaitu rang undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ialah untuk meminda rang undang-undang ibu dan rang undang-undang ini hanya mempunyai lima tumpuan khusus yang perlu dibahas. Jadi berlandaskan P.M. 5 37(1) mengatakan apabila kita membahaskan rang undang-undang (pindaan), kita hanya membahaskan apa yang relevan dengan pindaan itu sahaja. Jadi kalau kita lihat di sini apa yang disebut dalam pindaan ini ialah untuk menubuhkan Jawatankuasa peringkat tertinggi, *High Level Committee* mengenai pemerdagangan orang. Jadi di sini ada juga persoalan dibangkit.

Kalau tidak salah saya Yang Berhormat Senator Chandra Mohan berbangkit berhubung dengan kenapa kita membawa Kementerian Perladangan, MITI dan sebagainya ke dalam jawatankuasa ini? Tujuannya ialah kerana tuduhan-tuduhan yang kita terima dalam Internet bahkan kerajaan Amerika mengatakan eksploitasi berlaku di dalam bidang kuasa kementerian-kementerian tersebut khususnya industri-industri berkenaan perladangan umpamanya yang mana melibatkan penganiayaan pekerja. Pekerja yang dijanjikan dengan gaji-gaji yang tertentu dan apabila tidak digaji dengan gaji yang tertentu, maka dia juga menjadi salah satu daripada kesalahan di bawah undang-undang ini. Ini kerana apabila seseorang itu tidak dibayar gaji yang dijanjikan, tidak diberi gaji ini Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam membangkitkan perkara ini, penganiayaan oleh sebab kemudahan yang dijanji tidak diberi, gaji tidak diberi dan gaji tidak dibayar dan sebagainya ia juga menjadi satu kesalahan di bawah kesalahan pemerdagangan orang ini di bawah undang-undang ini.

Jadi dalam keadaan sedemikian itulah kenapa *High Level Committee* ini ditubuhkan dan untuk membawa Menteri-Menteri yang ada hubung kait dengan tugas dan tanggungjawab untuk menangani masalah ini.

#### ■1610

Tujuan untuk menubuhkan *High Level Committee* ini juga ialah dengan tujuan untuk menunjukkan kepada dunia dan juga kita sendiri betapa pekanya pihak kerajaan untuk menangani masalah yang dipandang sebagai satu masalah global yang berlaku di negara kita sekarang ini. Di mana

semua pihak telah menyebut tadi, kita yang turun daripada *tier 2 watch list* kepada *tier 3*. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan undang-undang ini sendiri. Oleh sebab penting untuk diberi maklumat yang terperinci bahawa undang-undang ini dicadangkan penggubalannya pada 2006 dahulu. Selepas saya sendiri secara khusus mengetahui selepas menghadiri satu perbincangan *Inter-Parliamentary Union* di *Ho Chi Minh City* dan saya mencadangkan undang-undang ini digubal.

Pada masa itu kita memikirkan bahawa undang-undang yang ada di negara kita iaitu sembilan undang-undang yang ada di negara kita dianggap mencukupi. Akan tetapi saya mengatakan selepas persidangan conference di Ho Chi Minh itu, mengatakan bahawa tidak ada syarat-syarat lain iaitu perlindungan, latihan, *repatriation*, bimbingan latihan dan juga penghantaran balik mereka-mereka yang terlibat menjadi *victim* pemerdagangan orang ini. Jadi dalam keadaan sedemikian, kerajaan peka dan selepas itu undang-undang digubal pada tahun 2007. Pada ketika itu, kehendak kita- pada ketika itu Malaysia sudah di dalam *tier 2 watch list*. Kita sebenarnya tidak pernah duduk di tempat yang baik, sebenarnya kita daripada *tier 2 watch list*. Apabila undang-undang kita digubal bahawa ada pergerakan untuk menangani masalah ini, maka kita dipertahankan di kedudukan *tier 2 watch list* selama empat tahun.

Jadi, di bawah sistem ini, apabila kita telah menduduki sistem ini selama empat tahun, secara automatik kita akan turun kepada *tier 3* selepas penggubalan undang-undang ini. Apabila undang-undang ini digubal, bukan ada kelemahan-kelemahan sedemikian tetapi undang-undang ini tidak mencukupi ciri-ciri yang diperlukan oleh pihak *United Nations* yang dilaksanakan oleh pihak Amerika. Pihak Amerika nampak memainkan peranan yang ke hadapan dan garis panduan yang diletakkan oleh pihak Amerika ini telah diambil guna dan dipakai oleh pihak *United Nations*. Jadi, Oleh sebab itulah kenapa kita kena *confirm* oleh sebab kita telah menandatangani *Convention on Trans-Border Crime* ini. Di bawah *Convention on Trans-Border Crime* terletak tiga protokol. Salah satu daripada protokolnya ialah protokol berhubung dengan anti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini.

Jadi, pada ketika itu kita telah diletakkan di bawah *tier 2 watch list*. Jadi, dalam keadaan sedemikian apabila undang-undang ini tidak mencukupi ciri-ciri yang diperlukan, itulah pindaan pertama dibuat pada tahun 2010. Untuk meletakkan beberapa ciri lagi untuk melengkapkan supaya ada ciri-ciri yang dahulu tidak menjadi satu kesalahan, menjadi satu kesalahan selepas 2010. Akan tetapi ini juga tidak mencukupi. Itulah kenapa kita merancang. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada yang mengatakan tadi sebab lawatan Maria Gracia itu baru kita bincang dengan Maria Gracia, barulah kita hendak merancang pindaan ini.

Sebenarnya tidak, perancangan kita untuk meminda memang sebelum Maria Gracia datang ke sini. Selepas itu, Maria Gracia melihat cadangan pindaan kita supaya dia boleh melaporkan pada persidangan bulan Jun ini di Geneva untuk laporan yang seterusnya untuk tahun 2015. Sebenarnya, beliau datang ke sini untuk melihat apakah perancangan pembaikan yang perlu kita buat untuk

meningkatkan tahap kita daripada *tier 3* sekarang untuk menaiki ke tahap yang lebih baik lagi. Ada 14 *point* yang perlu diperbaiki dalam kita menangani masalah ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian tanggapan mengatakan kita diberi arahan ataupun telah berbincang dengan Maria Gracia adalah kurang tepat sedikit. Sebenarnya, kita telah merancang dahulu daripada itu, melihat garis-garis panduan yang ada terletak dalam garis panduan Amerika itu yang dipakai oleh pihak *United Nations*. Dari situ kita membuat pembaikan-pembaikan yang perlu dengan termasuk untuk meminda undang-undang ini. Salah satu daripadanya ialah untuk melibatkan pihak NGO. Jadi, ada juga Yang Berhormat bila bertanya tadi dari sudut rang undang-undang ini mengatakan kenapa kita melantik pegawai ini, apakah peringkat pegawai ini dan apa gajinya dan di mana letaknya pegawai ini?

Sebenarnya, tujuan rang undang-undang itu ialah supaya apabila kita melibatkan pihak NGO, anggota NGO itu boleh diletakkan sebagai pegawai, bukan digaji oleh kerajaan. Demi mengistilahkan pegawai kerajaan di bawah peraturan undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah ialah oleh sebab kalau ada sumbangan kewangan daripada pihak kerajaan, pegawai NGO ini boleh disamakan dengan pegawai kerajaan kalau berlaku kesalahan. Jadi, itulah dari sudut amanahnya.

Itulah kenapa istilah undang-undang ini terpaksa diubahsuaikan oleh sebab kita hendak melibatkan pihak NGO. Inilah perkara yang amat penting sekali kerana pada masa sekarang ini rumah perlindungan ini diletakkan di bawah Kementerian Wanita dan Masyarakat untuk menjaga. Jadi, ini tidak sesuai dianggap oleh sebab masih pihak kerajaan terlibat dan orang ini tidak boleh bergerak bebas dan tidak boleh merasa mereka bebas daripada kekangan pihak-pihak kerajaan. Kenapakah undang-undang ini perlu dipinda? Oleh sebab melibatkan NGO dan memberikan kebebasan kepada pihak mangsa penyeludupan orang ini.

Jadi, itu berhubung dengan undang-undang itu sendiri. Yang kedua, ada juga Yang Berhormat Chandra Mohan mengatakan kenapa tidak kita masuk apabila kita meminda seksyen 51? Kenapakah kita tidak masukkan supaya anak-anak untuk diberi persekolahan dan supaya kita mengiktiraf *refugee* status? Pihak-pihak yang datang daripada Rohingya yang telah dikenal pasti sebagai orang pelarian oleh pihak UNHCR dan kerajaan ini. Jadi, di sini juga saya ingin memberi satu penjelasan, kita tidak boleh menggubal satu undang-undang mendahului apa yang kerajaan putuskan.

Sebenarnya, kita perlu dahulu *merectifykan* Konvensyen 1951 berhubung dengan *refugee* itu sendiri dahulu sebelum kita boleh menggubal undang-undang. Kita tidak boleh meminda undang-undang ini untuk membuat *put the cart before the horse* untuk soalan ini. Jadi, sebenarnya sepatutnya kita mesti *merectifykan* konvensyen itu dahulu sebelum kita membuat undang-undang yang selaras dengan konvensyen tersebut. Jadi, itulah kenapa seksyen ini dipinda tidak memasuki dan mengistilahkan pelarian dalam konteks pelarian yang ada di bawah Konvensyen 51 dan juga di bawah protokolnya pada tahun 1967.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih. *Point* yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan CRC. Kenapa kita tidak boleh benarkan kanak-kanak,

alasanya kerana kita masih belum *rectify* 1951 punya Konvensyen Pelarian. *Argument* itu pada saya, saya rasa tidak berapa tepat fasal kalau kita tengok sekarang pindaan yang dicadangkan oleh seksyen baru 51A(2) itu bergerak dengan bebas dan kebenaran untuk bekerja ini. Sebenarnya, dua-dua ini pun hak yang terkandung dalam *Refugee Convention*. So, kalau kita ambil itu sebagai contoh walaupun kita belum tandatangani *Refugee Convention* tetapi kita telah menggubal atau buat seksyen baru 51A. So, pada saya kalau kita pakai dasar yang sama, saya rasa kita boleh buat untuk kanak-kanak pun. Terima kasih.

■1620

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya faham apa Yang Berhormat sebut. Akan tetapi persoalannya untuk kita mengiktiraf status *refugee* itu kita tidak boleh sebab kita belum *sign* konvensyen. Kita kena *sign* konvensyen baru kita mengiktirafkan status *refugee*. Akan tetapi kemudahan yang ada yang boleh diberi kepada *refugee* sedikit sebanyak boleh kita laksanakan, itu sahaja yang kita laksanakan di bawah ini. Itulah sebab kebebasan untuk bekerja dan kebebasan untuk bergerak ini kita masukkan dalam undang-undang ini sebagai satu *privilege* yang khas dibuat oleh undang-undang ini sebagai satu kebaikan. Ini juga selaras dengan apa yang dihendaki oleh pihak *United Nations* di bawah *Convention on Trans-Border Crime* ini yang mana protokolnya salah satu daripadanya ialah antipemerdagangan, *human trafficking* dan antipemerdagangan migran.

Kedua, yang hendak saya ulaskan di sini sebelum menjawab soalan butiran ya. Menjawab di sini ialah berhubung dengan UNHCR. Berhubung dengan UNHCR juga sedemikian rupa. Oleh sebab adanya UNHCR beroperasi di sini, di Malaysia ini untuk mengenal pasti orang melalui kerjasama dengan pihak Imigresen dan kementerian, kita dan UNHCR ini sebenarnya memberi kad hampir 152,000 orang yang memegang kad UNHCR di Malaysia pada masa sekarang ini.

Saya amat bersetuju dengan apa Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor sebut. Bahawa orang yang datang dari tempat-tempat yang sebegini rupa, tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, tidak mempunyai latihan, tidak mempunyai apa-apa asas pendidikan pun, jadi payah betul untuk menghantar mereka ke luar negara. Jadi, apabila negara yang ketiga untuk pihak UNHCR untuk menghantarkan mereka ini, mereka juga membuat pilihan. Mereka akan memilih orang yang ada kesesuaian, keperluan dan kepentingan kepada negara mereka baru mereka menerima. Jadi, itulah kenapa mereka seramai 150,000 ini masih tersadai di Malaysia selama mana mereka ini masih tidak diterima oleh Negara-Negara Ketiga.

Walaupun ada sebagaimana- salah seorang Yang Berhormat menyebut kalau tidak salah saya Yang Berhormat Tuan Chandra juga menyebut, Tan Sri Ali juga menyebut bahawa negara-negara macam Saudi Arabia, negara Emirates dan ada lagi negara-negara Arab lain yang mahu menerima dan membantu. Akan tetapi persoalannya, adakah mereka ini mahu membantu dan menerima pelari-pelari yang dikatakan 'pelari' ini? Kita katakan pelari daripada Rohingya yang telah dikenal pasti oleh pihak Imigresen dan pihak UNHCR ini. Jadi, ini belum lagi dikatakan sebagai kepastian. Hanya cakap-cakap politik sahaja. *Speaking to the gallery* untuk kebaikan dengan orang-orang lain. Baik nampak dia supaya

menunjukkan negara mereka itu negara yang baik, negara yang berperikemanusiaan, negara yang rela berkorban untuk menerima mereka yang tidak ada negara lain mahu menerima. Akan tetapi sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, belum ada secara rasmi negara ini mengatakan berapa banyak mereka hendak terima. Adakah dipilih sebagaimana Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor sebut, yang gigi hitam makan sirih pinang itu boleh diterima atau tidak? Kalau emak saya dulu kata, dia langgar 'A' pun dia tidak tahu apa benda yang melanggarnya itu, 'A' kah atau apa benda yang dilanggarnya itu.

Jadi, sama ada boleh terima orang macam ini atau tidak? Belum kita tahu lagi. Atau pun dia cari orang pandai mengaji Quran itu, memang banyak kalau Rohingya itu ramai yang hafiz Al-Quran pun ada. Saya sendiri sudah kenal pasti ada 17 orang yang hafiz al-Quran. Mungkin boleh diterima ke Saudi Arabia atau pun negara yang lain. Jadi, oleh sebab itu, apa yang dikatakan tuntutan daripada negara-negara yang ingin menerima ini dan perkhidmatan diberi oleh pihak UNHCR ini juga bukan satu kepastian Yang Berhormat. Kita memberi kebenaran kepada pihak UNHCR beroperasi di negara kita ini juga berlandaskan perikemanusiaan Malaysia, menunjukkan sikap perikemanusiaan Malaysia. Walaupun Malaysia tidak pernah menandatangani Konvensyen 51 tetapi sifat dan semangat konvensyen itu kita amalkan di sini. Akan tetapi secara rasminya kita tidak membenarkan bekerja.

Ini kerana kita mendengar Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan mengatakan berikan peluang kepada mereka ini, biarkan mereka datang secara *refugee*. Kalau sebagai *refugee*, yang 150,000 termasuk yang ada lagi datang beribu-ribu yang hendak datang ini semua bebas bergerak. Jadi, macam mana pula pendirian Yang Berhormat Dato' Adam? Dato' Adam kita dengar tadi, kata tidak hendak. Jadi, itulah Yang Berhormat, saya di tengah-tengah jadinya. Ada yang katakan berikan mereka ini kebebasan untuk masuk. Biar letakkan mereka, tunjukkan Malaysia ini, *we are big people with big heart*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita berperikemanusiaan, tunjukkan sikap ini, negara kita maju. Sikap negara maju. *Yardstick* negara maju kita bawa. Akan tetapi dengar apa kata Yang Berhormat Dato' Adam dan ramai Yang Berhormat sebut tadi. Kita tidak hendak mereka ini bebas, kerja kita sudah kena ambil sudah. *Frontliners* pun sudah kena ambil. Bukan *frontliners* itu lagi, *advance zero frontliners* pun hendak kena ambil semua sudah.

Jadi, manakah satu? Jadi, kita sebagai kerajaan mengambil jalan tengah. Jadi, jalan tengah itulah yang banyak dibincangkan di sini tadi. Saya berharap Yang Berhormat sekalian memahami di mana letaknya- apa yang dikatakan kelemahan, bukan kelemahan sebenarnya. Kita hendak main *the check and balance between the demand*. Yang Berhormat kata, beri kebebasan semua. Dato' Adam kata, jangan. Habis kita nanti. Tengok pergaduhan. "*Betul, saya setuju*". Baru-baru ini daripada *last quarter* tahun 2014 kepada *first quarter* tahun 2015, seramai 50 orang mati terbunuh di Pulau Pinang dan di Johor, Dato' Adam tahu itu. Di antara orang sama-sama nya sendiri. Rohingya sama sendiri. Orang Myanmar sama sendiri.

Jadi, satu pertanyaan disebut dan soal juga oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan bahawa berhubung dengan kita tubuh Jawatankuasa *High Level Committee* dan kita tubuh Majlis

Pemerdagangan Orang ini. Akan tetapi macam mana pula peringkat ASEAN? Sebenarnya Yang Berhormat, malam Yang Berhormat bercakap itu, selepas malam itu saya jadi hos makan malam untuk delegasi daripada ASEAN. Diadakan satu mesyuarat pada 2 Julai, *Emergency ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime Concerning Irregular Movement of Persons in Southeast Asia Region* atau pun MTEC. Jadi, sebenarnya kita sudah ada kementerian di peringkat kementerian ada jawatankuasa yang tertentu di peringkat ASEAN untuk menangani masalah ini dan membincang perkara ini dan hala tuju yang akan diambil oleh pihak ASEAN. Perkara ini sebagai *prelude* atau pun *heralding* mesyuarat apabila Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN nanti.

Jadi, laporan-laporan tertentu untuk dasarnya diterima oleh pihak negara ASEAN. Apa tekanan kepada *members state* dan sebagai mana dipinta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, biarlah perkara ini kita serahkan kepada kebijaksanaan kerajaan, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tunggu habis *sentence* ini sahaja. Kebijakan Menteri untuk macam mana hala tuju untuk menangani masalah dan memberi tekanan kepada negara-negara tertentu, khususnya macam Myanmar yang mana orangnya datang ke sini yang 200 tahun sudah duduk di Myanmar, macam Rohingya yang tidak diterima sebagai rakyat negara itu. Jadi, macam mana? Apa tekanan yang boleh dibuat, apa permintaan yang boleh dibuat oleh pihak ASEAN kepada pihak Myanmar itu nanti, terpujanglah kepada kebijaksanaan mesyuarat itu nanti.

Jadi, pokoknya Yang Berhormat, ada jawatankuasa peringkat ASEAN telah beroperasi di tubuh dan telah mengadakan mesyuarat untuk memberi persediaan untuk mesyuarat ASEAN yang akan datang. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang sebenarnya soalan saya pun telah terjawab tadi. Soalan saya ialah, apakah bentuk kerjasama yang diberi oleh negara Myanmar dalam hal *inter-immigration*-pendatang haram ini? Itu soalan saya. Terima kasih.

■1630

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya itulah soalan yang terpayah untuk saya petang ini Tuan Yang di-Pertua. Kerjasama yang diberi oleh kerajaan Myanmar untuk menangani masalah yang kita lihat di hadapan kita sebagai pemerdagangan orang khususnya pendatang dari Myanmar. Jadi, memang betul apa yang disebut, hampir berapa puluh peratus bermakna nisbah yang terbesar orang yang datang dari Myanmar sama ada Arakan ataupun Rohingya dan Chin dan pelbagai lagi nama ia memang kumpulan yang terbesar Rohingya.

Jadi dalam keadaan sedemikian, mereka ini juga Muslim dan saya tidak mengetahui dasar tetapi imbasan boleh kita terima bahawa nampaknya payah betul kalau kita hendak berhubung dengan pihak Myanmar. Saya sudah berbincang dua kali dengan Menteri dia, sudah berbincang dengan *ambassador* dua, ke-tiga kali untuk meminta pengeluaran dokumen rakyat mereka yang datang ke sini untuk dihantar

balik. Ini memang amat payah sekali. Mereka juga membuat sebagaimana penerima UNHCR *card holder*, ia menerima secara *selective*. Begitu juga dengan orang yang datang dari negara mereka ini, dia memberi dokumen pun secara *selective*. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita masih tidak akan berputus asa dan kita akan sentiasa berbincang dengan mereka supaya diberi pihak-pihak ini dokumen untuk mereka boleh dikembalikan ke negara asal mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu yang kedua, sebahagian mukadimah saya.

Mukadimah yang ketiga yang akhir sebelum saya menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat ialah berhubung dengan Wang Kelian dan apa kesannya penemuan kubur-kubur di sana. Sebenarnya apabila mula-mula kubur ini dijumpai, semua mengatakan *mass grave*. *Mass grave* ini kubur besar-besaran. Satu kubur, sepuluh ke-dua puluh masuk jenazah mayat dalam itu. Sebenarnya kubur-kubur itu adalah tidak sedemikian. Sebenarnya kubur yang kita jumpa di sana, semuanya kubur satu, satu, satu, satu. Maknanya bukan kubur *mass grave* tetapi kubur biasa. *It is a graveyard*.

Jadi ia bukanlah sebagai yang kita bayangkan tetapi sebenarnya adalah seperti perkuburan biasa, bahkan mengerjakan mayat itu pun nampaknya seperti biasa. Oleh sebab ada kain kafannya, ada kapur barusnya, ada bermacam-macam benda-benda yang diguna orang kampung biasa sebelum menguburkan orang-orang Islam itu, semua ada di sana. Jadi yang pertama.

Ulasan saya yang kedua berhubung dengan yang dikatakan pengumuman yang awal yang disebutkan oleh Menteri, mungkin ada sehingga lima tahun. Sebenarnya setelah kita melihat sendiri kubur itu, dalam penilaian kita- saya pernah dalam hutan lima tahun. Saya mengetahui berapa lama satu-satu. Dahulu dalam konteks Komunis kita sebut sebagai *resting place* ataupun *camp*. Kita mengetahui *resting place* ini, *camp* ini sudah berapa lama anggarannya. Sebenarnya khemah yang kita jumpa itu tidak lah sampai dua, ke-tiga tahun pun. Oleh sebab melihat daripada pokok-pokok kayu dan ranting-ranting yang ditebang untuk membina tempat itu, memang belum ia sampai tiga tahun pun. Jadi maknanya, maklumat awal yang diterima oleh Menteri itu adalah kurang tepat sedikit. Jadi bukanlah Menteri yang salah tetapi maklumat yang diterima awal kurang tepat sedikit. Jadi itulah pengumuman yang hendak disebutkan lima tahun itu adalah kurang tepat. Sebenarnya tidak.

Akan tetapi sebenarnya satu lagi, kenapa kita tidak menjumpai Kem Wang Kelian. Ini juga saya ingin memberi penjelasan, apabila Yang Berhormat melihat orang buat *patrol* di pagar-pagar ataupun di batasan, *patrol* ini secara *single file*. *Single file* ini seperti *Indian file*, sama istilahnya, ataupun jalan ikut belakang satu persatu- 10 kaki seorang, 15 kaki seorang, asalkan dapat dipandang dari hadapan kita berjalan seperti itu. Jadi itulah kenapa ia menjurus secara itu sahaja kerana sepanjang 50 lebih kilometer itu panjang. Satu hari kalau *patrol* itu lebih panjang, kita boleh *cover* di hutan mungkin dalam 3 kilometer ke-4 kilometer sahaja. Itu pun sudah jauh. Kalau tidak dua kilometer kita sudah tidak boleh lagi sudah. Jadi jarang betul sebenarnya kita membuat *patrol* atau membuat *coverage* ini secara *sweeping*. *Sweeping* ini makna dia, berhadapan sedemikian ini. Jadi jarang dibuat, itulah kenapa ia tidak terjumpa dengan khemah ini.



Walau bagaimanapun, sebenarnya sebelum perjumpaan khemah di Wang Kelian itu, kita sudah ada jumpa sudah khemah-khemah lain. Jumpa khemah lain selepas itu khemah lain itu dijumpai tetapi oleh tidak ada apa-apa benda, hanya khemah. Itu yang dijumpai tidak ada didedahkan kepada umum dan tidak ada didedahkan kepada pihak media dan sebagainya. Itulah kenapa ia menjadi hebahan dalam negara kita.

Selepas itu, apabila pihak Thailand menangkap dan menyerbu khemah-khemah di sempadan Thailand dan menangkap orang-orang di Thailand yang terlibat dengan perkara itu, baru kita punya *patrol* menggunakan *sweeping* untuk mencari dan- *to search and to destroy* cara sistem itu. Bila *search* dan *sweeping*, baru kita jumpa. Akan tetapi, kalau kita lihat muka bumi Wang Kelian itu sendiri, bukit itu, Bukit Burma di Wang Kelian itu, ia aneh. Kalau hendak naik ke bukit itu, yang mudah sekali ialah dari Thailand. Kita pergi ke kawasan Thailand, masuk kawasan Thailand, naik atas bukit. Oleh sebab kalau kita hendak naik dari kawasan Malaysia, dan daripada sempadan kita hendak ke atas bukit, kecuramannya hampir 70 *degree*. Memakan masa- VAT 69, komando kita memakan masa tiga jam untuk mendaki bukit itu. Kalau turun lagi tiga jam, maknanya enam jam. Ada anggota-anggota PGA terjatuh dan luka juga oleh sebab mendaki bukit itu.

Jadi, sistem *patrol* kita dahulu, saya mengetahui memang jarang sekali kalau kita jumpa bukit macam itu dan memikirkan manusia akan mendiami tempat itu. Jadi kita tidak akan *cover* di atas itu. Jadi sebenarnya bukit itu mudah dinaiki dari Thailand. Itulah mengapa apabila Thailand mencari tempat yang baik untuk bersembunyi, ia menggunakan hala daripada mereka sendiri menuju ke atas bukit ini kerana mudah. Kalau orang dari Malaysia hendak datang ke bukit ini memang susah, bahkan orang yang disimpan di situ pun tidak boleh lari ke bawah ke Malaysia. Dia akan balik ke Thailand juga. Dia tahu apa sebabnya. Itu lah kenapa tempat perkuburan ini memang sengaja dibuat di tempat itu kerana *locality*nya begitu sesuai sekali untuk mereka bersembunyi.

Satu lagi, perkuburan itu juga bukanlah seperti macam perkuburan yang kita kata sebagai orang yang didera dan seperti itu. Ia seperti sistem perkuburan biasa. Itu yang pertama. Jadi Wang Kelian ini dijumpai dan bagi istilah kita, orang Rohingya yang datang ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya datang secara *volunteer* sendiri. Dia datang masuk ke Thailand, apabila dia masuk ke Thailand dia merentasi kawasan Thailand dan dia berkhemah di dalam kawasan Thailand itu.

Kenapa orang kata *border* Malaysia dan Thailand itu mungkin pada maklumat-maklumat asal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan mengatakan bahawa ada maklumat-maklumat daripada UNHCR mengatakan bahkan bank akaun dan semua pun ada keluar, tetapi saya akan ulas sedikit perkara ini nanti.

Sebenarnya khemah ini kebanyakannya di Thailand dan aktiviti semuanya di Thailand. Akan tetapi, semasa menguburkan itu banyak aktiviti berlaku di kawasan Wang Kelian ini, di kawasan Bukit Burma ini. Tempat lain tidak ada. Kita ada jumpa tiga buah khemah lain tetapi khemah itu hanya khemah yang dikatakan tempat perhentian sementara. Dijumpai lagi yang keluar di dalam surat khabar selepas itu, *The Sun front page*, mengatakan bahawa ada khemah yang lebih besar lagi selepas Wang Kelian,

tetapi sebenarnya dijumpai awal daripada Wang Kelian, tetapi hanya tidak didedahkan kepada umum. Jadi pengumumannya di media hanya keluar selepas Wang Kelian dijumpai. Nampaknya kita memikirkan itu kemudian, tetapi sebenarnya tidak. Tidak ada khemah lagi dijumpai selepas Wang Kelian.

■1640

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Wang Kelian ini walaupun ada melibatkan kematian, perkuburan dijumpai, ia tidak akan menjejaskan kedudukan kita dalam soal kita mencari *tier* yang lebih baik lagi sebab orangnya bukanlah diistilahkan orang yang telah diseludupkan ataupun orang yang telah dipemerdagangan orang. Dia masih dari laut masuk *Thailand* dan pada kita, dia masuk secara sendiri, kemahuan sendiri.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Rahimah yang amat mengetahui sebenarnya. Sebenarnya orang dia datang secara sendiri, dia mahu sendiri datang ke sini. Dia datang secara kemahuannya sendiri, dia mengupah orang untuk datang ke sini, dibayar orang untuk datang ke sini tujuannya untuk datang ke Malaysia. Jadi macam mana kita- memang tidak jatuh pun dalam istilah penyeludupan manusia ataupun pemerdagangan orang. Kalau ada hubung kait dengan Malaysia, *as far as Malaysia is concern* Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada istilah ini masuk ke dalam perundangan kita. Orang ini datang secara sendirinya, *voluntary*, sukarela.

Jadi itulah kenapa apabila IGP ditanya, ada juga persoalan dibangkitkan, IGP kata memang di luar. Memang pun kebanyakannya orang ini orang yang menganiayai dan membawa mereka ini menjadi *transporter*, mereka ini memang dari luar, tidak ada daripada dalaman. Jadi itulah sebabnya kenapa kita hanya menyokong tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak Thailand. Akan tetapi walaupun ada selepas itu sebagaimana yang telah didedahkan oleh beberapa Yang Berhormat Senator khususnya Yang Berhormat Datuk Shukor yang ada mengatakan bahawa dua orang pegawai imigresen ditangkap, polis ditangkap dan sebagainya, sebenarnya betul, kerana mereka ini hanya sebagai fasilitator yang dijumpai.

Akan tetapi saya hendak membangkitkan perkara ini oleh sebab perkara ini sudah dibawa ke mahkamah dan saya tidak hendak membincangkan perkara ini kerana perkara ini telah dimasukkan ke mahkamah, takut menjejaskan apa sahaja istilah yang saya sebut, takut istilah itu nanti akan diguna pakai di mahkamah. Jadi, biarlah penangkapan dan kes itu dibicarakan dahulu serta diselesaikan di pihak mahkamah. Jadi Wang Kelian ini, *alhamdulillah*, tidak akan menjejaskan kedudukan kita dari sudut anti pemerdagangan orang ataupun dalam sudut *smuggle of immigrant* dalam kita mencari kedudukan yang lebih baik.

Satu lagi hakikat Yang Berhormat Chandra Mohan masih ulas di situ, balik ke situ lagi. Sebenarnya kita meminda undang-undang ini bukanlah dengan tujuan hanya, bukan hanya untuk *to satisfy the requirement of United Nations* supaya kita dapat rating yang terbaik, tidak. Sebenarnya tujuan kita juga adalah untuk memperbaiki sistem kita sendiri. Benda-benda ini sudah difikirkan dahulu daripada itu. Sistem ini perlulah diperbaiki. Oleh sebab undang-undang ini baru kepada kita, jadi kita menjadikannya satu peringkat ke satu peringkat untuk membuat pembaikan. Dalam pembaikan ini,

perbincangan bukan hanya satu pihak tetapi banyak pihak dan saya sendiri telah terlibat dalam empat kali perbincangan berhubung dengan perkara ini dan kita banyak berbincang serta memikirkan bagaimana dan apa jenis pembaikan yang perlu kita buat sebelum kita membuat cadangan penggubalan undang-undang sebagaimana yang dibuat oleh pihak AG.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu ulasan mukadimah secara ringkas saya. Oleh sebab perbahasan tidaklah begitu panjang sangat, dua hari sahaja, saya boleh menjawabnya dalam masa tiga hingga empat hari macam itu kalau diizinkan. Kalau tidak, saya boleh jawab secara bertulis. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab serba sedikit.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan juga bertanyakan berhubung dengan tindakan polis. Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah yang lebih awal. Daripada risikan dan maklumat yang diperolehi mendedahkan terdapat cubaan untuk menyeludup masuk migran secara besar-besaran terutama dari *Myanmar*. Yang Berhormat bertanya sama ada kejadian penyeludupan migran PATI seperti yang berlaku baru-baru ini di Wang Kelian adalah kerana ketidakcekapan anggota dan tugas- walaupun ia berlaku kerana terdapat *collaboration* antara *traffickers* dengan anggota penguatkuasaan.

Sebenarnya sebagaimana yang saya sebut tadi, kita telah menjalankan operasi sebelum itu. Operasi kita bermula pada bulan Januari dan Mac 2014 lagi iaitu dipanggil Ops Pintas Utara, Bil. 1, 2014. Kita menjalankan Ops Pintas Utara, Bil. 2, pada 22 Ogos dan Ops Pintas Bil. 3 iaitu pada tahun 2015 pada 14 Februari. Jadi, sebenarnya kita berlandaskan perisikan kita sendiri dan kita mengambil tindakan berlandaskan apa yang kita peroleh sendiri, bukannya berlandaskan apa-apa yang lain.

Hasil daripada operasi yang diadakan telah menyebabkan migran yang berada di sempadan telah gagal untuk membolos masuk dan terpaksa berselindung di khemah-khemah sementara yang dibina oleh sindiket-sindiket dalam hutan di sempadan untuk menunggu peluang untuk menyeludup masuk ke dalam negara. Khemah-khemah yang ditemui di tengah hutan dan berada di kawasan yang curam serta agak sukar untuk dikesan oleh pihak berkuasa itu berada dalam jarak 300 hingga 500 meter dari sempadan.

Sepanjang operasi tersebut, PDRM telah berjaya menangkap seramai 290 orang pendatang asing tanpa izin yang cuba masuk sejak 2014 sehingga April 2015. Selain daripada tanggapan PATI, PDRM juga telah berjaya menangkap sindiket yang terdiri daripada ejen, tekong dan *transporter* yang melibatkan warganegara Malaysia dan warga asing seramai 43 orang.

Selain daripada itu, terdapat enam sindiket penyeludupan migran di kawasan sempadan Malaysia-Thailand yang telah dikenal pasti dan modus operandi melalui Ops Pintas Utara yang telah dilaksanakan oleh PDRM. Seramai empat orang pegawai rendah polis telah ditangkap kerana disyaki terlibat dan bersekongkol dengan sindiket jenayah penyeludupan migran. Keempat-empat mereka masing-masing petugas di PSP Unit 79 Negeri Sembilan, Batalion 18 PGA Pengkalan Hulu, Perak dan dua orang petugas di Cawangan Pencegah Jenayah Balai Polis Sungai 2, IPD Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Tindakan mengikut peruntukan undang-undang seperti POCA dan ATIPSOM telah diambil.

Kemuncak daripada isu pemerdagangan orang yang dinyatakan ini apabila pihak polis pada 19 Januari 2015 telah menangkap 38 orang PATI di puncak Bukit Wang Burma termasuk kaki bukit, *report* 71/15. Hasil soal siasat yang dijalankan terhadap PATI yang ditahan mendedahkan banyak di antara rakan-rakan mereka telah meninggal semasa berselindung di khemah dan telah ditanam di dalam hutan berkenaan. Bertindak atas maklumat berkenaan, pada 20 Januari 2015, pasukan polis menjumpai penempatan berkenaan dan menjumpai 30 struktur tanah menyerupai kubur yang berukuran enam kaki panjang dan tiga kaki lebar di lokasi di kaki bukit. Hasil penemuan tersebut, PDRM telah melancar Ops Wawasan Khas untuk mengesan lokasi penempatan dan lokasi kubur PATI di sempadan. Hasil daripada itulah menunjukkan struktur dipercayai kubur seperti berikut. Inilah perkuburan yang telah kita jumpa yang saya telah panjang lebar saya ulas di soalan Wang Kelian tadi iaitu bagaimana kubur ini telah dijumpai oleh pihak PDRM.

Satu lagi saya ingin perjelaskan iaitu laporan surat khabar yang mengatakan 80 peratus mengikut laporan daripada *Special Branch* kononnya pihak anggota penguat kuasa di sempadan terlibat dengan perkara ini. Ini satu pendedahan yang kurang berasas.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memperjelaskan bersama dengan penjelasan tuduhan-tuduhan lain yang mengatakan laporan-laporan yang tidak diambil tindakan. Ada sekali, Tuan Yang di-Pertua, seorang *informer* bagi tahu saya- ini saya dedahkan di sini dengan tidak menyebut nama ya.

#### ■1650

Dia seorang *reporter* yang ternama dalam surat khabar yang ternama di negara kita. Dia bagi tahu saya, dia ada dua orang *informer* yang boleh memberi maklumat khusus yang tepat, betul dan boleh menangkap Yassin, nama ini banyak orang dengar, menangkap Yassin ini sebagai agen penyeludupan manusia di Wang Kelian. Jadi dia minta saya satu jaminan, dia kata kalau dia mendedahkan nama ini kepada saya boleh tidak dapat jaminan daripada saya supaya jangan ditangkap dia ini dan dihantar balik ke negara asal dia, sebab dia bimbang. Jadi, saya lepas itu bincang dengan IGP, IGP kata boleh keesokan harinya, hari Ahad *reporter* ini dipertemukan dengan pegawai penyiasat pihak Polis dan Pegawai Penyiasat Polis membawa seorang *interpreter* daripada universiti yang pakar dalam bahasa Rohingya.

Apabila telah berhadapan dan bercakap secara kepakaran yang mengetahui bahasa itu yang sebenarnya barulah di dapati bahawa maklumat ini Tuan Yang di-Pertua, tidak tepat selepas berbicara dengan dan berjumpa dengan semua yang dikatakan boleh memberi maklumat-maklumat ini daripada pukul lapan pagi hingga pukul enam petang. Saya dimaklumkan selepas itu, termasuk *reporter* ini sendiri memberitahu kepada saya bahawa maklumat itu kurang tepat. Sebenarnya tidak tepat tetapi kalau *reporter* itu tidak membawa pakar *interpreter* sebegini mana yang dibawa oleh pihak Polis di sini nescaya kita mendapat laporan mengatakan bahawa ini cerita yang sebenarnya, cerita yang betul, cerita yang tepat sebab ada orangnya, ada maklumatnya, ada orang mengatakan ini memang tepat. Yassin ini boleh ditangkap, sini tempat dia lepas itu akhirnya tidak ada apa benda pun yang kita dapati daripada wujud cerita ini. Jadi cerita ini kadang-kadang kalau tidak ada bukti-bukti yang boleh menyokongkan kebenaran

dia, tidak boleh juga diterima dengan sebegitu rupa sebagaimana kita menerima cerita di laman sosial. Dia kena diambil secara berhati-hati.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga bertanya mengapa tidak tindakan diambil terhadap laporan yang telah dibuat oleh NGO. Jadi ini juga sama sebenarnya mengikut maklumat-maklumat daripada NGO dan juga UNCI inilah mengapa polis membuat gerakan pada awal tahun 2014 dan bersama dengan maklumat-maklumat mereka sendiri dapati iaitu *Intelligence Report* yang mereka ada dapati mereka membuat satu pergerakan.

Yang Berhormat juga meminta menyatakan agensi yang mengawal keselamatan negara kita terutama berkaitan penyeludupan manusia. Untuk makluman Yang Berhormat di bawah seksyen 27 Akta 670 Penguatkuasaan dan Pemantauan boleh dibuat oleh pihak mana-mana Pegawai Polis, Pegawai Imigresen, Pegawai Kastam, Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan mana-mana Pegawai Tenaga Kerja.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga bertanya ini tadi saya sudah sebutlah berhubung dengan UNCI tadi. Cadangan kenapa tidak ada mengambil kira kanak-kanak yang turut terlibat sebagai mangsa pemerdagangan terutama daripada segi pendidikan mereka. Dalam hal ini, mangsa kanak-kanak warga Malaysia boleh menghadiri sesi persekolahan tetapi hak ini tidak terpakai kepada mangsa kanak-kanak asing berdasarkan peraturan pendidikan sedia ada. Namun begitu, kanak-kanak warga asing tidak dihalang untuk menghadiri sesi pembelajaran dianjurkan oleh badan bukan kerajaan atas atau swasta.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga menyatakan pindaan baru ini tidak mempunyai *legal framework* untuk menangani masalah pelarian konvensyen antarabangsa berkaitan dengan pelarian. Ini telah saya jelaskan tadi, kita tidak boleh menunda kepada satu undang-undang mendahului konvensyen itu sendiri, kita kena mendesak kerajaan dahulu. Yang Berhormat jadi dalam ucapan bila-bila masa dalam belanjawan ataupun ada peluang berucap berhubung dengan perkara ini mintalah kerajaan memikirkan supaya kita menangani Konvensyen Pelarian tetapi Yang Berhormat Dato' Adam pun kena berucap jugalah saya hendak dengar juga Yang Berhormat Dato' Adam kalau kita mahu di banjir tiap-tiap kali orang datang ke sini.

Apabila dia orang datang ke sini dalam konvensyen ini Tuan Yang di-Pertua, apabila dia datang ke sini, dia mesti diberi layanan dan diberi Pas Kerja dan diberi dokumen untuk perjalanan dan masuk ke Malaysia, ada di Malaysia hinggalah dia boleh mencari tempat dia menetap di negara lain. Kalau kita tidak dapat mencari tempat dia menetap ke negara lain, akhir dia menjadi orang yang menetap duduk di Malaysia.

Jadi ini kena kita fikirkan bersama tetapi ada juga cara-cara lain mungkin yang boleh menangani kerana dalam konvensyen 51 ini berpuluh-puluh macam syarat-syarat yang boleh kita letakkan yang mana kita boleh buat, yang mana kita tidak boleh buat. Sebagai amalannya banyak kebanyakan benda ini kita sudah amalkan hanya tidak secara formal, itu sahaja.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga bertanya sama ada siasatan telah selesai dijalankan apakah tindakan diambil berkaitan dengan kes berlaku di Wang Kelian. Siasatan telah dijalani oleh Polis Diraja Malaysia mengikut kaki bukit report 8915 yang diklasifikasikan di bawah seksyen 26A APTISOM siasatan tersebut masih lagi diteruskan. Seksyen 26A ini ialah seksyen sebentar Yang Berhormat. Kesalahan penyeludupan migran. Jadi masih dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanya statistik sebenar pemerdagangan orang dari tahun 2010 hingga 2014 seperti tangkapan, pendakwaan, sabitan serta jumlah mangsa pemerdagangan yang setakat ini.

#### Statistik pada tahun 2010 hingga 2014

Tahun	Bilangan Tangkapan (orang)
2010	195
2011	159
2012	244
2013	154
2014	249
<b>Jumlah</b>	<b>1001</b>

Sebanyak 1001 tangkapan diperbuat bagi tempuh lima tahun.

#### Kes yang dituduh mengikut tahun

Tahun	Kes
2010	193
2011	22
2012	70
2013	129
2014	61
<b>Jumlah</b>	<b>476</b>

Sebanyak 476 tuduhan kes pemerdagangan orang.

#### Kes yang berjaya disabitkan mengikut tahun

Tahun	Sabitan
2010	44
2011	4
2012	24
2013	6
2014	4
<b>Jumlah</b>	<b>79</b>

Manakala jumlah mangsa pemerdagangan yang di selamat sejak 2008 hingga 2015 ialah seramai 2,024 orang.

Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam juga bertanya minta kerajaan mengambil tindakan ke atas majikan yang gagal mematuhi syarat perkhidmatan terutamanya mengenai isu pembayaran gaji dan tempoh waktu bekerja. Mana-mana majikan yang gagal mematuhi kontrak perkhidmatan kerja boleh dibuat tuntutan di bawah seksyen 69, Akta Kerja 1995. Tuntutan ini akan dibicarakan di bawah Mahkamah Buruh dan jika dapat bukti satu perintah Mahkamah Buruh akan dikeluarkan. Kes-kes yang didengar mahkamah buruh tersebut hanya melibatkan pekerja-pekerja yang bekerja dengan permit yang sah sahaja. Rang Undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (APTISOM) 2015 akan membolehkan apabila pindaan ini diluluskan nanti membolehkan mangsa pemerdagangan orang untuk memohon bayaran gaji tertunggak termasuk memohon pampasan dari mahkamah.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah ingin mengetahui apakah garis panduan bagi membolehkan pembayaran pampasan diberi kepada mangsa. Jumlah pampasan akhir akan ditetapkan oleh mahkamah sebagai bayaran pampasan kepada orang yang diperdagangkan. Oleh itu maksud bayaran pampasan seksyen 432, Kanun Tatacara Jenayah diguna pakai. Ini jelas dinyatakan dalam pindaan seksyen 66A(3) dalam rang undang-undang ini.

■1700

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanya bagaimana usaha dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani masalah pemerdagangan orang ini:

- (i) meningkatkan kemahiran di kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa semua agensi penguat kuasa di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dan yang terlibat dengan tugas-tugas penguatkuasaan siasatan;
- (ii) perkongsian risikan maklumat di kalangan agensi-agensi lain dalam negara dan juga negara serantau;
- (iii) meningkatkan kesedaran masyarakat supaya mengenali mangsa pemerdagangan orang dan menyalurkan maklumat kepada penguat kuasa;
- (iv) mengadakan operasi bersepadu di kalangan agensi penguat kuasa yang lain dalam menangani isu pemerdagangan orang atau penyeludupan migran; dan
- (v) memperkasakan perundangan sedia ada menerusi pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 daripada segi memperbaiki aspek perlindungan mangsa, penglibatan badan bukan kerajaan dalam menyediakan perlindungan, menyediakan platform kepada mangsa untuk memohon bayaran gaji tertunggak dan juga pampasan.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga bertanya berapa lamakah tempoh kerajaan menanggung pelarian di kem-kem di negara ini dan berapakah kos yang terlibat. Keadaan ini bergantung kepada pengiktirafan yang dibuat oleh UNHCR yang hadir dan temu duga orang kena tuduh dalam kem-kem. Oleh yang demikian, tempoh-tempoh akan berbeza iaitu antara enam bulan sehingga melebihi

setahun. Kos seperti makanan dan minuman, kos penginapan, kos selenggaraan, kos depot yang meliputi pembayaran elektrik, bekalan air, bil telefon dan faks, pembelian peralatan, kelengkapan pejabat, pembaikan depot, elaun gaji dan bayaran lebih masa para anggota yang bertugas dalam depot penghantaran pulang dan lain-lain bergantung oleh pihak kerajaan adalah sekitar RM75 sehari bagi setiap seorang yang ditahan dalam depot.

Selain daripada itu, para tahanan juga memerlukan rawatan kesihatan dari semasa ke semasa. Kos yang ditanggung oleh kerajaan satu kos yang besar jika dijumlahkan dan amat mengalu-alukan sokongan dan bantuan pihak luar seperti NGO dalam menyumbangkan bantuan kegunaan harian seperti lampin pakai buang, susu, biskut, makanan lain dan kesesuaian untuk bayi dan kanak-kanak. Bantuan ini boleh disalurkan kepada Bahagian Pengurusan Depot dan Pengusiran, Ibu Pejabat Imigresen Malaysia di Putrajaya. Di samping itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak kedutaan dan mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan dan pembelian tiket penerbangan supaya para tahanan boleh dihantar pulang ke negara asal mereka dengan kadar segera. Kaedah ini boleh menjimatkan kos pengoperasian kepada pihak kerajaan di samping mengurangkan kesesakan dalam depot.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanya takrifan tempat perlindungan yang terdapat dalam Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran dan di mana tempat yang ditetapkan. Seksyen 42 dengan jelas menyatakan Menteri melalui pemberitahu pengisytiharan mana-mana rumah, bangunan atau tempat atau mana-mana bahagian rumah bangunan atau tempat menjadi tempat perlindungan bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan. Setakat ini, Menteri telah mengisytiharkan tujuh buah tempat sebagai tempat perlindungan iaitu empat untuk wanita, satu untuk lelaki, satu untuk kanak-kanak lelaki dan satu untuk kanak-kanak perempuan.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga bertanya siapa dan latar belakang ahli Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran dan mengapakah perlu menambah bilangan ahli majlis ini. Penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran melibatkan penyertaan pelbagai kementerian, jabatan, termasuk wakil daripada badan-badan bukan kerajaan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Akta ATIPSOM 2007 turut memperuntukkan penubuhan lima buah jawatankuasa iaitu:

- (i) Jawatankuasa Perundangan - jawatankuasa yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara;
- (ii) Jawatankuasa Penguatkuasaan - diketuai oleh Polis Diraja Malaysia, dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja;
- (iii) Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa - diketuai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Jawatankuasa Media dan Publisiti - Kementerian Komunikasi dan Multimedia; dan



- (v) Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Pemerdagangan Buruh- diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia.

Penubuhan jawatankuasa tersebut adalah bagi melaksanakan akta yang berkenaan dan tumpu sejajar dengan bidang kuasa kementerian dan jabatan masing-masing. Selain daripada itu, terdapat ahli-ahli lain yang turut menganggotai MAPO iaitu Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan dan lima kumpulan NGO.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia sekalian, cadangan pindaan ATIPSOM telah diperuntukkan tambahan ahli MAPO, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Usaha *the way forwards* untuk menangani isu pemerdagangan orang tersebut amat relevan memandangkan ia merupakan isu yang merentasi pelbagai kementerian, agensi meluaskan jaringan kerjasama dan mengerakkan jentera kerajaan sedia ada untuk bersama-sama membanteras jenayah ini daripada berleluasa. Kementerian dan agensi baru akan turut sama menyumbang dan terlibat dalam usaha membanteras jenayah ini secara kolektif dan berpadu mengambil kira kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga bertanya apakah pendekatan yang diambil oleh ASEAN terhadap isu pelarian Rohingya. Sebarang isu berkaitan pelarian Rohingya akan dijawab oleh Kementerian Luar Negeri dan Majlis Keselamatan Negara.

Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar bertanya sehubungan dengan dakwaan yang menyatakan 80% orang penguat kuasa sempadan terlibat dengan gejala rasuah. Ini telah saya jelaskan tadi bahawa fakta yang ditunjuk bukan fakta yang sahih dan *special branch* yang disebut pun tidak dikenali siapa. Daripada itu, saya menekankan di sini bahawa apa yang disebut dalam surat khabar itu belum boleh diterima berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima adalah tidak sahih. Hasil daripada semakan yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia, mengesahkan tidak kenyataan sedemikian dikeluarkan oleh Pegawai Pengarah Cawangan Khas ataupun pihak yang di benar untuk mengeluarkan kenyataan rasmi seperti yang digariskan dalam Perintah Tetap di peringkat Bukit Aman. Kontinjen daerah polis secara langsungnya kenyataan demikian walaupun ada diberi oleh individu tertentu, tetapi ia bukanlah merupakan kenyataan yang rasmi pihak PDRM.

Berdasarkan etika, peranan dan penugasan cawangan khas dalam mengendalikan dan mengurus maklumat perisikan negara, pendedahan sebarang maklumat tidak akan dilakukan melalui akhbar atau dilaksanakan secara individu. Segala maklumat risikan dikategorikan sebagai *the need to know* basis kepada pihak tertentu sahaja. Selain daripada petikan sumber yang diragui, dakwaan menyatakan 80% orang Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang dan Keselamatan Negara di sempadan terlibat dalam rasuah dan tindakan tidak diambil terhadap pegawai-pegawai penguatkuasaan seperti pegawai daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan dan Pasukan Gerakan Am juga diragui kesahihannya.

Pihak kerajaan secara konsisten telah mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang didapati mengambil rasuah atau penyalahgunaan kuasa semasa menjalankan tugas oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah melalui Jabatan Integriti dan pematuhan standard polis masing-masing. Walau bagaimanapun, maklumat yang disiarkan ini akan diberi perhatian serius oleh kementerian untuk disiasat secara terperinci dakwaan ini bagi menentukan kesahihannya. Pihak kementerian tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tidak bertolak ansur terhadap sebarang salah laku oleh pihak penguat kuasa agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

■1710

Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar bertanya sama ada telah mengenal pasti mereka yang terlibat dengan penyeludupan orang dan pemerdagangan migran. Sejak 28 Februari 2008 sehingga 3 Mei 2015, sebanyak 1,326 tangkapan melibatkan 96 kes pemerdagangan orang telah berjaya dibuat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 631 kes pemerdagangan orang telah dituduh dan 129 kes telah disabit oleh mahkamah. Manakala semenjak 15 November 2010 hingga 31 Mei 2015, sebanyak 383 tangkapan melibatkan 271 kes penyeludupan migran telah berjaya dibuat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 222 kes penyeludupan migran telah dituduh dan 109 kes telah disabit oleh mahkamah.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin juga bertanya, berapa ramaikah warga Malaysia yang menjadi mangsa kepada pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang? Apakah tindakan yang diambil untuk membanteraskan sindiket ini? Sehingga 31 Mei 2015 seramai 60 orang mangsa pemerdagangan orang dan empat orang penyeludup migran warga Malaysia telah didakwa di bawah Akta Antiemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bertanya, siapa lagi anggota jawatankuasa peringkat tertinggi selain Yang Berhormat Menteri. Cadangan pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran telah memperuntukkan tambahan ahli seperti berikut:

- (i) Kementerian Belia dan Sukan;
- (ii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (iii) Kementerian Pertahanan Malaysia;
- (iv) Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (v) Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Yang Berhormat Senator Datuk Norliza bertanya, statistik pelarian yang berdaftar dengan UNHCR adalah tinggi. Apakah penyelesaian dengan UNHCR kerana dikatakan kad palsu UNHCR dikeluarkan secara berleluasa? Jabatan Imigresen Malaysia menyedari akan kewujudan sindiket yang cuba untuk mengaut keuntungan ke atas kesengsaraan golongan orang yang susah. Sindiket ini akan mula beroperasi sebelum membawa masuk para pendatang tanpa izin di sempadan sehinggalah mereka tinggal dan bekerja dalam Malaysia. PATI ini akan dieksploitasi dengan pelbagai peras ugut dengan bayaran yang besar di sempadan. Setelah sampai Malaysia dibayar untuk perolehan kad-kad UNHCR dan bayaran untuk dilindungi dari ugutan samseng di kawasan perumahan dan tempat kerja.

Oleh yang demikian, Jabatan Imigresen Malaysia mengambil langkah berhati-hati dengan membuat rujukan secara bertulis kepada pihak UNHCR sekiranya para PATI yang dimaksudkan ditangkap semasa operasi penguatkuasaan dijalankan. Dengan ini JIM dapat memastikan PATI yang ditangkap telah mengemukakan kad UNHCR yang tulen dan teratur. Dalam pada itu banyak di antara PATI yang ditangkap telah ditipu oleh sindiket-sindiket yang tidak bertanggungjawab dengan mengeluarkan kad-kad selain daripada kad UNHCR yang tidak diiktiraf oleh pihak kerajaan.

Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa sering mengumpul maklumat, *intelligent gathering* dalam usaha menumpaskan sindiket-sindiket yang tidak bertanggungjawab dan pada masa yang sama boleh menyelamatkan PATI daripada terus dianiaya dan dieksploitasi. Datuk Norliza juga melalui semakan dalam kementerian-kementerian telah didapati bahawa bagi tempoh 2013 hingga 2014, seramai 1,208 PATI telah didakwa kerana memegang kad UNHCR palsu. Manakala seramai 269 orang PATI yang memegang kad UNHCR yang tulen telah dituduh atas kesalahan selain dari bawah Akta Imigresen.

Pihak UNHCR telah memaklumkan bahawa pihaknya telah mengambil tindakan pemecatan ke atas kakitangannya yang terlibat dalam penjualan kad UNHCR yang tulen kepada PATI-PATI yang membuat permohonan ke atas kad tersebut. Satu perjumpaan telah diadakan di antara Pesuruhjaya Tinggi UNHCR di Kuala Lumpur dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bagi membincangkan untuk mendigitalkan kad UNHCR dengan tujuan untuk mengawal dan mengelakkan kad tersebut daripada di palsu oleh sindiket-sindiket.

Datuk Norliza juga bertanya bilangan pendatang asing yang masuk mencerooboh di sempadan semakin meningkat. Apakah teknologi yang diguna oleh mereka dapat diminimumkan? Bagi menguatkuasakan, Jabatan Imigresen menjalankan pelbagai operasi tangkapan, siasatan dan pendakwaan. Sebelum setiap pendatang asing diusir ke negara asal, biometrik mereka akan diambil dan di rekod dalam sistem biometrik. Di samping biometrik jari dan gambar pesalah imigresen juga di rekod, butiran nama, tarikh, tempat lahir dan nombor pasport dalam siasatan tersebut. Penama akan disenaraihitamkan dalam sistem, tidak dibenarkan masuk semula ke Malaysia.

Selain daripada menggunakan teknologi maklumat membanteras PATI dalam negara, Jabatan Imigresen juga memandang serius terhadap integriti para pegawai yang bertugas di pintu-pintu masuk. Mereka dikehendaki untuk mengemaskinikan pengisytiharan dan menjalankan *job rotation* dari semasa ke semasa. Di samping itu, Bahagian Integriti di Jabatan Imigresen Malaysia juga mengadakan siri ceramah kesedaran dan menjalani pemantauan yang rapi, juga memastikan sempadan selalu dikawal dan tidak terancam. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, ingin mengetahui statistik sebenar dari tahun 2010 hingga 2014 berkenaan pemerdagangan orang seperti tangkapan, pendakwaan dan sabitan.

Statistik 2014, kes tangkapan, tadi sebenarnya sudah saya sebut tadi masa menjawab yang dua itu. Mangsa pemerdagangan orang juga telah saya jawab dan jumlahnya ialah tangkapan dari tahun 2010 hingga tahun 2014 ialah 1,001 tangkapan dibuat bagi tempoh lima dan pendakwaan sebanyak 631

kes pendakwaan yang dibuat hingga tahun 2014. Bagi sabitan hingga tahun 2014 dari tahun 2010 ialah sebanyak 14 sabitan tahun 2010, empat sabitan tahun 2011, 24 sabitan tahun 2012, enam sabitan tahun 2013 dan satu sabitan tahun 2014. Sebanyak 79 sabitan diperoleh bagi tempoh 2010 hingga 2014.

Sejumlah mangsa pemerdagangan yang diselamatkan dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seramai 2,024 orang. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, apakah yang dimaksudkan dengan perkataan kesediaan wang dalam peranan JA? Kesediaan wang tertakluk kepada permohonan dan kelulusan Kementerian Kewangan yang akan dipohon oleh Majlis bagi Akta Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. Maknanya duit kerajaanlah maknanya.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali dikatakan terdapat 12 kes pegawai Imigresen yang menjual orang untuk pemerdagangan di Sempadan Thailand. Ini menurut satu artikel luar negara pada tahun 2010, adakah PDRM telah mengambil tindakan terhadap kes tersebut? Pihak PDRM telah mengambil tindakan membuka kertas siasatan dan telah lengkap kertas siasatan dan dihantar kepada pihak Jabatan Peguam Negara di mana pada 26 Julai 2009, seorang pegawai Imigresen dituduh di bawah seksyen 12, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran kerana memperdagangkan orang di sempadan Thailand. Kes ini telah selesai.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah lagi, penjelasan berkenaan pegawai perlindungan di bawah seksyen 43(1), siapakah, dan apakah kriteria pegawai perlindungan ini? Di bawah seksyen 43(1)(a) pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran ini telah memberikan ruang untuk penglibatan yang lebih aktif badan bukan kerajaan ataupun NGO dan petugas NGO bagi aspek perlindungan dan penjagaan mangsa pemerdagangan orang. Ini adalah kerana akta sedia ada hanya menghadkan pengoperasian rumah perlindungan dan pegawai perlindungan kepada agensi kerajaan dan pegawai awam kerajaan.

#### ■1720

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, golongan apakah paling ramai ditangkap dan apakah kesalahannya? Mulai 1 Januari hingga 2 Julai 2015, Jabatan Imigresen Malaysia telah merekodkan seksyen 61(c) Akta Imigresen iaitu gagal mengemukakan dokumen pengenalan semasa ditangkap yang merupakan kesalahan yang paling sering dilakukan dengan 21,518 orang. Daripada jumlah itu warganegara Filipina 8,535 orang merupakan golongan yang paling ramai ditangkap diikuti oleh Indonesia - 5,080 orang; Bangladesh - 2,655 orang; Myanmar - 2,394 orang; Pakistan - 626 orang; dan lain-lain - 2,228 orang. Selain daripada itu seksyen 15(1)(c), Akta Imigresen iaitu didapati tinggal melebihi masa di Malaysia. Daripada jumlah ini warganegara Indonesia iaitu 1,625 orang merupakan golongan yang paling ramai ditangkap diikuti oleh Cambodia – 179 orang; Bangladesh – 144 orang; Filipina – 114 orang; Pakistan – 70 orang; dan lain-lain – 270 orang.

Di samping itu seramai 3,610 orang PATI telah didapati melakukan kesalahan imigresen yang lain seperti seksyen 56(1), Akta Imigresen kerana didapati adalah dalam milikan pas atau permit yang palsu. Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 kerana didapati menyalah guna pas yang diberi dan lain-lain. Daripada jumlah itu juga warganegara Indonesia iaitu 870 orang merupakan golongan

yang paling ramai diusir diikuti Thailand – 632 orang; Bangladesh – 543 orang; Vietnam – 449 orang; Pakistan 366 orang; dan lain-lain – 750 orang.

Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan pelbagai operasi tangkapan siasatan pendakwaan dan pengusiran terhadap pendatang asing tanpa izin dalam negara ini. Melalui 1 Januari hingga 2 Julai 2015 sebanyak 4,632 pelbagai operasi telah dijalankan ke atas rumah kediaman – 688; kedai premis perniagaan – 644; restoran dan kedai makan – 512; rumah kongsi dan tapak pembinaan – 429; rumah urut, pusat hiburan, dan perjudian – 210; dan lain-lain - 2,189. Daripada itu seramai 23,262 orang telah diperiksa manakala 27,534 orang PATI, dan 312 orang majikan telah ditangkap.

Manakala sebanyak enam orang agen ataupun sindiket telah turut ditangkap. Daripada jumlah itu warganegara Filipina iaitu 8,810 orang merupakan golongan yang paling ramai ditangkap diikuti oleh Indonesia – 7,575 orang; Bangladesh – 3,342 orang; Myanmar – 2,528 orang; Pakistan – 1,062 orang; dan lain-lain – 4,217 orang.

Di samping itu seramai 109,078 orang PATI telah juga diusir ke negara asal mereka. Daripada jumlah itu warganegara Indonesia iaitu 50,000 orang merupakan golongan yang paling ramai diusir diikuti oleh Bangladesh – 10,743 orang; India – 7,585 orang; Myanmar – 7,140 orang; Vietnam – 5,694 orang; Filipina – 4,941 orang; dan lain-lain – 22,450 orang.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagi yang belum dijawab Yang Berhormat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya banyak lagi soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat yang tidak ada jawapan pada saya. *Inshaa-Allah* saya boleh jawab secara bertulis. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.27 ptg.**

**Timbalan Menteri dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen. Seksyen 25, Akta LPPSA menetapkan bahawa LPPSA hendaklah bertanggungjawab memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam. Beberapa pindaan selari terhadap tiga undang-undang lain turut dibuat termasuk Akta Polis 1967 [Akta 344].

Pindaan yang dibuat kepada akta-akta tersebut adalah merupakan pindaan berbangkit iaitu *consequential amendment* iaitu bertujuan untuk memberikan kuasa untuk memotong gaji, pencen, ganjaran atau apa-apa faedah persaraan lain bagi maksud pembayaran balik kepada hutang kepada atau tuntutan oleh Kerajaan Persekutuan kepada LPPSA dan menurut seksyen 19, Akta Pencen 1980 yang membenarkan Kerajaan Persekutuan memotong gaji, pencen, ganjaran atau apa-apa faedah persaraan lain bagi maksud pembayaran balik kepada hutang atau tuntutan oleh Kerajaan Persekutuan.

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan mengambil alih pemberian kemudahan pembiayaan dan hutang-hutang daripada Kerajaan Persekutuan. Pindaan akta tersebut perlu kerana LPPSA badan berkanun dan masa ini tidak dinyatakan di bawah akta-akta tersebut menyebabkan lembaga tidak dibenarkan melakukan apa-apa pemotongan seperti Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. Pindaan seksyen 33(2), Akta Polis 1967 akan membolehkan pemotongan gaji, pencen, ganjaran atau faedah persaraan lain oleh LPPSA dibuat tanpa kekangan.

Peruntukan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, waktu kita tepat pukul 5.30 petang, Yang Berhormat terpaksa menyambung huraian pada esok hari Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Baik Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 7 Julai 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]**